





KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PENDIDIKAN

SENI VISUAL


PENDIDIKAN SENI VISUAL

TINGKATAN 3



RM6.40
ISBN 978-967-388-406-3
9 789673 884063
FT183001





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL

PENDIDIKAN

SENI VISUAL

Tingkatan 3

Penulis

Dr. Harleny binti Abd Arif
Prof. Madya Dr. Muhammad Zaffwan bin Idris
Dr. Abdul Aziz bin Zalay@Zali
Siti Rosni binti Nik Mohd Zaid

Editor

Siti Nor Fatimah binti Ramli

Pereka Bentuk

Wan Roziah binti Wan Ali
Muhamad Solahudin bin Hashim
Muhammad Syamil bin Abd. Halim

Ilustrator

Nurul Nazihah binti Mohd Som

Jurugambar

Rahmat Hidayat bin Abdul Rahman
Mohd Syahideen bin Osman

Juruvideo

Mohammad Afnan bin Zulkefli



2018



No. Siri Buku: 0075

KPM2018 ISBN 978-967-388-406-3

Cetakan Pertama 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2018

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan di dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Telaga Biru Sdn. Bhd. (Co. No. 429118-A)

No. 28, Jalan Tembaga SD 5/2A

Sri Damansara Industrial Park

52200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6275 4070

Faks: 03-6275 4110

Emel: admin@telagabiru.net.my

Reka Letak dan Atur Huruf:

Telaga Biru Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Clear Sans

Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:

Tihani Cetak Sdn Bhd,

No. 1 Jalan SB Jaya 15,

Taman Industri SB Jaya,

47000 Shah Alam, Selangor.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Penyelaras Projek dan Pegawai Teknikal Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Balai Seni Negara.
- Majlis Adat Istiadat Sarawak.
- Jabatan Muzium Negeri Sarawak.
- Jabatan Muzium Negeri Sabah.
- Galeri Shah Alam.
- Fakulti Teater dan Animasi, UiTM Shah Alam.
- SMK Seksyen 16, Shah Alam.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku.

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN PENGENALAN IKON

v
vi

BIDANG SEJARAH DAN APRESIASI SENI VISUAL

TAJUK 1: PAKAIAN TRADISIONAL DAN PERHIASAN DIRI

2

Persepsi Seni	4
Definisi Pakaian	4
Jenis-jenis Pakaian Tradisional dan Perhiasan Diri	4
Sumbangan Tokoh Budaya	12
Motif Perhiasan Diri	13
Uji Minda	13
Eksplorasi Seni	14
Ekspresi Seni	15
Apresiasi Seni	16
Imbas Kembali	17
Info Kerjaya	17
Latihan Sumatif	18

BIDANG SENI HALUS

TAJUK 2: SENI LUKISAN

20

Persepsi Seni	22
Perkembangan Sejarah Seni Lukisan Tempatan	22
Uji Minda	24
Eksplorasi Seni	25
Ekspresi Seni	26
Apresiasi Seni	27
Imbas Kembali	28
Info Kerjaya	28
Latihan Sumatif	29

TAJUK 3: SENI CATAN

30

Persepsi Seni	32
Media Seni Catan	32
Teknik Seni Catan	34
Aliran Seni Catan	35
Pelukis dan Karya Seni Catan Tempatan	36
Uji Minda	36
Eksplorasi Seni	37
Ekspresi Seni	38
Apresiasi Seni	39
Imbas Kembali	40
Info Kerjaya	40
Latihan Sumatif	41

TAJUK 4: SENI ARCA

42

Persepsi Seni	44
Definisi Seni Arca	44
Sejarah Perkembangan Seni Arca Tempatan	44
Jenis-jenis Arca	45
Kaedah Asas Membentuk Arca	46
Bentuk Arca	47
Uji Minda	47
Eksplorasi Seni	48
Ekspresi Seni	49
Apresiasi Seni	50
Imbas Kembali	51
Info Kerjaya	51
Latihan Sumatif	52

BIDANG REKA BENTUK

TAJUK 5: REKA BENTUK LANDSKAP

54

Persepsi Seni	56
Peranan Pereka Bentuk Landskap	56
Konsep Reka Bentuk Landskap	57
Uji Minda	59
Eksplorasi Seni	60
Ekspresi Seni	61
Apresiasi Seni	63
Imbas Kembali	64
Info Kerjaya	64
Latihan Sumatif	65

TAJUK 6: REKA BENTUK HIASAN DALAMAN

66

Persepsi Seni	68
Peranan Pereka Bentuk Hiasan Dalaman	68
Prinsip dan Elemen Reka Bentuk Hiasan Dalaman	69
Uji Minda	72
Eksplorasi Seni	73
Ekspresi Seni	74
Apresiasi Seni	75
Imbas Kembali	76
Info Kerjaya	76
Latihan Sumatif	77

TAJUK 7: REKA BENTUK INDUSTRI**78**

Persepsi Seni	80
Peranan Pereka dalam Reka Bentuk Industri	80
Konsep Rekaan Perabot	82
Uji Minda	83
Eksplorasi Seni	84
Ekspresi Seni	85
Apresiasi Seni	86
Imbas Kembali	87
Info Kerjaya	87
Latihan Sumatif	88

BIDANG SENI KRAF**TAJUK 8: SENI TEKAT****90**

Persepsi Seni	92
Prinsip Asas Seni Tekat	92
Motif Seni Tekat	93
Alatan Seni Tekat	94
Bahan Seni Tekat	94
Proses Penyediaan Cuban	95
Proses Penyediaan Mempulur	95
Proses Menekak	96
Uji Minda	97
Eksplorasi Seni	98
Ekspresi Seni	99
Apresiasi Seni	101
Imbas Kembali	102
Info Kerjaya	102
Latihan Sumatif	103

TAJUK 9: SENI ANYAMAN**104**

Persepsi Seni	106
Prinsip Asas Seni Anyaman	106
Jenis-jenis Seni Anyaman	106
Motif Seni Anyaman Kelarai	107
Alatan Seni Anyaman	107
Bahan-bahan Anyaman	108
Fungsi Seni Anyaman	108
Proses Penyediaan Daun Mengkuang	110
Proses Menganyam Tikar	112
Rupa Bentuk Tikar	113
Uji Minda	113
Eksplorasi Seni	114
Ekspresi Seni	115
Apresiasi Seni	118
Imbas Kembali	119
Info Kerjaya	119
Latihan Sumatif	120

BIDANG KOMUNIKASI VISUAL**TAJUK 10: SENI REKA GRAFIK (TIPOGRAFI)****122**

Persepsi Seni	124
Definisi Tipografi	124
Aplikasi Tipografi	124
Jenis dan Klasifikasi Taip	125
Tipografi Ekspresi	129
Uji Minda	130
Eksplorasi Seni	131
Ekspresi Seni	132
Apresiasi Seni	133
Imbas Kembali	134
Info Kerjaya	134
Latihan Sumatif	135

TAJUK 11: SENI FOTO (KAMERA DAN PERANTI PENGIMEJAN)**136**

Persepsi Seni	138
Definisi Kamera dan Peranti Pengimejan	138
Jenis Kamera dan Peranti Pengimejan	139
Format Kamera	140
Teknik Komposisi Kreatif dalam Fotografi	141
Uji Minda	143
Eksplorasi Seni	144
Ekspresi Seni	145
Apresiasi Seni	146
Imbas Kembali	147
Info Kerjaya	147
Latihan Sumatif	148

GLOSARI	149
RUJUKAN	150
INDEKS	152

PENDAHULUAN

Buku teks Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3 ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Buku teks ini menggabungkan fakta, data dan maklumat yang diolah serta digarap melalui penyelidikan yang rapi bagi melahirkan insan yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang Pendidikan Seni Visual.

Buku teks ini mengandungi 11 tajuk yang mencakupi lima bidang utama iaitu Sejarah dan Apresiasi Seni Visual, Seni Halus, Reka Bentuk, Seni Kraf dan Komunikasi Visual. Buku ini juga disisipkan dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Elemen Kemahiran Abad Ke-21, Elemen Merentas Kurikulum (EMK) di samping menekankan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berorientasikan murid yang menumpukan aspek inkuiri dan projek.

Persembahan buku teks yang mengandungi ilustrasi, gambar, peta minda dan carta bertujuan menjelaskan lagi teks agar murid dapat memahaminya dengan lebih jelas. Ikon tertentu juga digunakan agar kelihatan lebih mengundang perhatian serta dapat menyumbang kepada reaksi positif murid. Maklumat tambahan juga turut diselitkan bagi menambah pengetahuan murid.

Dalam usaha melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21, diharap buku ini berupaya memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan masyarakat yang berupaya bersaing di peringkat global. Pembentukan individu yang mempunyai ciri-ciri nilai murni dan mempunyai jati diri juga menjadi fokus dalam penghasilan buku teks ini.



PANDUAN PENGGUNAAN IKON DALAM BUKU TEKS



OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Tujuan mempelajari sesuatu tajuk.



STANDARD PEMBELAJARAN

Kemahiran yang akan dicapai setelah mempelajari sesuatu tajuk.



INFO SENI

Maklumat tambahan yang berkaitan seni dan budaya yang menarik.



EMK

Penerapan elemen lain bagi memantapkan kemahiran dan keterampilan murid.



KBAT

Meningkatkan keupayaan berfikir secara kreatif dan kritis.



QR CODE

Maklumat dan rujukan tambahan yang dimuatkan di dalam server.



IMBAS KEMBALI

Kesimpulan setiap bab dalam bentuk peta minda.



LATIHAN SUMATIF

Menguji tahap pemahaman murid setelah mempelajari setiap tajuk.



UJI MINDA

Menilai kefahaman murid pada setiap tajuk.



NOTA

Memberi panduan kepada guru semasa melakukan aktiviti.



INFO KERJAYA

Maklumat mengenai kerjaya dalam bidang seni visual.



KATA KUNCI

Istilah mengenai seni yang dipelajari dalam setiap bab.



KOD AR

Imbasan Kod AR (*Argumented Reality*) ialah teknologi interaktif yang menggabungkan dunia realiti dan alam maya.

BIDANG SEJARAH & APRESIASI SENI VISUAL

Bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual mengkhusus kepada Pakaian Tradisional dan Perhiasan Diri. Bidang ini berupaya melahirkan murid yang menghargai dan melestarikan warisan kebangsaan melalui pengetahuan terhadap kepelbagaian jenis pakaian tradisional dan perhiasan diri mengikut kaum dan etnik serta sumbangan tokoh budaya tempatan.



Pakaian merupakan sebahagian daripada **budaya benda** yang menampilkan aspek kepelbagaian potongan dan gaya. Pakaian bukan sahaja berfungsi sebagai bahan yang menutup tubuh badan bahkan mempunyai nilai estetik yang secara simboliknya terkandung falsafah dan makna. Dalam aspek sosial, pakaian dapat mencerminkan status individu yang menggayakannya.

Masyarakat di Malaysia terdiri daripada berbilang kaum dan etnik. Setiap kaum pula memiliki identiti budaya yang berbeza. Pakaian tradisional dan perhiasan diri merupakan satu daripada aspek yang dapat menyerlahkan perbezaan **identiti budaya**.

Kaum Melayu, Cina dan India serta etnik Iban dan Kadazan merupakan rumpun terbesar di Malaysia. Pemakaian bagi kaum dan etnik ini digayakan pada hari perayaan, majlis perkahwinan atau acara tertentu yang mencerminkan ketinggian budaya dan tatasusila pemakainya.



Pending

Sumber: Koleksi Zubaidah Sual



Objektif Pembelajaran

Selepas mempelajari tajuk ini, murid boleh:

- Menjelaskan jenis pakaian tradisional dan perhiasan diri.
- Memerihalkan pengkaji pakaian tradisional dan perhiasan diri.
- Membanding beza jenis pakaian tradisional dan motif pada perhiasan diri.
- Menjana hasil persembahan portfolio pakaian tradisional dan perhiasan diri.
- Mempamerkan karya dan menjelaskan pengalaman sendiri dengan menumpukan pada aspek media dan teknik berpandukan Bahasa Seni Visual.



Kata Kunci

- Budaya benda
- Identiti budaya



Persepsi Seni

Definisi Pakaian

Istilah pakaian mempunyai makna yang begitu luas takrifannya. Pakaian daripada aspek tersiratnya mencerminkan adab dan perilaku masyarakat pemiliknya. Dalam tradisi budaya, pakaian dikaitkan dengan upacara dan adat istiadat.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 1.1.1 Menjelaskan jenis pakaian tradisional dan perhiasan diri mengikut kaum dan etnik di Malaysia.
- 1.1.2 Memerihalkan sumbangan tokoh budaya yang mengkaji pakaian tradisional.
- 1.1.3 Mengklasifikasikan motif perhiasan diri mengikut kaum.

Jenis-jenis Pakaian Tradisional dan Perhiasan Diri

Pakaian Tradisional Melayu (Lelaki)

Peringkat awal perkembangan pola Baju Melayu Teluk Belanga adalah berpotongan singkat dan kecil, kemudiannya dilabuhkan dan dibesarkan oleh Temenggung Tun Hassan seperti yang diperihalkan dalam teks Sejarah Melayu. Pakaian baju Melayu terdiri daripada baju, seluar dan sampung serta pemakaian penutup kepala antaranya seperti tengkolok dan songkok.



Rajah 1.1 Contoh pakaian tradisional Melayu (lelaki)

Sumber: Koleksi Zubaidah Sual



Lazimnya capal disarung sebagai alas kaki bagi melengkapkan cara berpakaian.

Gambar foto 1.1 Capal

Tengkolok digubah daripada sebidang kain persegi yang dilipat, disusun, dibentuk dan diolah dengan pelbagai gaya.



Gambar foto 1.2 Tengkolok



Selain digunakan sebagai senjata, keris turut berperanan dalam upacara adat istiadat di istana sehingga dalam kalangan rakyat biasa.

Gambar foto 1.3 Keris



Butang dipakai untuk mencantumkan bahagian belahan leher baju. Hanya satu butang digunakan bagi baju Sikap dan baju Melayu Teluk Belanga. Bagi baju Melayu Cekak Musang pula, tiga atau lima butang digunakan.

Gambar foto 1.4 Butang baju Melayu

Sampung yang dipakai di bahagian luar baju dipanggil dagang luar manakala yang dipakai di dalam baju dipanggil dagang dalam.

Gambar foto 1.5 Sampung



TAHUKAH ANDA?

Semutar berfungsi sebagai ikat kepala lelaki Melayu khususnya di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Semutar lazimnya daripada kain kasa berbunga atau kain polos motif batik dengan panjang 2.5 meter x 45 inci yang dililit dengan pelbagai cara.



Info Seni

Sultan Muhammad Syah ialah sultan Melayu pertama yang mengatur cara berpakaian seperti diperihalkan dalam teks Sejarah Melayu, "... dan tidak dapat orang memakai penduk dan berterapan keris; sebesar-besar orang keluaran tiada dapat bergelang kaki dan jikalau berkeroncongan gelang berkepala perak tiada boleh."

(Sejarah Melayu, hlm. 56)



Patriotisme

Pakaian tradisional dan perhiasan diri adalah antara budaya benda yang menjadi cerminan identiti warisan kebangsaan.

Pakaian Tradisional Melayu (Wanita)



Baju Kurung Teluk Belanga dengan pemakaian satu butang atau kerongsang di leher baju. Baju ini mempunyai kekek dan pesak dengan padanan kain bersusun tepi dikenali sebagai ombak mengalun. Tiga cucuk sanggul tersemat kemas di kepala.

Baju Kurung Kedah dengan leher teluk belanga diperindahkannya dengan perhiasan kalung papan di dada. Baju dipadankan dengan kain lipatan bertangkup atau berselisih di hadapan.

Baju Kebaya berbelah di bahagian hadapan dikemaskan dengan pemakaian kerongsang ibu dan anak tiga sejajar. Wanita tampil anggun diserikan dengan perhiasan cucuk sanggul di kepala.

Baju Kurung Teluk Belanga

Baju Kurung Kedah

Baju Kebaya



Baju Kurung Cekak Musang dengan pemakaian tiga butang di dada. Pemakaiannya diperindahkannya dengan sanggul lintang sebagai perhiasan di kepala.

Baju Riau Pahang berleher cekak musang dengan potongan pesak gantung. Pemakaiannya diperindahkannya dengan perhiasan dokoh, sanggul lintang dan gendik sebagai penyeri wajah pemakainya.

Baju Kurung Cekak Musang


Baju Riau Pahang

TAHUKAH ANDA?
Potongan Baju Kurung Teluk Belanga ialah hasil perkembangan potongan Baju Melayu Teluk Belanga yang telah disesuaikan dengan cara berpakaian bagi wanita Melayu.

Rajah 1.2 Contoh pakaian tradisional Melayu (wanita)

Sumber: Koleksi Zubaidah Sual

Perhiasan Diri Masyarakat Melayu



Gendik
Perhiasan yang dipakai pada bahagian dahi yang turut dikenali sebagai pemanis dahi.

Sanggul Lintang
Sanggul lintang berbunga getar yang diubah suai lebih ringkas.

Pending
Pending merupakan kepala tali pinggang bagi golongan lelaki atau wanita yang digayakan dengan sarung atau sampung.

Dokoh
Dokoh dan kalung papan merupakan perhiasan diri yang dikalungkan di dada sebagai pelengkap gaya.

Cucuk Sanggul
Cucuk sanggul dipakai satu atau satu set lengkap terdiri daripada tiga, lima atau tujuh sebagai perhiasan di kepala.

Kalung Papan

Kerongsang Berantai
Kerongsang tiga sejajar dengan ikatan rantai.

Cincin
Sebentuk cincin diikat dengan batu permata atau cincin belah rotan yang begitu halus ukirannya.

Subang
Subang dipakai di cuping telinga dengan penahan berupa skru, berpaling sengkak atau hanya dicangkuk di belakang telinga.

Anting-anting
Subang berjurai yang tergantung di cuping telinga.

Gelang Tangan
Terdapat pelbagai jenis gelang tangan antaranya gelang belah rotan, gelang pintal dan rantai tangan.

Kerongsang Ibu dan Anak
Ibu kerongsang berbentuk hati dengan dua anak berbentuk bulat.

Gelang Kaki
Gelang kaki mempunyai bentuk hampir sama dengan gelang tangan dan dipakai di kedua-dua belah kaki.

Tali Pinggang
Tali pinggang berfungsi sebagai pengikat bagi kemas kain sarung.

Rajah 1.3 Perhiasan diri wanita Melayu

Sumber: Koleksi Zubaidah Sual

Pakaian Tradisional Cina

Ceongsam, iaitu pakaian wanita kaum Cina mempunyai potongan labuh atau singkat berkeruk di sisi serta berbelah tepi. Bahagian leher mempunyai persamaan dengan pola cekak musang yang diperindahkan dengan susunan butang dalam kedudukan serong di dada. Jenis fabrik yang sering digunakan adalah daripada sutera atau broked.

Ceongsam



Penutup Kepala




Cincin

Samfu

Samfu terdiri daripada padanan baju dan seluar yang digayakan oleh lelaki kaum Cina. Pakaian ini mempunyai belahan di bahagian hadapan yang diperkemas dengan pemakaian kancing.



Gelang tangan



Cucuk sanggul

Rajah 1.4 Pakaian tradisional dan perhiasan diri kaum Cina

Pakaian Tradisional India

Sari



Perhiasan kepala



Gelang tangan

Sari merupakan pengayaan pakaian wanita kaum India dengan menggunakan kain ela bersaiz antara 5.5 sehingga 6 meter panjang. Cara melilit kain memerlukan kemahiran agar lilitan yang membalut tubuh tanpa jahitan kelihatan rapi dan kemas bagi pemakainya.



Gelang kaki

Doti merupakan sehelai kain panjang yang dipakai oleh lelaki kaum India secara melilit di pinggang menggunakan teknik ikatan tertentu. Doti juga digayakan dengan potongan baju yang bervariasi. Selempang yang dikenali sebagai *thundu* diletakkan di bahu.

Jom Imbas



Teknik Pemakaian Doti
<http://tb-bukuteks.s3.amazonaws.com/psv2018/cpd.pdf>



Jippa

Thundu

Doti



Pakaian pengantin

Rajah 1.5 Pakaian tradisional dan perhiasan diri kaum India

Pakaian Tradisional Etnik Iban

Pakaian tradisional lelaki etnik Iban terbahagi kepada baju di bahagian dalam yang dikenali sebagai baju burong dan di bahagian luar, iaitu baju gagung. Kain sirat dipakai dengan perhiasan lampit dan ilang di bahagian pinggang. Ketapu, iaitu hiasan kepala diperbuat daripada bulu burung kenyalang atau bulu burung ruai. Penggunaan gelang di kedua-dua belah tangan dikenali sebagai tumpa jari manakala tumpa betis dipakai di bahagian bawah lutut sebagai perhiasan tambahan.



Bulu Burung Ruai

Ketapu

Baju Gagung

Tali Mulung

Baju Burong

Lampit

Ilang

Sirat

Pakaian Lelaki

Baju tradisional wanita etnik Iban digayakan dengan hiasan kepala, iaitu sugu tinggi. Pemakaian selampai dan rawai pada bahagian dalam diikuti dengan marik empang yang dihiasi dengan tali ujan. Pada bahagian pinggang, dihiasi dengan sementing ringgit dan lampit. Kain karap dengan kemas tating kain dipakai sehingga paras bawah lutut. Pakaian ini diperindah lagi dengan simpai pirak, tumpa, buah pauh dan perecha di bahagian tangan manakala gerunchung di bahagian kaki.



Sugu tinggi

Tali Ujan

Marik Empang

Selampai

Rawai

Simpai Pirak

Tumpa

Lampit

Perecha

Buah Pauh

Sementing Ringgit

Kain Karap

Tating Kain

Gerunchung Kaki

Pakaian Wanita

Jom Imbas



Gallery Walk di Muzium Tekstil Sarawak

<http://tb-bukuteks.s3.amazonaws.com/psv2018/ms10.mp4>

Rajah 1.6 Pakaian tradisional dan perhiasan diri etnik Iban

Pakaian Tradisional Etnik Kadazan

Etnik Kadazan terbahagi kepada dua, iaitu Kadazan Papar dan Kadazan Penampang. Kadazan Papar merupakan kumpulan terbesar dalam etnik Kadazan.

Pakaian tradisional lelaki etnik Kadazan Papar adalah berleungan panjang disebut sebagai sia dan dipadankan dengan seluar panjang, iaitu souva. Sandai diletakkan di bahu. Sigal pula dipakai sebagai penutup kepala.



Sigal

Sia

Sandai

Souva

Pakaian Lelaki

Sumber: Judeth John Baptist

Sia merupakan baju separas pinggang bagi wanita etnik Kadazan Papar manakala baju bahagian dalamnya yang berwarna putih dikenali sebagai sia id sahom. Pemakaian sia dipadankan dengan kain separas lutut, iaitu gonob. Perhiasan rupia atau lupia dipakai di bahagian pinggang. Gelang, iaitu bolilit dipakai di kedua-dua belah tangan. Soundung dipakai di bahagian dalam diikuti siung sebagai perhiasan kepala bagi pelengkap gaya.



Siung

Soundung

Sia Id Sahom

Sia

Rupia (Lupia)

Bolilit

Gonob

Pakaian Wanita

Jom Imbas



Gallery Walk di Jabatan Muzium Negeri Sabah

https://www.youtube.com/watch?v=4_fs1ZKW-q8

Rajah 1.7 Pakaian tradisional dan perhiasan diri etnik Kadazan Papar


Sumbangan Tokoh Budaya

Azah Aziz dan Siti Zainon Ismail merupakan budayawan yang tidak asing lagi dalam bidang kajian budaya berkaitan tekstil dan busana tradisi Melayu. Berikut merupakan sumbangan kedua-dua tokoh tersebut:



PROF. DR. SITI ZAINON ISMAIL

- Pernah menyumbangkan ilmu sebagai tutor (1976–1979), pensyarah (1980–1990) serta Profesor Madya dan Profesor hingga tahun 2007 di Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Memberi sumbangan ilmu sebagai Profesor Sejarah Seni dan Estetika serta Falsafah Kebudayaan dan Kesenian di Universiti Malaysia Sabah (2014–2016).
- Sumbangan beliau dalam bidang tekstil dan busana Melayu telah menghasilkan beberapa buah buku antaranya, *Tekstil Tenunan Melayu* (1994), *Busana Melayu Johor* (1997) dan *Pakaian Cara Melayu* (2009).



Rajah 1.8 Sumbangan tokoh budaya dalam bidang tekstil dan busana tradisional Melayu




SHARIFAH AZAH SYED MOHD ALSAGOFF (AZAH AZIZ)

- Sumbangan beliau mengenai tekstil dan busana Melayu ialah *Songket: Satu Warisan Malaysia* (1999) dan *Rupa & Gaya: Busana Melayu* (2009).
- Sumbangan beliau dalam penulisan buku *Rupa & Gaya: Busana Melayu* menghimpunkan ciri, unsur, sifat, adat resam dan artifak yang mencerminkan nilai estetik yang menjadi warisan masyarakat Melayu sejak zaman dahulu.
- Peranan beliau sebagai tokoh budayawan Malaysia berjaya memartabatkan pakaian tradisional Melayu melalui rencana, ceramah, seminar dan pertunjukan pakaian kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa.



Motif Perhiasan Diri

Pakaian tradisional tampil menawan dengan padanan perhiasan diri yang menyerlahkan ragam hias nan indah. Ragam hias tersebut diinspirasi daripada alam semula jadi yang berunsurkan flora, fauna dan kosmos serta motif organik dan geometri yang telah diolah secara sederhana. Berikut adalah antara contoh motif pada perhiasan diri.



Rajah 1.9 Motif perhiasan diri



UJI MINDA

- 1 Bagi memperkaya pengetahuan, anda diminta menyenaraikan perhiasan diri mengikut kaum melalui carian maklumat daripada pelbagai sumber.

Eksplorasi Seni

Maklumat tentang jenis pakaian tradisional dan penerokaan motif pada perhiasan diri mengikut kaum dan etnik diperoleh melalui pelbagai sumber. Murid diminta membuat carian maklumat melalui teks rujukan atau laman sesawang bagi eksplorasi seni.

Sudut Peraka Muda Aktiviti

Tujuan:

Eksplorasi maklumat daripada pelbagai sumber tentang pakaian tradisional dan perhiasan diri mengikut kaum dan etnik di Malaysia melalui kaedah stesen.

Alat dan Bahan:

Teks rujukan (tekstil) sumber maklumat dari laman sesawang, buku, majalah dan surat khabar.

Langkah:

Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.

Setiap kumpulan diberi tajuk tentang Pakaian Tradisional dan Perhiasan Diri mengikut kaum dan etnik di Malaysia.

Dapatan maklumat yang diperoleh diterjemahkan dalam bentuk peta pemikiran dan dipamerkan di sudut bilik darjah melalui kaedah stesen.

Murid diminta mengumpulkan sumber maklumat melalui bahan rujukan seperti buku, majalah, akhbar atau laman sesawang.

Setiap kumpulan akan bergerak dari satu stesen ke stesen lain untuk membuat pemerhatian bagi:

- Membuat perbandingan terhadap jenis pakaian tradisional mengikut kaum dan etnik di Malaysia.
- Menginterpretasikan jenis pakaian tradisional melalui penerokaan motif pada perhiasan diri.

Maklumat yang diperoleh melalui kaedah stesen dicatat oleh setiap murid.

Rajah 1.10 Langkah-langkah pelaksanaan eksplorasi seni



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 1.2.1 Membanding beza jenis pakaian tradisional mengikut kaum dan etnik di Malaysia.
- 1.2.2 Menginterpretasikan jenis pakaian tradisional melalui penerokaan motif pada perhiasan diri.

EKSPRESI SENI

Dalam aktiviti Ekspresi Seni, murid perlu menzahirkan idea secara kreatif dan inovatif hasil daripada eksperimentasi serta penerokaan terhadap persembahan portfolio pakaian tradisional dan perhiasan diri.

AKTIVITI SUDUT PEREKA MUDA

Tujuan:

Penzahiran idea dan konsep melalui pelbagai sumber dan teknologi dalam penghasilan portfolio pakaian tradisional dan perhiasan diri mengikut kaum dan etnik di Malaysia.

Alat dan Bahan:

Mounting board saiz A4, penebuk lubang, ring binder dan spray mount.

Langkah:

- 1 Aktiviti ini merupakan kesinambungan daripada hasil aktiviti dalam Eksplorasi Seni.
- 2 Setiap kumpulan menggunakan dapatan maklumat yang diperoleh untuk menjana idea bagi penghasilan portfolio jenis pakaian tradisional dan perhiasan diri berserta motif.

- 1 Sediakan alat dan bahan.
- 2 Hasil penjaanaan idea yang telah dicetak.
- 3 Lekatkan lembaran penjaanaan idea yang telah dicetak pada permukaan *mounting board* menggunakan *spray mount*.
- 4 Tebuk lubang pada karya yang telah ditampal pada *mounting board*.
- 5 Satukan kesemua *mounting board* yang telah siap menggunakan *ring binder*.
- 6 Artist book yang telah siap.

Rajah 1.11 Proses penyediaan Artist Book

Apresiasi Seni

Dalam aktiviti Apresiasi Seni, murid dapat membentangkan hasil karya portfolio pakaian tradisional dan perhiasan diri di hadapan kelas secara kreatif dan inovatif serta membuat apresiasi berpandukan Bahasa Seni Visual. Melalui aktiviti ini, murid dapat mempamer, menghayati dan menjelaskan hasil karya portfolio.

Aktiviti Sudut Pereka Muda

Tujuan:
Penghayatan terhadap hasil karya portfolio melalui persembahan multimedia atau aktiviti tumpu galeri.

Alat dan Bahan:
Hasil portfolio murid, iaitu *Artist Book*.

- Langkah:**
- 1 Murid mempamerkan hasil karya portfolio di sudut pameran yang disediakan.
 - 2 Murid membuat apresiasi terhadap karya yang telah dihasilkan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual.
 - 3 Guru menilai semua karya yang telah dihasilkan.

Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 1.4.1 Mempamerkan hasil karya portfolio.
- 1.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya portfolio sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual.
- 1.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya portfolio pakaian tradisional dan perhiasan diri.

Nota

Sesi apresiasi seni perlu menumpukan kriteria berikut:

- Keaslian hasil portfolio
- Perkaitan tema subjek pilihan dengan aspek Pemikiran Seni Visual
- Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan portfolio
- Kelancaran penyampaian dengan mengaplikasikan Bahasa Seni Visual



Gambar foto 1.6 Sesi apresiasi seni

IMBAS KEMBALI

Pakaian Tradisional dan Perhiasan Diri

Budaya benda yang mencerminkan kepelbagaian identiti budaya masyarakat berbilang kaum dan etnik di Malaysia.

Pakaian Tradisional		Perhiasan Diri		Motif Perhiasan Diri		
	Lelaki	Wanita	Lelaki		Wanita	
Melayu	<ul style="list-style-type: none"> Baju Sikap Baju Melayu Teluk Belanga Baju Melayu Cekak Musang 	<ul style="list-style-type: none"> Baju Kurung Teluk Belanga Baju Kurung Cekak Musang Baju Kurung Kedah Baju Riau Pahang Baju Kebaya 	Melayu	<ul style="list-style-type: none"> Tengkolok Songkok Butang Keris Samping Capal 	<ul style="list-style-type: none"> Sanggul Lintang Cucuk Sanggul Gendik Subang Anting-anting Dokoh Kalung Papan Tali Pinggang Pending Cincin Gelang Tangan Kerongsang Berantai Kerongsang Ibu dan Anak Gelang Kaki 	
Cina	<ul style="list-style-type: none"> Samfu 	<ul style="list-style-type: none"> Ceongsam 		Cina	<ul style="list-style-type: none"> Penutup Kepala Cincin 	<ul style="list-style-type: none"> Cucuk Sanggul Anting-anting Gelang Tangan
India	<ul style="list-style-type: none"> Jippa Doti 	<ul style="list-style-type: none"> Sari 			India	<ul style="list-style-type: none"> Thundu
Iban	<ul style="list-style-type: none"> Baju Gagung Baju Burong Sirat 	<ul style="list-style-type: none"> Marik Empang Selampai Rawai Kain Karap Tating Kain 		Iban	<ul style="list-style-type: none"> Ketapu Tali Mulung Lampit Ilang 	<ul style="list-style-type: none"> Sugu Tinggi Tali Ujan Simpai Pirak Tumpa Lampit Sementing Ringgit Buah Pauh Perecha Gerunchung Kaki
Kadazan	<ul style="list-style-type: none"> Sia Souva 	<ul style="list-style-type: none"> Sia Sia Id Sahom Gonob 	Kadazan		<ul style="list-style-type: none"> Sigal Sandai 	<ul style="list-style-type: none"> Siung Soundung Rupia (Lupia) Bolilit

- Melayu
 - » Teratai
 - » Geometri
 - » Organik
- Cina
 - » Burung Pheonix
 - » Geometri
- India
 - » Buah Mangga
 - » Geometri
- Iban
 - » Geometri
 - » Organik
- Kadazan
 - » Geometri

Info Kerjaya

- Kerjaya yang sesuai diceburi dalam bidang ini ialah:
- Pakar rujuk dalam bidang seni reka tekstil dan seni logam halus.
 - Pengkaji seni dan budaya yang berperanan memperkaya teks dan khazanah ilmu budaya tempatan.
 - Wartawan fesyen di media cetak atau media elektronik.
 - Pereka fesyen dan tekstil serta pereka barangan perhiasan diri tempatan yang mempunyai potensi besar menjulang nama Malaysia ke persada antarabangsa.
 - Tenaga pengajar sama ada di sekolah, Institut Kemahiran dan Institut Pengajian Tinggi (IPT).





LATIHAN SUMATIF

Soalan Objektif



Gambar Foto 1

1. Apakah jenis pakaian yang digayakan dengan perhiasan diri berdasarkan gambar foto 1?
 - A Baju Kebaya
 - B Baju Riau Pahang
 - C Baju Kurung Kedah
 - D Baju Kurung Teluk Belanga



Gambar Foto 2

2. Apakah jenis perhiasan berdasarkan gambar foto 2?
 - A Dokoh
 - B Sugu Tinggi
 - C Pemanis Dahi
 - D Cucuk Sanggul
3. Antara berikut yang manakah merupakan perhiasan kepala bagi lelaki etnik Kadazan?
 - A Sia
 - B Sigal
 - C Siung
 - D Ketapu

4. Padanan yang manakah tepat bagi pakaian tradisional lelaki dan wanita mengikut kaum dan etnik?

- I Doti – Sari
- II Gagung – Sia
- III Ketapu – Siung
- IV Samfu – Ceongsam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5. Antara berikut yang manakah bukan merupakan jenis perhiasan di telinga?

- I Dokoh
- II Pending
- III Subang
- IV Anting-anting

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Soalan KBAT

1. Pakaian tradisional sesuatu bangsa mencerminkan jati diri masyarakat pemiliknya. Bagaimanakah penerapan nilai adab dan tatasusila dapat dikaitkan dengan pemakaian tersebut?
2. Jika anda seorang pereka fesyen tempatan, bagaimanakah ciri rekaan tradisional ini dapat dilestarikan seiring dengan rekaan kontemporari di pasaran?
3. Andaikan anda pemilik sebuah perusahaan perhiasan. Pada pandangan anda, apakah jenis produk perhiasan diri yang difikirkan mempunyai potensi untuk dikomersialkan di pasaran? Jelaskan sebab-sebabnya.

BIDANG SENI HALUS

Bidang Seni Halus tingkatan 3 memberi penekanan terhadap tiga tajuk iaitu Seni Lukisan, Seni Catan dan Seni Arca. Seni lukisan menggalurkan sejarah perkembangan seni lukisan tempatan dan karya lukisan kontemporari. Seni catan memerihalkan aspek media, teknik, aliran serta pelukis dan karya seni. Seni arca pula memberi tumpuan terhadap definisi, sejarah, jenis dan kaedah penghasilan produk.



BAB 2 | SENI LUKISAN



Saiful Akmal Zainal,
Belalang, 2018, lukisan
digital (Photoshop),
variasi saiz

Objektif Pembelajaran

Selepas mempelajari tajuk ini, murid boleh:

- ➔ Menggalurkan sejarah perkembangan seni lukisan tempatan dan kontemporari.
- ➔ Membuat eksperimentasi dan penerokaan pelbagai media dan teknik dalam proses penghasilan karya seni lukisan.
- ➔ Menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan media dan teknik dalam penghasilan karya seni lukisan dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif.
- ➔ Mempamerkan, menghayati dan menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni lukisan.



Kata Kunci

- Hibrid
- Pluralis

Seni Lukisan adalah antara sebahagian hasil kebudayaan setiap bangsa di dunia. Hal ini demikian kerana penghayatan terhadap karya seni dapat mendekatkan seseorang itu ke arah mengenali nilai dan identiti budaya masyarakat yang melahirkannya.

Sejarah membuktikan bahawa lukisan sebagai sumber bernilai sejarah yang memberi makna seperti tertera pada dinding-dinding gua tempatan mahupun pada tamadun Mesir Purba. Jika tulisan dapat menyampaikan maklumat secara tersurat, lukisan pula boleh diterjemahkan secara tersirat kerana berkisar mengenai sebuah kisah atau cerita.



Mohd Hoessein Enas, *Malay Fisherman*, 1963, pastel atas kertas, 88.4 x 68.2 cm

Persepsi Seni

Perkembangan Sejarah Seni Lukisan Tempatan



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

2.1.1 Menggalurkan perkembangan seni lukisan dari aspek:

- i. Sejarah seni lukisan tempatan
- ii. Karya lukisan kontemporari

Pengkarya : Dzul kifli Buyong
Tajuk : Lidi
Tahun : 1962
Media : Pastel
Saiz : 75.5 x 54 cm



• Pengaruh gaya Barat dengan aliran ekspresionisme dan abstrak ekspresionisme dalam kalangan pelukis yang melanjutkan pengajian ke luar negara yang menerapkan stail tersebut dalam karya mereka.

• Berlaku perubahan ke arah kesenian tradisi yang lebih mencerminkan identiti nasional daripada ketetapan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan (1971) dan Seminar Akar-akar Kesenian Peribumi (1979).
• Masih mengekalkan gaya seni moden Barat di samping kesenian tradisi dan Islam sebagai sumber inspirasi dalam berkarya.

• Kebangkitan seni Islam terserlah.
• Hasil karya seni lukisan berkonsepkan Islam.
• Kepelbagaian stail dalam mencari identiti yang mencerminkan nilai bangsa, masyarakat, budaya dan agama.

• Dikenali sebagai era **pluralis** lantaran kaya dengan kepelbagaian stail, pendekatan dan makna.
• Kelompok pelukis terdiri daripada:
i. Pelukis yang menggunakan seni tradisi.
ii. Pelukis yang merujuk kepada estetika seni Islam.
iii. Pelukis yang mengekalkan stail seni Barat.



Pengkarya : Jalaini Abu Hassan
Tajuk : Ikan Kekek
Tahun : 1993
Media : Arang
Saiz : 135 x 180 cm

Rajah 2.1 Perkembangan sejarah seni lukisan tempatan

Jom Imbas

Gallery Walk di Balai Seni Negara

<http://tb-bukuteks.s3.amazonaws.com/psv2018/ms22.mp4>

Era Seni Kontemporari

Penerimaan teknologi telah mengubah persepsi bahawa karya seni tampak tidak lagi terhad kepada penggunaan media, alatan dan teknik konvensional. Penerokaan aplikasi media digital oleh pelukis tempatan telah menzahirkan pelbagai hasil karya seni kontemporari melalui media campuran, media baharu, teknik hibrid dan teknik lukisan digital.




Pengkarya : Mohd Ekram Al Hafis Hashim
 Tajuk : *Digital Potret Juliana*
 Tahun : 2015
 Media : Digital
 Saiz : Variasi saiz

Pengkarya : Hasnul Jamal Saidon
 Tajuk : *Proclaim Series*
 Tahun : 1991
 Media : Cetakan digital, dakwat, pensel dan kolaj fotografi atas kertas dan kanvas
 Saiz : 110 x 47 cm

Jom Imbas

Teknik Lukisan Hibrid

<https://vimeo.com/112759162>



Eksplorasi Seni

Dalam aktiviti Eksplorasi Seni, murid membuat penerokaan terhadap media campuran dan media baharu serta teknik gabungan dan teknik lukisan digital. Aktiviti ini membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman untuk membuat eksperimentasi serta penerokaan dalam penghasilan Seni Lukisan melalui penggunaan media dan teknik.

Standard Pembelajaran

Murid boleh:

2.2.1 Membuat eksperimentasi dan penerokaan dalam penghasilan seni lukisan menggunakan:


- Media
- Teknik

Sudut Pereka Muda Aktiviti

Tujuan:
 Mengeksplorasi dan mengapikasi pengetahuan dalam penghasilan karya seni lukisan melalui pelbagai media dan teknik.

Alat dan Bahan:
 Komputer, perisian Adobe Photoshop, Clip Studio Paint dan media kering atau media basah.


- Langkah:**
- Murid menjalankan aktiviti secara berkumpulan.
 - Setiap kumpulan diminta membuat eksperimentasi dan penerokaan terhadap pelbagai media dan teknik seperti berikut:
 - Media Campuran
 - Media Baharu
 - Teknik Hibrid
 - Teknik Lukisan Digital



Gambar foto 2.1 Perbincangan dalam kumpulan

UJI MINDA

1 Lengkapkan peta dakap di bawah.



EKSPRESI SENI

Dalam aktiviti Ekspresi Seni, murid dapat menzahirkan idea secara kreatif dan inovatif hasil daripada eksperimentasi serta penerokaan terhadap seni lukisan digital dalam penghasilan karya seni.

AKTIVITI SUDUT PEREKA MUDA

Tujuan:

Penzahiran idea dan konsep melalui pelbagai sumber dan teknologi dalam penghasilan karya seni lukisan digital.

Alat dan Bahan:

Komputer dan perisian Adobe Photoshop atau Clip Studio Paint dan mesin pencetak.

Langkah:

- 1 Aktiviti Ekspresi Seni ini dijalankan secara individu.
- 2 Setiap murid diminta menghasilkan karya seni lukisan digital berdasarkan media dan teknik yang telah dipelajari dengan membuat pilihan subjek gabungan berikut:
 - Figura dan objek buatan manusia
 - Figura dan alam semula jadi
 - Figura, objek buatan manusia dan alam semula jadi



Membuat lakaran asas



Aplikasi teknik satu ton warna



Aplikasi ton warna berdasarkan elemen pencahayaan



Perincian dan kemasan akhir

Rajah 2.2 Lukisan digital berdasarkan subjek gabungan



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 2.3.1 Menghasilkan seni lukisan dengan berpandukan gambar bertemakan subjek gabungan.



Jom Imbas



Tutorial Teknik Lukisan Digital
<https://www.youtube.com/watch?v=CTCX4pMwKAQ>



TAHUKAH ANDA?

Selain karya seni lukisan digital, murid juga boleh menghasilkan karya secara manual dengan menggunakan media campuran.

Apresiasi Seni

Dalam aktiviti Apresiasi Seni, murid dapat merancang persembahan pameran serta mempamerkan, menghayati dan menjelaskan hasil karya seni.

Aktiviti Sudut Pereka Muda

Tujuan:

Penghayatan terhadap hasil karya seni lukisan digital melalui aktiviti tumpu galeri.

Alat dan Bahan:

Hasil karya seni lukisan digital murid.

Langkah:

- 1 Murid merancang persembahan pameran hasil karya seni lukisan digital secara kolaboratif.
- 2 Murid membuat pemerhatian terhadap hasil karya seni digital dengan aplikasi pelbagai media dan teknik.
- 3 Murid diminta mengemukakan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 2.4.1 Mempamerkan hasil karya seni.
- 2.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual.
- 2.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni.



Bahasa

Sesi apresiasi karya seni dengan menggunakan laras Bahasa Seni Visual dianggap sebagai media ekspresi diri dalam kalangan murid.



Nota

Sesi apresiasi seni perlu menumpukan kriteria berikut:


- Keaslian hasil karya seni
- Mutu pembaharuan (inovatif)
- Pengawalan media dan teknik
- Perkaitan subjek pilihan gabungan dengan aspek kebudayaan tempatan
- Kelancaran penyampaian dengan mengaplikasikan Bahasa Seni Visual



Gambar foto 2.2 Sesi apresiasi seni



IMBAS KEMBALI



Info Kerjaya

Kerjaya yang sesuai diceburi dalam bidang ini ialah:

- Kurator Balai Seni Negara (BSN) yang mempunyai peranan melaksanakan pameran, seminar, forum, bicara tokoh dan bengkel seni.
- Animator yang berupaya menghasilkan penerbitan siri dan filem animasi dalam bidang industri kreatif.
- Ilustrator yang mempunyai kemahiran menghasilkan reka letak grafik antaranya dalam penerbitan buku, akhbar atau majalah.
- Pelukis komik tempatan yang berupaya menampilkan identiti kebangsaan dalam karya serta mampu mengharumkan nama negara.
- Karikaturis terkenal yang dapat menghasilkan karikatur secara spontan.



LATIHAN SUMATIF

Soalan Objektif

1. Apakah nama era seni lukis moden pada tahun 90-an?
A Era Pluralis
B Era Perintis
C Era Naturalis
D Era Imperialis

Pelukis tempatan pada masa tersebut selain masih mengekalkan gaya seni moden Barat, turut menjadikan kesenian tradisi Islam sebagai sumber inspirasi dalam berkarya.

2. Maklumat di atas menerangkan tentang perkembangan seni tempatan. Bilakah era perkembangan seperti tertera di atas?
A Era 90-an
B Era 80-an
C Era 70-an
D Era 60-an



Gambar foto 1

3. Siapakah pelukis karya gambar foto 1?
A Tay Hooi Keat
B Jalaini Abu Hassan
C Syed Ahmad Jamal
D Sharifah Fatimah Syed Zubir

4. Siapakah yang menghasilkan karya *Proclaim Series*?
A Raja Azhar Idris
B Dzulkifli Buyong
C Jalaini Abu Hassan
D Hasnul Jamal Saidon
5. Antara berikut yang manakah kategori hasil karya melalui aplikasi teknik hibrid?
A Seni Lukisan Barat
B Seni Lukisan Moden
C Seni Lukisan Baharu
D Seni Lukisan Kontemporari


Soalan KBAT

1. Andaikan anda seorang pengkarya yang akan mewakili negara dalam pertandingan Seni Lukisan Kontemporari di peringkat antarabangsa. Jelaskan idea bagi penghasilan sebuah karya yang mencerminkan identiti budaya masyarakat di Malaysia.



Gambar foto 2

2. Bincangkan secara berkumpulan tentang unsur dan prinsip serta media dan teknik hasil karya seni lukisan berdasarkan gambar foto 2.
3. Bagaimanakah hasil karya seni lukisan berupaya mendidik masyarakat berbilang bangsa ke arah perpaduan? Bincangkan.



Johan Marjonid, *Rimba Kanching - After the Rain*, 2004, cat akrilik atas kanvas, 127 x 284.5 cm

Objektif Pembelajaran

Selepas mempelajari tajuk ini, murid boleh:

- ➔ Menjelaskan media, teknik, aliran serta pelukis dan karya seni catan tempatan.
- ➔ Membuat eksperimentasi dan penerokaan pelbagai media serta teknik dalam proses penghasilan karya seni catan.
- ➔ Menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan media dan teknik dalam penghasilan karya seni catan dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif.
- ➔ Mempamerkan, menghayati dan menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni catan.

Kata Kunci

- Lut sinar
- Legap

Perkembangan seni catan tanah air dari dekad ke dekad memperlihatkan kepelbagaian dari aspek media dan teknik serta aliran hasil karya pelukis tempatan. Jika seni moden Barat berkembang melalui seni arca, fresko dan catan, pertumbuhan seni lukis di Malaysia pula berkembang melalui penerokaan ke arah melahirkan karya seni catan dengan identiti kebangsaan. Karya-karya seni yang dihasilkan sepanjang era tersebut turut menampilkan pelbagai gaya seiring peralihan masa.



Jalaini Abu Hassan, *Mata Air*, 2016, cat akrilik atas kanvas, 138 x 138 cm

Persepsi Seni

Media Seni Catan

Media yang digunakan dalam penghasilan seni catan ialah:



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

3.1.1 Menjelaskan seni catan dari aspek:

- i. Media
- ii. Teknik
- iii. Aliran
- iv. Pelukis dan karya seni catan tempatan



Rajah 3.1 Media seni catan

Jenis Media	Bahantara	Alatan	Jenis Permukaan	Teknik	Ciri-ciri
Cat Air	Air	• Berus Lembut • Berus Keras	• Kertas Cat Air • Kertas Katrij	• Teknik basah atas basah, basah atas kering, kering atas kering dan kering atas basah	• Lut sinar • Legap apabila teknik sapuan berlapis
Cat Poster	Air	• Berus Lembut • Berus Keras	• Kertas Katrij	• Sapuan warna tebal atau nipis • Aplikasi teknik warna rata	• Legap • Cepat kering
Cat Akrilik	Air	• Berus Lembut • Berus Keras	• Kanvas • Kertas Katrij	• Sapuan warna tebal atau nipis	• Legap • Cepat kering
Cat Minyak	Turpentin dan minyak linsid	• Berus Lembut • Berus Keras • Pisau Palet	• Kanvas • Papan Lapis • Kadbod	• Teknik <i>Glazing</i> dan <i>Impasto</i>	• Legap • Licin • Berkilat • Kasar dan berjalinan berdasarkan teknik sapuan • Lambat kering
Cat Gouache	Air	• Berus Lembut • Berus Keras	• Kertas Katrij	• Sapuan warna tebal atau nipis	• Legap • Lambat kering
Cat Tempera	Air	• Berus Lembut	• Kertas Katrij	• Sapuan warna tebal atau nipis	• Lut sinar • Lembut seperti teknik catan menggunakan cat air
Fresko	Kapur plaster	• Berus Keras	• Dinding	• Sapuan warna tebal atau nipis	• Legap • Cepat kering

Jadual 3.1 Bahan seni catan

Info Seni

Penubuhan Balai Seni Lukis Negara (BSLN) yang kini dikenali sebagai Balai Seni Negara (BSN) sebagai penghimpun warisan seni tampak negara telah dicadangkan oleh YM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama sejak tahun 1958.

Sumber: Inventori Himpunan Tetap Warisan Seni Tampak Negara

Teknik Seni Cat

Jenis-jenis teknik yang boleh diaplikasikan dalam penghasilan karya seni catan:

Pointillisme		Glazing			
Diaplikasikan melalui teknik titik secara berulang-ulang dengan menggunakan hujung berus dalam kedudukan menegak.	Menggunakan cat minyak dengan sapuan berus secara bersahaja untuk mewujudkan kesan warna yang licin dan berkilau.	Impasto		Hard-Edge	
Menggunakan warna secara terus dari tiub dengan sapuan pisau palet bagi mewujudkan kesan warna tebal dan legap.	Menggunakan <i>masking tape</i> untuk memisahkan warna agar karya seni catan kelihatan kemas, tepat dan terpotong-potong.	Alla Prima		Scumbling	
Menggunakan warna cat minyak yang diambil terus dari tiub dan disapukan secara spontan.	Menggunakan berus dimulai dengan warna gelap yang ditindan dengan warna cerah secara terkawal untuk menimbulkan kesan lut sinar.				

Rajah 3.2 Teknik seni catan

Aliran Seni Catan



Rajah 3.3 Aliran seni catan



Kelestarian Global

Elemen kelestarian global yang diajar secara sisipan ini penting bagi menterjemahkan hasil karya seni catan dengan pemilihan tema beridentitikan budaya tempatan. Ia berupaya mendidik murid mempunyai jati diri dan menghargai hasil karya seni visual sebagai satu daripada himpunan warisan kebangsaan.

Pelukis dan Karya Seni Catan Tempatan

Tokoh	Maklumat dan Karya
 <p>Chuah Thean Teng</p>	<ul style="list-style-type: none"> Dilahirkan pada tahun 1912 di Fujian, China. Perintis kepada penggunaan teknik batik dalam karya seni catan tempatan. Catan figuratif dengan identiti budaya masyarakat di Malaysia lazim diketengahkan dalam karya seni.  <p>Malaysian Life, 1968, batik, 182 x 899.16 cm</p>
 <p>Khalil Ibrahim</p>	<ul style="list-style-type: none"> Dilahirkan pada tahun 1934 di Kubang Kerian, Kelantan. Sering memaparkan aktiviti kehidupan masyarakat melalui catan figuratif. Sinonim dengan catan batik walaupun pada awal pembabitannya menggunakan cat air dan akrilik.  <p>Pantai Timor – East Coast I, 1978, batik, 111 x 126 cm</p>
 <p>Sulaiman Esa</p>	<ul style="list-style-type: none"> Dilahirkan pada tahun 1941 di Johor Bharu. Cenderung menampilkan tema kesenian Islam melalui penggunaan media campuran. Idea dan olahan mencerminkan unsur seni Islam yang menjadi identiti dalam penghasilan karya.  <p>Ke Arah Tauhid, 1983, media campuran, 161 x 230 cm</p>
 <p>Din Omar</p>	<ul style="list-style-type: none"> Dilahirkan pada tahun 1966 di Bachok, Kelantan. Gemar menampilkan tema tradisi masyarakat Melayu melalui aplikasi media campuran. Sinonim dengan subjek kajian terkait budaya pemakanan dan objek khazanah warisan.  <p>Antara Dua Hidangan, 1991, media campuran, 214 x 107 cm</p>
 <p>Rohaizad Shaari</p>	<ul style="list-style-type: none"> Dilahirkan pada tahun 1969 di Jitra, Kedah. Sering menyerlahkan subjek alam pemandangan tempatan dan kemasyarakatan. Basikal tua dan skuter vespa menjadi inspirasi subjek kajian pilihan.  <p>Seusia, 2013, cat air, 100 x 74 cm</p>

Rajah 3.4 Pelukis dan karya seni catan tempatan

UJI MINDA

- 1 Kenal pasti unsur seni dan prinsip rekaan karya catan dalam gambar foto 1.

Gambar foto 1



Eksplorasi Seni

Dalam aktiviti Eksplorasi Seni, murid membuat penerokaan terhadap pelbagai media dan teknik. Aktiviti ini membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman sebagai persediaan sebelum menghasilkan karya seni catan pada bahagian Ekspresi Seni.

Sudut Pereka Muda Aktiviti

Tujuan:

Eksplorasi dan aplikasi pengetahuan dalam penghasilan karya seni catan melalui pelbagai media dan teknik.

Alat dan Bahan:

Berus lembut, berus kasar, cat air, cat poster, cat akrilik, cat minyak, cat gouache, cat tempera, kertas katrij, kertas cat air, kanvas dan papan lapis.

Langkah:

- 1 Murid melakukan aktiviti secara berkumpulan.
- 2 Setiap kumpulan diminta membuat eksperimentasi dan penerokaan terhadap pelbagai media dan teknik.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 3.2.1 Membuat eksperimentasi dan penerokaan dalam penghasilan seni catan menggunakan:
 - i. Media
 - ii. Teknik

TAHUKAH ANDA?

Murid digalakkan membuat penerokaan agar tidak hanya terikat dengan jenis media dan teknik yang lazim digunakan dalam penghasilan karya seni catan.

Jom Imbas



Teknik Catan

<http://tb-bukuteks.s3.amazonaws.com/psv2018/sc.mp4>

EKSPRESI SENI

Dalam aktiviti Ekspresi Seni, murid dapat menzahirkan idea secara kreatif berdasarkan tema subjek pilihan melalui pelbagai media dan teknik dalam penghasilan karya seni.

AKTIVITI SUDUT PEREKA MUDA

Tujuan:

Penzahiran idea melalui penerokaan media dan teknik catan.

Alat dan Bahan:

Berus, cat minyak, turpentin dan kanvas.

Langkah:

- 1 Aktiviti Ekspresi Seni dijalankan secara individu.
- 2 Setiap murid diminta menghasilkan karya seni catan berdasarkan tema subjek pilihan berikut:
 - Alam semula jadi
 - Abstrak
 - Objek buatan manusia
 - Gabungan alam semula jadi dan objek buatan manusia

Proses Penghasilan Karya Seni Catan



Lakaran asas bentuk objek menggunakan berus.



Teknik *scumbling* diaplikasikan untuk membentuk objek.



Campuran ton warna yang lebih terang disapu ke atas warna hijau gelap.



Sapuan warna diteruskan untuk membentuk objek.



Warna lebih terang disapukan sebagai lapisan terakhir untuk memberi kesan pencahayaan.



Aspek pencahayaan dan bayang diutamakan bagi menghasilkan objek yang bersifat 3D.

Rajah 3.5 Proses penghasilan karya seni catan bertemakan alam semula jadi



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 3.3.1 Menghasilkan karya seni catan dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan media dan teknik.

Apresiasi Seni

Dalam aktiviti Apresiasi Seni, murid boleh menghasilkan karya seni catan menggunakan idea sendiri secara kreatif dan inovatif serta membuat apresiasi berpandukan Bahasa Seni Visual. Melalui aktiviti ini, murid dapat mempamerkan, menghayati dan menjelaskan hasil karya seni.

Aktiviti Sudut Pereka Muda

Tujuan:

Penghayatan terhadap hasil karya seni catan melalui aktiviti tumpu galeri.

Alat dan Bahan:

Hasil karya seni catan murid.

Langkah:

- 1 Murid merancang persembahan pameran karya seni catan di ruang pameran.
- 2 Murid membuat pemerhatian terhadap hasil karya rakan-rakan.
- 3 Murid mengemukakan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 3.4.1 Mempamerkan hasil karya seni.
- 3.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual.
- 3.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni.



Nota

Sesi apresiasi seni perlu menumpukan kriteria berikut:

- Keaslian hasil karya seni
- Pengawalan media dan teknik
- Kelancaran penyampaian dengan mengaplikasikan Bahasa Seni Visual




Gambar foto 3.1 Sesi apresiasi karya cat minyak murid

IMBAS KEMBALI

Seni Catan

Karya seni catan pelukis tempatan mempamerkan kepelbagaian dari aspek media, teknik dan aliran.



Info Kerjaya

Kerjaya yang sesuai diceburi dalam bidang ini ialah:

- Pengarah atau Kurator Balai Seni Negara (BSN) yang mempunyai peranan melaksanakan pameran, seminar, forum, bicara tokoh dan bengkel seni.
- Pengarah galeri seni yang menghimpunkan koleksi karya peribadi bernilai komersial.
- Pengarah seni yang berperanan menyumbang idea dalam menterjemahkan papan cerita (*story board*) dalam bidang industri kreatif negara.
- Tenaga pengajar sama ada di sekolah, Institut Kemahiran atau Institut Pengajian Tinggi (IPT).
- Artis mural, artis sepenuh masa dan ilustrator.

LATIHAN SUMATIF

Soalan Objektif



Gambar foto 1

- Apakah nama teknik berdasarkan gambar foto 1?
 - Teknik *Impasto*
 - Teknik *Percikan*
 - Teknik *Hard-Edge*
 - Teknik *Scumbling*
- Siapakah pelukis karya bertajuk *Antara Dua Hidangan*?
 - Din Omar
 - Idris Salam
 - Khalil Ibrahim
 - Rohaizad Shaari
- Antara berikut yang manakah merupakan karya Sulaiman Esa?
 - Seusia*
 - Ke Arah Tauhid*
 - Antara Dua Hidangan*
 - Pantai Timor - East Coast I*

Karya seni ini mengutamakan bentuk geometri yang bersatah.

- Pernyataan di atas merujuk kepada seni aliran ...
 - Kubisme
 - Impresionisme
 - Ekspresionisme
 - Ekspresionisme Abstrak

- Apakah jenis teknik dalam penghasilan cat minyak?
 - Glazing*
 - Impasto*
 - Tempera
 - Hibrid

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

Soalan KBAT

Antara peranan Balai Seni Negara adalah mempromosi dan meningkatkan mutu seni visual negara menerusi pelbagai aktiviti.

- Terjemahkan peranan tersebut disertai contoh aktiviti dengan menggunakan peta pemikiran yang bersesuaian.
- Banding bezakan antara teknik *scumbling* dengan *glazing* dari aspek aplikasi proses penghasilan dengan menggunakan peta pemikiran yang bersesuaian.



Gambar foto 2

- Bincangkan secara lisan tentang karya catan seperti gambar foto 2.

BAB 4 | SENI ARCA



Mad Anuar Ismail, *Pahlawan 5*, 2017, tembaga, keluli lembut dan keluli tahan karat, 130 x 230 x 35 cm

Objektif Pembelajaran


Selepas mempelajari tajuk ini, murid boleh:

- Menjelaskan definisi, sejarah, jenis dan kaedah penghasilan seni arca.
- Mengenal pasti pengarca dan seni arca tempatan.
- Membuat eksperimentasi dan penerokaan pelbagai media dan teknik dalam proses penghasilan produk seni arca.
- Menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan media dan teknik dalam penghasilan produk seni arca dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif.
- Mempamerkan, menghayati dan menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan produk seni arca.

Kata Kunci
• Arcawan

Seni arca adalah antara sebahagian hasil kebudayaan setiap bangsa di dunia. Hal ini demikian kerana penghayatan terhadap produk seni dapat mendekatkan seseorang itu ke arah mengenali nilai dan identiti budaya masyarakat yang melahirkannya. Seni arca juga memiliki keunikan, keistimewaan dan peminatnya yang tersendiri. Seni arca masa ini lebih menggabungkan elemen dan prinsip seni untuk tujuan nilai estetika tiga dimensi.

Ramlan Abdullah, *Content II*, 2017, aluminium, tembaga dan keluli tahan karat, skru dan nat, 40 x 20 x 20 cm



Raja Shahrizan Raja Aziddin, *Nafas Siri No. 9*, 2003, Besi, 24.5 x 28.5 x 13 cm

Persepsi Seni

Definisi Seni Arca

Seni arca merupakan hasil produk seni dalam bentuk 3 dimensi. Permukaannya dapat disentuh serta dilihat daripada pelbagai sudut. Perkataan arca dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *sculpture*. Manakala dalam bahasa Latin pula disebut *sculpere* yang bermakna satu proses mengukir, memotong atau menggores.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 4.1.1 Menjelaskan definisi seni arca.
- 4.1.2 Memerihalkan sejarah perkembangan seni arca tempatan:
 - i. Pengarca
 - ii. Karya arca
- 4.1.3 Menerangkan jenis-jenis arca.
- 4.1.4 Menjelaskan kaedah asas membentuk arca.
- 4.1.5 Mengklasifikasikan bentuk arca.

Sejarah Perkembangan Seni Arca Tempatan

Sejarah perkembangan seni arca tempatan mendapat tempat secara menyeluruh di Malaysia pada tahun 1960-an. Kesedaran masyarakat tentang nilai estetika seni arca yang agak subjektif setelah terpaparnya beberapa karya seni 3 dimensi (3D) di beberapa tempat umum. Ia secara tidak langsung telah menyedarkan masyarakat tentang fungsi arca. Pengiktirafan dan penerimaan masyarakat luar negara tentang kemampuan beberapa **arcawan** di Malaysia menunjukkan kemampuan kita menembusi naluri penghayat di peringkat antarabangsa.

Senario aktiviti seni arca di Malaysia masa ini mungkin tidak akan terjelma tanpa inisiatif arcawan awal seperti Syed Ahmad Jamal, Latiff Mohidin, Anthony Lau dan lain-lain. Penglibatan pada awal tahun 1960-an, melalui pengalaman di luar negara mula memantapkan dan mewarnai aktiviti seni arca negara.

Pada tahun 1976, Balai Seni Negara telah berjaya mengadakan pameran seni arca pertama yang mampu dibanggakan. Pameran Seni Arca Kontemporari Malaysia ini merupakan pameran seni arca kedua di Balai Seni Negara.

Ramlan Abdullah, *U-Clamp*, 2007, besi, kayu dan *polurethane paint*, 46 x 29 x 18 cm



Jom Imbas



Wawancara Pengarca Ramlan Abdullah
<https://www.youtube.com/watch?v=-HsbY74sR6Y>

Info Seni

Seni arca awam ialah penghasilan seni yang diletakkan di ruang terbuka. Ia merupakan satu bentuk seni yang berfungsi dalam dimensi ruang yang menyeluruh dan berlatarbelakangkan ruang persekitaran.

Pada awal tahun 1980-an, sekumpulan pengarca muda lepasan Institut Teknologi Mara telah membawa nafas baru dalam arena seni arca. Kumpulan itu diketuai oleh Zakaria Awang, Mad Anuar Ismail dan Ariffin Ismail. Kekuatan pelapis ini terserlah apabila Ramlan Abdullah memenangi beberapa anugerah di dalam dan di luar negara. Pada tahun 1995, Ramlan Abdullah telah memenangi tempat pertama di *2nd Oita Sculpture Exhibition* di Jepun melalui karyanya yang bertajuk *Growth*.

Rosli Zakaria



Rosli Zakaria, *Sarifah*, 1993, besi dan bahan jumpaan, 160 x 150 x 80 cm



- Dilahirkan pada tahun 1964 di Johor.
- Pensyarah Kanan di Jabatan Seni Halus, UiTM Melaka.
- Pengarca yang mempunyai gaya semi abstrak, dengan karya bercirikan tempatan.

Ramlan Abdullah




Ramlan Abdullah, *The Sign*, 2018, besi keluli tahan karat dan batu granit, 13.5 x 5.5 x 5.5 m



- Dilahirkan pada tahun 1960 di Perak.
- Pensyarah Kanan Jabatan Seni Halus, Fakulti Seni Lukis, UiTM Shah Alam.
- Perkembangan idea yang menerapkan pemahaman formalistik dan konseptual dalam menggarap isu ideologi yang merupakan analogi kepada pembangunan kemanusiaan.

Mad Anuar Ismail



Mad Anuar Ismail, *Perentas Ribut No. 18 (Storm Riders)*, 2012, keluli, 268 x 254 x 165 cm



- Dilahirkan pada tahun 1952 di Terengganu.
- Menerapkan nilai estetik tradisional dalam penghasilan karya dengan menggunakan teknik ukiran kayu dan kimpalan besi.

Raja Shahrman Raja Aziddin



Raja Shahrman Raja Aziddin, *Gejolak Api*, 2008, besi tempa dan cat, 170 x 80 x 233 cm



- Dilahirkan pada tahun 1967 di Perak.
- Pengarca yang dalam usahanya memahami kehidupan dan mendalami keimanan, telah mengambil proses pembuatan arca sebagai satu jalan kerohanian.

Rajah 4.1 Pengarca di Malaysia

Jenis-jenis Arca

Jenis-jenis Arca

Arca Estetik

Merupakan arca yang diperagakan dengan tujuan penghayatan nilai keindahannya sahaja. Ia mempunyai nilai intelek yang amat tinggi untuk difahami.

Mad Anuar Ismail, *Keris Handle*, 1993, besi, 153 x 62 x 5 cm



Arca Berfungsi

Arca yang bukan sahaja mempunyai nilai estetik tetapi digunakan juga untuk tujuan atau kepentingan seperti sebuah kerusi untuk tempat duduk.

Rosli Zakaria, *Stand*, 2005, kepingan besi dan batu, 80 x 35 x 36 cm



Rajah 4.2 Jenis-jenis arca

Kaedah Asas Membentuk Arca

Manipulasi

Membentuk arca dengan menggunakan kemahiran tangan seperti pembuatan model. Bahan terbuka seperti tin, dawai, doh dan tanah liat boleh digunakan untuk penghasilan arca tiga dimensi.



Binaan

Menggunakan satu jenis bahan utama sahaja untuk dibina, ditambah atau dicantumkan sehingga menghasilkan satu struktur yang lebih besar. Dua teknik yang biasa digunakan ialah berkerangka dan tidak berkerangka. Arca yang berkerangka seperti arca simen, kerangkanya menggunakan dawai dan akan diliputi dengan lapisan simen. Arca yang tiada kerangka dibina dengan kaedah cantuman bahan seperti besi yang boleh dicantumkan dengan teknik kimpalan.

Luakan

Kaedah mengukir dan membuang bahagian berlebihan pada bahan yang digunakan seperti bongkah kayu, *Plaster of Paris*, batu marmar, lilin atau tanah liat sehingga pengarca berpuas hati dengan rupa, ruang, jalinan dan bentuk yang tinggal. Antara peralatan yang diperlukan ialah pahat, penukul, gergaji dan pengikis.



Acuan

Kaedah membentuk menggunakan acuan. Bahan yang sesuai digunakan ialah bahan cecair yang mudah membeku seperti lilin, *Plaster of Paris*, simen dan sebagainya. Arca ini boleh dihasilkan dalam kuantiti yang banyak dalam tempoh masa yang singkat.



Jom Imbas



Kaedah Asas Membentuk Arca Acuan
<http://tb-bukuteks.s3.amazonaws.com/psv2018/taa.mp4>

Info Seni

Diorama ialah sejenis binaan (3D) yang mengandungi pelbagai objek untuk menggambarkan situasi yang sebenar. Komposisi situasi tersebut diletakkan di dalam satu kotak yang ditebuk satu hingga tiga permukaan supaya dapat dilihat dari hadapan atau sisi.

Bentuk Arca



Kaedah menggunakan satu jenis bahan utama sahaja untuk dibina, ditambah dan dicantumkan.

Anthony Lau, *Lembu Liar*, 1962, batu dan habuk simen, 63 x 89 x 56 cm



Arca berbentuk 3D yang menonjol keluar daripada satu permukaan 2D yang rata.

Salwa Ayob, *Mandi Bunga*, 2016, Seramik, 14 x 13 inci



Arca ini mempunyai seni kinetik kerana kemampuannya bergerak, berputar atau berombak.

Abdul Multhalib Musa, *Involute 4.0*, 2005, *lasercut mild steel*, 90 x 90 x 34 cm



Integrasi antara catan dengan arca yang dihasilkan di atas permukaan kayu dan dilekat pada dinding.

Anniketyni Madian, *Remang Berarat*, 2017, *mix of hardwood*, 122 x 122 cm

Asemblaj

Arca daripada cantuman pelbagai bahan terbuang yang berbeza.

Ahmad Azhari Mohd Noor, *Robot*, 1992, besi, komponen enjin dan cat *polychrome*, 230 x 97 x 83 cm



Binaan

Proses mengukir dan membuang bahagian yang berlebihan daripada blok bahan.

Mad Anuar Ismail, *Siri Meditasi No 1- Pucuk Paku dan No 3-Bawang Sebokor*, 2003, 170 x 70 x 199 cm



Luakan

Arca acuan dibentuk dengan menggunakan acuan.

Shamsu Mohamad, *Teko Bunga Terung*, Seramik, 2004, 18 x 20 cm



Timbulan

Mobail

Instalasi

Satu peragaan arca yang menggunakan persembahan berdasarkan tempat dan masa yang sebenar.

Zulkifli Yusof, *Merdeka 57*, 2009, media campuran, 914 x 244 x 244 cm



Dinding

Stabail

Arca jenis ini boleh bergerak tetapi tidak mempunyai awangan dan pergerakannya terhad.

Alexander Calder, *Myxomatose*, 1953, kepingan besi, dawai dan cat, 101 x 161 inci



UJI MINDA

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 1 Arca _____ merupakan arca yang diperagakan dengan tujuan penghayatan nilai keindahannya sahaja.
- 2 Seni arca _____ ialah penghasilan seni yang diletakkan di ruang terbuka.
- 3 Pada tahun 1995, karya Ramlan Abdullah yang bertajuk _____ pernah memenangi tempat pertama di *2nd Oita Sculpture Exhibition* di Jepun.
- 4 Nyatakan kaedah asas membentuk arca:
 a. b. c. d.

Eksplorasi Seni

Murid telah memahami jenis-jenis arca, kaedah asas membentuk arca serta bentuk arca. Berdasarkan pengetahuan tersebut, murid dikehendaki membuat eksperimentasi dan penerokaan terhadap pelbagai media dan kaedah asas membentuk arca.

Sudut Peraka Muda Aktiviti

Tujuan:

Eksplorasi dan aplikasi pengetahuan dalam penghasilan produk seni arca melalui pelbagai kaedah asas membentuk arca.


Alat dan Bahan:

Playar, skru, *glue gun*, pahat, tukul kayu, kertas pasir, beton, *clamp*, penutup botol, kepingan logam, *popsicle stick*, kepingan kayu, bongkah kayu, *Plaster of Paris* dan batu.

Langkah:

- Murid menjalankan aktiviti secara berkumpulan.
- Setiap kumpulan diminta membuat eksperimentasi dan penerokaan terhadap pelbagai media dan kaedah seperti berikut:

- Manipulasi
- Binaan
- Luakan
- Acuan



Kumpulan	Kaedah	Alatan	Bahan	Contoh Hasil
Kumpulan 1	Manipulasi	Playar	Kepingan logam dan dawai	
Kumpulan 2	Binaan	Skru dan <i>glue gun</i>	<i>Popsicle stick</i> dan kepingan kayu	
Kumpulan 3	Luakan	Pahat, tukul kayu dan kertas pasir	Bongkah kayu	
Kumpulan 4	Acuan	Beton, <i>clamp</i> dan tudung botol	<i>Plaster of Paris</i> dan batu	

- Catatkan hasil dapatan eksperimentasi dalam bentuk peta pemikiran i-Think.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 4.2.1 Membuat eksperimentasi dan penerokaan media dan kaedah dalam seni arca.

Info Seni

Arca semi realistik

Zainuddin Abindinhazir, *Ayam Kampong*, 2007, *mild steel*, 4 kaki x 2 kaki 5 inci

EKSPRESI SENI

Dalam aktiviti eksplorasi seni, murid telah mempelajari kaedah asas membentuk arca dengan pelbagai bahan. Berdasarkan pengetahuan dan kefahaman tersebut, murid diminta menghasilkan produk seni arca berdasarkan media dan kaedah yang dipilih.

AKTIVITI SUDUT PERAKA MUDA

Tujuan:

Penzahiran idea dan konsep melalui pelbagai sumber dan teknologi dalam penghasilan produk seni arca.

Alat dan Bahan:

Modelling tools, *NT-cutter*, span bunga (basah), cat akrilik, *gesso* dan surat khabar.

Arahan:

- Aktiviti ini dijalankan secara individu.
- Murid diminta menghasilkan produk seni arca berdasarkan media dan kaedah yang telah dipelajari dengan membuat pilihan subjek berikut:
 - Alam semula jadi
 - Semi realistik
 - Objek buatan manusia
 - Gabungan – alam semula jadi dan objek buatan manusia

- Alat dan bahan untuk arca luakan.
- Lakarkan idea di atas span bunga (basah).
- Buangkan bahagian berlebihan mengikut lakaran.
- Gunakan *modelling tools* untuk menebuk lubang.
- Bentukkan mengikut idea pada lakaran.
- Gosok dengan jari secara lembut.
- Sapukan *gesso* sehingga rata.
- Pastikan *gesso* kering sebelum menyapu cat akrilik.
- Sapukan cat akrilik untuk kemas.
- Hasil produk seni arca yang telah siap.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 4.3.1 Menghasilkan karya seni arca dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan media dan kaedah.



Kreativiti dan Inovasi

Program Outreach Kreativiti & Science4U dirangka sebagai salah satu program di bawah Gerakan Inovasi Nasional untuk menyemarakkan dan membudayakan sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan rakyat Malaysia ke arah penghasilan kekayaan, penjaanaan ilmu dan kesejahteraan rakyat.

Apresiasi Seni

Dalam aktiviti Apresiasi Seni, murid akan mempersembahkan produk seni arca secara kolaboratif. Melalui aktiviti ini, murid akan dapat mempamerkan, menghayati dan mengaitkan penggunaan Bahasa Seni Visual dalam penghasilan produk seni arca tersebut.

Aktiviti Sudut Pereka Muda

Tujuan:

Penghayatan terhadap hasil produk seni arca melalui aktiviti tumpu galeri.

Alat dan Bahan:

Hasil produk seni arca dalam sesi Ekspresi Seni.

Langkah:

- 1 Murid merancang persembahan pameran hasil produk seni arca secara kolaboratif.
- 2 Murid membuat pemerhatian terhadap hasil karya seni arca dengan aplikasi pelbagai media dan kaedah.
- 3 Murid mengemukakan pengalaman sendiri dalam penghasilan produk seni arca.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 4.4.1 Mempamerkan hasil produk seni.
- 4.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil produk sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual.
- 4.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan produk seni.



Nota

Sesi apresiasi seni perlu menumpukan kriteria berikut:

- Keaslian hasil karya
- Perkaitan tema subjek pilihan dengan aspek Pemikiran Seni Visual
- Kelancaran penyampaian dengan mengaplikasikan Bahasa Seni Visual



Gambar foto 4.1 Sesi apresiasi karya arca luakan murid



IMBAS KEMBALI

SENI ARCA

Karya seni arca tempatan mempamerkan penghasilan karya dari aspek jenis, kaedah dan bentuk arca.

Kaedah

- Manipulasi
Kaedah membentuk arca dengan menggunakan kemahiran tangan.
- Binaan
Kaedah menggunakan satu jenis bahan utama sahaja untuk dibina, ditambah dan dicantum.
- Luakan
Proses mengukir dan membuang bahagian yang berlebihan daripada blok bahan.
- Acuan
Kaedah membentuk menggunakan acuan.

Bentuk

- Asemblaj
Arca daripada cantuman pelbagai bahan terbangun yang berbeza.
- Timbulan
Arca berbentuk 3D yang menonjol keluar daripada satu permukaan 2D yang rata.
- Stabail
Arca jenis ini boleh bergerak tetapi tidak mempunyai awangan dan pergerakannya adalah terhad.
- Mobail
Arca ini mempunyai seni kinetik kerana kemampuannya bergerak, berputar atau berombak.
- Dinding
Integrasi antara catan dengan arca yang dihasilkan di atas permukaan kayu dan dilekat pada dinding.
- Instalasi
Satu peragaan arca yang menggunakan persembahan berdasarkan tempat dan masa yang sebenar.
- Acuan
Kaedah membentuk menggunakan acuan arca dengan penggunaan bahan cecair yang mudah membeku.
- Luakan
Proses mengukir dan membuang bahagian yang berlebihan daripada blok bahan.
- Binaan
Kaedah menggunakan satu jenis bahan binaan sahaja untuk dibina, ditambah dan dicantum.

Pengarca dan Karya Seni

- Rosli Zakaria *Sarifah*, 1993, besi dan bahan jumpaan
- Ramlan Abdullah *The Sign*, 2018, besi keluli tahan karat dan batu granit
- Mad Anuar Ismail *Perentas Ribut No. 18 (Storm Riders)*, 2012, keluli
- Raja Shahrman Raja Aziddin *Gejolak Api*, 2008, besi tempa dan cat

Jenis

- Arca Estetik
- Arca Berfungsi

Info Kerjaya

Kerjaya yang sesuai diceburi dalam bidang ini ialah:

- Pakar rujuk dalam bidang seni halus khususnya seni arca.
- Pensyarah dan pengarca awam.
- Pengarca yang berpotensi besar menjulang nama negara ke persada dunia sekiranya menyertai pertandingan berprestij di peringkat antarabangsa.
- Tenaga pengajar sama ada di sekolah, Institut Kemahiran dan Institut Pengajian Tinggi (IPT).





LATIHAN SUMATIF

Soalan Objektif

1. Apakah ciri utama dalam seni arca?
 - A Digunakan sebagai hiasan
 - B Seni yang berbentuk tiga dimensi
 - C Digunakan untuk upacara keagamaan
 - D Boleh dihasilkan dengan pelbagai media
2. Arca _____ boleh bergerak kerana cantuman hidup pada bahagian sendi-sendinya.
 - A timbulan
 - B luakan
 - C mobail
 - D dinding
3. Mengapakah *Plaster of Paris* dan lilin digunakan dalam arca acuan?
 - A Bahan ini mudah diperolehi
 - B Bahan ini mudah membeku
 - C Bahan ini memerlukan kos yang rendah
 - D Bahan ini digunakan oleh semua pengarca
4. Arca _____ merupakan arca yang diperagakan untuk tujuan penghayatan nilai keindahan dan menambahkan ceria ruang tertentu.
 - A kayu
 - B estetik
 - C berfungsi
 - D batu marmar

5. Antara berikut, yang manakah perintis arca terkenal di Malaysia?

- I Yong Mun Sen
- II Abdullah Arif
- III Anthony Lau
- IV Syed Ahmad Jamal

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

Soalan KBAT



Rosli Zakaria, *Keris (Uniti)*, 2016, *Lime Stone*, 2100 X 1589 X 1389 mm

Gambar foto 1

1. Apakah pandangan anda terhadap gabungan arca berfungsi dan arca estetik dalam gambar foto 1 di atas?
2. Ketengahkan langkah-langkah yang boleh dilakukan dalam usaha menggalakkan perkembangan seni arca di Malaysia dengan menggunakan peta pemikiran yang bersesuaian.
3. Pada pandangan anda, bagaimanakah penghasilan seni arca beridentitikan warisan kebangsaan dapat diketengahkan?



BIDANG

Sumber: Abdul Aziz Zalay

REKA BENTUK

Pengetahuan terhadap bidang Reka Bentuk terbahagi kepada tiga komponen iaitu Reka Bentuk Landskap, Reka Bentuk Hiasan Dalaman dan Reka Bentuk Industri. Bidang reka bentuk ini akan memfokuskan kepada peranan pereka serta ciri konsep dan elemen reka bentuk.


Pengetahuan dan pemahaman terhadap peranan reka bentuk boleh membawa pelbagai makna yang berbeza kepada masyarakat. Namun, reka bentuk merupakan cabaran dan cara menyelesaikan masalah agar dapat meningkatkan kualiti dan mutu pada sesebuah rekaan.

Reka bentuk bukan sahaja bertujuan menyelesaikan masalah tetapi bertujuan mencipta masa hadapan yang lebih baik.



BAB 5 | REKA BENTUK LANDSKAP

Reka bentuk landskap merupakan seni dalam menghias dan menyusun bahagian pandangan yang boleh dilihat secara buatan manusia melalui proses kerja kreatif atau secara semula jadi. Hasil reka bentuk landskap bertujuan mengindahkan suasana ruang serta meningkatkan kualiti ruang tersebut agar mewujudkan suasana yang lebih harmoni.



Objektif Pembelajaran

Selepas mempelajari tajuk ini, murid boleh:

- Menjelaskan peranan pereka landskap.
- Membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan dan bahan dalam reka bentuk landskap.
- Mengaplikasi elemen dan konsep rekaan dalam reka bentuk landskap Taman Mini.
- Menghasilkan reka bentuk landskap Taman Mini dengan menggunakan konsep yang dipilih.
- Mempamerkan, menghayati dan menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni reka bentuk landskap.



Kata Kunci

- Seni zen
- Paradigma
- Taman tropika
- Keluk Perancis

Persepsi Seni



Azry Fazamy merupakan pereka landskap yang dikenali dan berpengalaman luas di Malaysia. Beliau pernah terlibat dalam Pergerakan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) dalam usaha membaik pulih landskap lama kepada keadaan asal di sekitar Eropah.

Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 5.1.1 Memerihalkan peranan pereka landskap.
- 5.1.2 Menjelaskan konsep reka bentuk landskap.

Peranan Pereka Bentuk Landskap

- Merancang menghias ruang landskap dengan menitikberatkan aspek dan fungsi berdasarkan elemen dan prinsip-prinsip rekaan dalam reka bentuk landskap.
- Mendapatkan maklumat yang diinginkan oleh pelanggan mengikut peruntukan projek dan fungsi ruang tersebut hendak digunakan.
- Memastikan setiap reka bentuk yang dihasilkan memenuhi standard dan mendapat kelulusan daripada pihak berwajib.
- Memastikan ruang tersebut dapat berfungsi seperti yang dikehendaki dan bersesuaian dengan keperluan manusia.
- Memastikan reka bentuk selaras dengan struktur, mekanik dan elektrik melalui penyediaan lukisan pelan dan spesifikasi untuk kontraktor.
- Memastikan ruang yang dibina mengikut spesifikasi dan gerak kerja berada dalam jadual perancangan serta perbelanjaan pembinaan ruang tidak melebihi peruntukan pelanggan.

Ciri-ciri Seorang Pereka Landskap

- 01 Kefahaman dalam ilmu seni, fizik, sejarah, matematik dan sains.
- 02 Kemahiran menyelesaikan masalah.
- 03 Kreatif dan inovatif.
- 04 Menjelaskan idea dengan tepat.
- 05 Peka terhadap alam sekitar.
- 06 Kemahiran mengurus kerja.

TAHUKAH ANDA?

Lima langkah proses reka bentuk:

- Menjalankan inventori dan analisis tapak.
- Menentukan keperluan.
- Membuat gambar rajah fungsi.
- Membangunkan reka bentuk konseptual.
- Melukis reka bentuk akhir.


Konsep Reka Bentuk Landskap

Reka bentuk landskap yang berjaya merupakan rekaan yang memiliki konsep yang jelas. Konsep ini berfungsi sebagai:

- Panduan untuk mewujudkan persaingan dan perpaduan kepada hasil rekaan landskap.
- Membantu membimbing pereka landskap dalam mereka bentuk sesuatu projek.
- Menjelaskan fungsi bagi reka bentuk dengan baik melalui gambaran kegunaan dan pergerakan terhadap ruang yang dihasilkan.


Konsep ialah **paradigma** bagi penyatuan sesebuah projek reka bentuk dan selalunya dianggap sebagai "tema".

- **Tema serantau** ialah pendekatan popular yang memberi acuan yang agak jelas dan ringkas untuk projek reka bentuk landskap.
- **Tema taman bersejarah** boleh berkisar dari taman Perancis yang tidak formal sehingga kebangkitan rasmi taman English Cottage.
- **Gaya serantau** mungkin termasuk taman Mediterranean, taman Prairie, taman Jepun dan taman luar bandar.
- Kini, pereka landskap sering bercakap tentang reka bentuk taman kontemporari, taman moden atau taman pascamoden.




Kelestarian Alam Sekitar

Kefahaman terhadap cintakan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam dan kehidupan.



Konsep Reka Bentuk Landskap Jepun

- Merupakan sebuah taman gaya tradisional Jepun.
- Jenis taman kering atau taman batu.
- Telah diserap dan menjadi terkenal di Barat sejak akhir abad ke-19.
- Telah dibangunkan di bawah pengaruh kebun China.
- Salah satu tarikan taman Jepun ialah bonseki, bonsai dan seni zen.



Ciri-ciri Landskap Jepun:

- Sebuah rumah teh atau astaka
- Air, asli atau bertanda
- Terdapat jambatan atau batu pijak
- Batu
- Terdapat tanglung, biasanya daripada batu

Konsep Reka Bentuk Landskap Inggeris

- Merupakan gaya landskap yang terhasil di England pada awal abad ke-18.
- Dalam konsep ini biasanya terdapat tasik, halaman berumput yang bergulung, pokok-pokok, binaan klasik, binaan Gothik, jambatan dan seni bina yang menarik.



Ciri-ciri Landskap Inggeris:

- Batu kerikil
- Alat pemagaran atau dinding dengan ciri-ciri tradisional
- Rumput atau pokok renek
- Binaan yang berciri kearcaan
- Pokok dan bunga

Konsep Reka Bentuk Landskap Bali

- Merupakan **taman tropika** yang merujuk Pulau Bali di Indonesia.
- Antara elemen yang mempengaruhinya adalah daripada budaya Pulau Dewata seperti penggunaan tanaman yang menjadi salah satu ciri taman ini. Sebagai contoh, penggunaan pokok kemboja dan pandan Bali.
- Penggunaan barangan serta aksesori tradisional seperti patung-patung juga menjadi identiti landskap ini dan ia membezakannya dengan taman-taman tropikal.
- Kebanyakan hiasan bagi landskap taman berkonsep Bali yang ditampilkan menyetengahkan keunikan flora dan fauna.



Ciri-ciri Landskap Bali:

- Alam semula jadi atau buatan manusia
- Struktur ruang yang baik
- Ukiran batu atau patung
- Pokok dan bunga

Konsep Reka Bentuk Landskap Taman Melayu

- Banyak menitikberatkan hubungan antara manusia dengan persekitarannya kerana masyarakat Melayu sangat mencintai alam semula jadi.
- Mempunyai halaman yang luas untuk disesuaikan dengan pelbagai aktiviti masyarakat dan kekeluargaan.



Ciri-ciri Landskap Melayu:

- Alam semula jadi
- Pokok dan bunga
- Struktur ruang yang luas
- Binaan berasaskan kayu

Konsep Reka Bentuk Landskap Islam

- Berasal dari Arab dan tersebar ke negara lain seperti Persia, Sepanyol dan India.
- Idea landskap ini berasal daripada kepercayaan Islam mengenai impian taman syurga.
- Syurga memiliki ciri seperti air yang mengalir, pohon buah-buahan dan tempat-tempat di bawah pohon teduh.
- Konsep ini mempunyai tiga fungsi iaitu praktikal, agama dan nilai estetika.




Ciri-ciri Landskap Islam:

- Haruman dan warna
- Air
- Bunyi
- Bayang-bayang

Rajah 5.1 Konsep reka bentuk landskap



Berdasarkan peta buih berikut, banding bezakan antara landskap Bali dengan landskap Melayu.



Eksplorasi Seni

Pada bahagian ini, murid akan membuat penerokaan terhadap konsep yang dipilih seperti ciri-ciri konsep dan elemen reka bentuk landskap.

Sudut Pereka Muda Aktiviti


Tujuan:

- Membuat penerokaan terhadap konsep yang dipilih seperti ciri-ciri konsep atau elemen reka bentuk landskap.
- Eksplorasi dan aplikasi pengetahuan dalam penghasilan konsep reka bentuk landskap.


Alat dan Bahan:

Gunting, gam dan kertas lukisan.

Langkah:



Ciri-ciri Landskap Jepun



Air



Landskap Jepun



Batu pijak



Dinding atau pagar



Tanglung batu

Rajah 5.2 Konsep landskap Jepun



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 5.2.1 Membuat penerokaan terhadap konsep yang dipilih:
- i. Ciri-ciri konsep
 - ii. Elemen reka bentuk

EKSPRESI SENI

Pada bahagian Ekspresi Seni ini, murid akan menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan ciri-ciri dan elemen reka bentuk bagi mereka bentuk landskap. Seterusnya, melukis pelan reka bentuk landskap dengan menggunakan skala yang sesuai. Murid juga perlu mengaplikasikan proses menghasilkan reka bentuk landskap yang kreatif dan bersesuaian dengan tajuk yang dipilih.

AKTIVITI SUDUT PEREKA MUDA

Tujuan:

Menzahirkan idea secara kreatif dan inovatif daripada hasil eksperimentasi dan juga penerokaan terhadap reka bentuk landskap melalui penghasilan lukisan pelan berskala.

Alat dan Bahan:

Pensel teknikal, pen teknikal dan dakwat, set sesiku segi tiga, sesiku T (*T-Square*), keluk Perancis (*French curve*), pensel warna, meja lukis, kertas lukisan, kertas graf dan kertas surih.

Arahan:

- 1 Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
- 2 Setiap kumpulan akan menghasilkan folio perkembangan idea.
- 3 Hasilkan proses mereka bentuk landskap taman mini Jepun dengan lengkap. Lakukan aktiviti ini secara individu.



Gambar foto 5.1 Sesiku T



Gambar foto 5.2 Keluk Perancis



Gambar foto 5.3 Pen teknikal



Gambar foto 5.4 Pensel teknikal



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 5.3.1 Menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan ciri-ciri dan elemen reka bentuk bagi:
- i. Mereka bentuk landskap
 - ii. Melukis pelan reka bentuk landskap menggunakan skala yang sesuai
- 5.3.2 Mengaplikasikan proses menghasilkan reka bentuk landskap.




Jom Imbas





Reka Bentuk Landskap

<https://www.youtube.com/watch?v=8fkUN7g-WRQ>


Langkah:




- 1 Melukis dan mengenal pasti simbol tanaman dan elemen landskap.



- 2 Melakar gambar rajah buih dengan membuat lakaran awal tapak landskap dengan mengambil kira simbol tanaman yang dikenal pasti.



Pelan induk berskala 1:50



Pelan induk berskala 1:50

- 3 Menghasilkan pelan induk reka bentuk taman mini dengan menggunakan alat yang tersedia.
- 4 Warnakan pelan tersebut dengan betul mengikut skala yang sesuai.

Rajah 5.3 Langkah-langkah mereka bentuk taman mini Jepun

Apresiasi Seni

Pada sesi Apresiasi Seni ini, karya seni yang dihasilkan oleh murid akan dipamerkan di hadapan kelas. Murid perlu menghayati karya sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual. Pengalaman semasa menghasilkan karya seni tersebut turut dikongsi bersama rakan-rakan.



Standard Pembelajaran

- Murid boleh:
- 5.4.1 Mempamerkan hasil karya seni.
 - 5.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual.
 - 5.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni.

Aktiviti Sudut Pereka Muda

Tujuan:

Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni yang dihasilkan serta berkongsi pengalaman semasa menghasilkan karya seni.

Alat dan Bahan:

Hasil rekaan taman mini murid dalam aktiviti Ekspresi Seni.

Langkah:

- 1 Guru memilih hasil karya seni terbaik.
- 2 Hasil karya tersebut dilekatkan pada papan tulis di hadapan kelas.
- 3 Setiap kumpulan menghantar wakil untuk membentangkan hasil karya seni kepada rakan-rakan yang lain selama lima minit.
- 4 Murid membuat apresiasi berpandukan pengalaman sendiri dalam penghasilan reka bentuk landskap.



Nota

Sesi apresiasi seni perlu menumpukan kriteria berikut:

- Kesesuaian tajuk dan konsep
- Keaslian hasil rekaan
- Perkaitan tema subjek pilihan dengan aspek Pemikiran Seni Visual
- Kelancaran penyampaian dengan mengaplikasikan Bahasa Seni Visual



Gambar foto 5.4 Hasil karya dibentangkan di dalam kelas

REKA BENTUK LANDSKAP

PEREKA

PERANAN

- Merancang menghias ruang landskap
- Memastikan ruang dapat berfungsi seperti yang dikehendaki
- Mendapatkan maklumat yang diinginkan oleh pelanggan
- Memastikan reka bentuk selaras dengan struktur, mekanik dan elektrik
- Memastikan setiap reka bentuk memenuhi standard dan mendapat kelulusan
- Memastikan ruang yang dibina mengikut spesifikasi

CIRI-CIRI

- Berilmu
- Menyelesaikan masalah
- Kreatif dan inovatif
- Menjelaskan idea dengan tepat
- Peka terhadap alam sekitar
- Kemahiran mengurus kerja

KONSEP

- Landskap Jepun
- Landskap Inggeris
- Landskap Bali
- Landskap Melayu
- Landskap Islam



Info Kerjaya

Kerjaya yang sesuai diceburi dalam bidang ini ialah:

- Arkitek landskap.
- Perancang bandar dan wilayah.
- Pembantu teknikal kepada arkitek bangunan.
- Kontraktor landskap.
- Tenaga pengajar di sekolah, Institut Kemahiran dan Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Soalan Objektif

1. Reka bentuk landskap bermaksud ...
 - A Aktiviti mereka bentuk produk.
 - B Perancangan bagi menghias ruang landskap.
 - C Peranan seorang pereka bentuk membina idea.
 - D Seni dalam menghias dan menyusun bahagian dalaman sesuatu ruang dan mereka bentuk bahagian untuk menjadikan keadaan lebih selesa.
2. Apakah kepentingan pereka bentuk landskap?
 - A Memastikan udara segar
 - B Meningkatkan kualiti tumbuhan
 - C Menentukan tumbuhan untuk ditanam
 - D Memastikan ruang landskap yang dibina mengikut spesifikasi



Gambar foto 1

3. Gambar foto 1 merujuk kepada konsep ...
 - A Bali
 - B Jepun
 - C Melayu
 - D Inggeris

Konsep ini banyak menitikberatkan hubungan antara manusia dengan persekitarannya.

4. Kenyataan tersebut adalah merujuk kepada konsep ...
 - A Bali
 - B Jepun
 - C Melayu
 - D Inggeris
5. Konsep berikut menggunakan pokok dan bunga bagi ciri-ciri dalam konsep taman landskap. Konsep tersebut merujuk kepada ...
 - A Bali dan Melayu
 - B Jepun, Bali dan Melayu
 - C Inggeris, Bali dan Melayu
 - D Inggeris, Jepun dan Melayu

Soalan KBAT

1. Bagaimanakah konsep Jepun dapat memberi kesan harmoni kepada sesebuah taman?




Gambar foto 2

2. Merujuk gambar foto 2, jelaskan ciri-ciri konsep reka bentuk landskap taman tersebut.

BAB 6 | REKA BENTUK HIASAN DALAMAN

Hiasan dalaman merupakan seni dalam menghias dan menyusun bahagian dalaman sesuatu ruang dan mereka bentuk ruang untuk menjadikan keadaan lebih selesa. Kemahiran mengolah sesebuah ruang berdasarkan fungsi pengetahuan individu merupakan tindakan yang sesuai dan harmoni dengan cita rasa keperluan seseorang. Sesebuah ruang perlu menggambarkan idea yang jelas mengenai hiasan dalaman supaya ruang kelihatan selesa dan mendorong seseorang untuk lebih positif.



Objektif Pembelajaran

Selepas mempelajari tajuk ini, murid boleh:

- ➔ Menjelaskan peranan pereka hiasan dalaman.
- ➔ Membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan dan bahan dalam reka bentuk hiasan dalaman.
- ➔ Menterjemahkan lukisan perspektif dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif.
- ➔ Mempamerkan, menghayati dan menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni reka bentuk hiasan dalaman.

Kata Kunci

- Rendering
- Fleksibiliti
- Kertas surih
- Lukisan perspektif

Persepsi Seni

Peranan Pereka Bentuk Hiasan Dalam

Pereka bentuk hiasan dalaman berperanan merancang untuk menghias ruang dalaman dengan menitikberatkan aspek-aspek dan fungsi berdasarkan elemen dan prinsip rekaan dalam hiasan dalaman. Pereka bentuk hiasan dalaman berperanan:

- 1 Merancang menghias reka bentuk ruang hiasan dalaman dengan menitikberatkan aspek dan fungsi berdasarkan elemen dan prinsip rekaan.
- 2 Memastikan ruang reka bentuk berfungsi seperti yang dikehendaki dan bersesuaian dengan kehendak pelanggan.
- 3 Menentukan objektif reka bentuk melalui rundingan bersama.
- 4 Mencipta dan menghasilkan kemas reka bentuk ruang hiasan dalaman untuk kegunaan seperti ruang rumah kediaman, ruang bangunan awam, ruang komersial dan sebagainya.
- 5 Menganalisis keperluan fungsi dan mengkaji susun atur reka bentuk hiasan dalaman dengan lebih efektif dan baik.

Peranan pereka bentuk hiasan dalaman juga dapat membantu membuat pilihan yang tepat dan sesuai mengikut cita rasa individu. Peranan penting dalam menghasilkan sesebuah reka bentuk hiasan dalaman ialah

<p>1 Fungsi Bilik</p>  <p>Kegunaan bilik sama ada berfungsi sebagai bilik tidur, bilik tamu, bilik pejabat dan sebagainya.</p>	<p>2 Saiz Bilik</p>  <p>Keluasan dan ketinggian sesebuah bilik perlulah diketahui bagi menentukan jenis hiasan, jenis perabot dan aturan yang akan digunakan untuk menghias bilik.</p>
<p>3 Bentuk Bilik</p>  <p>Keadaan dan kepelbagaian bentuk bilik sama ada berbentuk segi empat sama, segi empat tepat dan sebagainya.</p>	<p>4 Lokasi Bilik</p>  <p>Lokasi bilik penting bagi mengetahui arah pencahayaan dan pengudaraan dalam sesebuah bilik.</p>

Rajah 6.1 Peranan penting dalam penghasilan reka bentuk hiasan dalaman



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 6.1.1 Memerihalkan peranan pereka hiasan dalaman.
- 6.1.2 Menjelaskan prinsip dan elemen reka bentuk hiasan dalaman.

Ciri-ciri Seorang Pereka Hiasan Dalam

- Kreativiti, imaginasi dan bakat seni.
- Kemahiran komunikasi dan pendengar yang baik.
- Cita rasa warna yang baik dan teliti.
- Kebolehan untuk menghasilkan ilustrasi dan lukisan teknikal.
- **Fleksibiliti** dalam mereka bentuk.
- Kemahiran menyelesaikan masalah.




Prinsip dan Elemen Reka Bentuk Hiasan Dalam

Secara umumnya, terdapat beberapa prinsip dalam bidang reka bentuk hiasan dalaman. Antaranya ialah kesatuan, imbangan, irama dan pergerakan, penegasan, kontra, skala dan kadar banding serta perincian. Elemen hiasan dalaman pula ialah ruang, garisan, cahaya, bentuk, warna, jalinan dan corak.

Prinsip-prinsip Reka Bentuk Hiasan Dalam

Kesatuan

Kesatuan dapat dicapai apabila semua elemen dalam ruang dapat berfungsi bersama dan saling melengkapi. Hal ini bermakna, kita dapat melihat ruang secara keseluruhan dan elemen memainkan peranan dalam memenuhi fungsi ruang.



Imbangan

Imbangan dalam hiasan dalaman berhubung kait dengan penyusunan keseluruhan ruang yang menjadikannya kelihatan seimbang. Ia terdiri daripada imbangan simetri dan imbangan tidak simetri.

Sumber: Abdul Aziz Zalay



TAHUKAH ANDA?

Gabungan elemen semula jadi dan elemen buatan manusia membantu serta menambahkan kesempurnaan dari segi warna dan menceriakan ruang.



Nilai Murni

Penekanan akan kepentingan daripada aspek kerohanian dan kemanusiaan dalam amalan kehidupan seharian.

Irama

Bagi mewujudkan irama dalam ruang hiasan dalaman, penggunaan elemen tertentu berlaku secara berulang-ulang.



Penegasan

Prinsip penegasan dalam reka bentuk hiasan dalaman merujuk kepada kaedah penggunaan warna atau perabot yang mampu menjadi tumpuan dan fokus utama.

Sumber: Abdul Aziz Zalay



Kontra

Kontra wujud pada penggunaan pelbagai elemen yang bertentangan seperti penggunaan warna, saiz perabot dan tanaman hiasan.



Skala dan Kadar Banding

Kedua-dua prinsip ini mempunyai kaitan dengan saiz objek hiasan dan barangan. Dalam reka bentuk hiasan dalaman, prinsip-prinsip ini menimbulkan rasa pertalian dengan elemen lain.



Perincian

Perincian merupakan prinsip yang perlu dititikberatkan bagi reka bentuk hiasan dalaman. Perincian yang dimaksudkan ialah objek hiasan sebagai penambah seri seperti penggunaan pasu bunga, bantal, langsir, bingkai gambar, hiasan dinding dan tombol perabot.

Elemen Reka Bentuk Hiasan Dalaman



Ruang

Ruang yang diisi dengan perabot atau dekorasi ialah ruang positif manakala ruang kosong ialah ruang negatif. Keseimbangan harus dikekalkan antara ruang positif dengan ruang negatif. Ruang dibahagikan kepada dua jenis, iaitu ruang dua dimensi yang meliputi lantai (termasuk panjang dan lebar) dan ruang tiga dimensi yang membentuk ruang hidup (termasuk panjang, lebar dan ketinggian).

Cahaya

Elemen cahaya terbahagi kepada dua, iaitu semula jadi dan buatan manusia. Tanpa elemen cahaya, elemen-elemen yang lain seperti warna, tekstur dan corak tidak akan mempunyai kesan sama sekali.



Garisan

Garisan melahirkan bentuk dan rupa serta bertanggungjawab untuk mewujudkan rasa harmoni, kontras dan perpaduan dalam ruang hidup. Garisan secara umumnya dikategorikan kepada tiga jenis iaitu mendatar, menegak dan dinamik.

Bentuk

Bentuk ialah garis besar mana-mana objek tiga dimensi yang terdapat di dalam ruang. Bentuk boleh diwujudkan dengan menggabungkan dua atau lebih rupa dan boleh ditekankan dengan bantuan elemen-elemen lain seperti tekstur, corak dan warna. Bentuk yang jelas mampu mewujudkan keharmonian dan keseimbangan pada ruang. Terdapat dua jenis bentuk, iaitu geometri (buatan manusia) dan alam (organik).



Rajah 6.2 Prinsip reka bentuk hiasan dalaman

Jalanan

Jalanan berkaitan dengan permukaan dan menentukan bagaimana sesebuah permukaan biasa akan kelihatan dan dirasai. Jalanan boleh diklasifikasikan kepada dua jenis, iaitu jalanan tampak dan jalanan rasa.



Warna

Warna mewujudkan hubungan estetik antara objek dengan penetapan *mood*. Warna mesti dipilih berdasarkan psikologi dan pandangan penghuni. Setiap warna mempunyai tiga ciri yang berbeza iaitu *hue*, nilai dan intensiti.



Corak

Corak mampu meningkatkan minat terhadap reka bentuk hiasan dalaman dan ia berinteraksi bersama elemen warna. Corak boleh menjadi sebarang bentuk dan kebanyakannya terdiri daripada reka bentuk yang berulang dan menjadikannya menarik.



Rajah 6.3 Elemen reka bentuk hiasan dalaman

UJI MINDA

Jawab semua soalan di bawah.

- 1 Nyatakan peranan pereka bentuk hiasan dalaman.
- 2 Berikan dua elemen dalam reka bentuk hiasan dalaman.
- 3 Bagaimanakah elemen pencahayaan dapat membantu sesebuah ruang bilik?

Eksplorasi Seni

Murid dikehendaki membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan dan proses dalam penghasilan lukisan perspektif ruang di dalam ruang kediaman. Murid juga perlu mengaplikasikan proses mereka bentuk hiasan dalaman.

Sudut Pereka Muda Aktiviti

Tujuan:

Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman untuk membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan dan proses dalam mereka bentuk hiasan dalaman.

Alat dan Bahan:

Pen, pensel, pembaris dan kertas lukisan.

Langkah:


- 1 Murid diberi pendedahan terhadap penghasilan lukisan perspektif titik lenyap.
- 2 Murid melakar lukisan pelan.
- 3 Murid menghasilkan lukisan perspektif menggunakan kaedah titik lenyap (*vanishing point*).




Standard Pembelajaran

Murid boleh:


- 6.2.1 Membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan dan proses dalam penghasilan lukisan perspektif ruang di dalam rumah kediaman.
- 6.2.2 Menghasilkan lukisan perspektif:
 - i. Satu titik lenyap
 - ii. Dua titik lenyap
 - iii. Tiga titik lenyap
- 6.2.3 Mengaplikasikan proses mereka bentuk hiasan dalaman.



Satu Titik Lenyap



Dua Titik Lenyap



Tiga Titik Lenyap

Rajah 6.4 Menghasilkan lukisan perspektif

EKSPRESI SENI

Pada bahagian Ekspresi Seni ini, murid akan menghasilkan lukisan perspektif menggunakan skala yang sesuai.

AKTIVITI SUDUT PEREKA MUDA

Tujuan:

- 1 Menganalisis dan memanipulasikan hasil eksperimentasi serta penerokaan terhadap alatan, simbol dan konsep dalam penghasilan lukisan perspektif ruang dalam kediaman.
- 2 Menzahirkan idea dan konsep melalui pelbagai sumber dan teknologi dalam penjaanaan tugasan.

Alat dan Bahan:

Pensel teknikal, pen teknikal, pensel warna, pembaris, sesiku T, sesiku segi tiga, keluk Perancis (*French curve*), kertas lukisan dan kertas surih.

Langkah:


- 1 Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
- 2 Setiap kumpulan akan menghasilkan folio perkembangan idea.
- 3 Hasilkan proses mereka bentuk hiasan dalaman dengan lengkap berpandukan contoh yang diberi.
- 4 Murid mengaplikasikan teknik pengolahan warna *rendering* pada lukisan perspektif.



1 Mengetahui dan mengenal pasti dengan jelas tujuan sesuatu rekaan.



3 Melukis dan mewarnakan lukisan perspektif bagi menunjukkan pandangan tiga dimensi (3D).



2 Melukis pelan tapak bagi menunjukkan susun atur yang jelas.



4 Lukisan perspektif yang telah siap.

Rajah 6.5 Mereka bentuk ruang pilihan



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 6.3.1 Menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan alatan, simbol dan konsep bagi:
- i. Mereka bentuk ruang pilihan.
 - ii. Melakarkan lukisan perspektif bagi ruang pilihan menggunakan skala yang sesuai.




Jom Imbas



Lakaran Reka Bentuk Hiasan Dalaman

<https://www.youtube.com/watch?v=e1IXzORD93k>



Apresiasi Seni

Murid telah menghasilkan sebuah karya seni berasaskan Reka Bentuk Hiasan Dalaman dalam Ekspresi Seni. Murid berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam menghasilkan karya tersebut dengan rakan-rakan.

Aktiviti Sudut Pereka Muda

Tujuan:

Mempamerkan dan menghayati karya seni yang telah dihasilkan dengan menjelaskan pengalaman semasa menghasilkan karya tersebut.

Alat dan Bahan:

Hasil rekaan lukisan perspektif dalam aktiviti Ekspresi Seni.

Langkah:

- 1 Murid mempamerkan karya rekaan masing-masing di sudut seni visual yang ditetapkan.
- 2 Murid menjelaskan pengalaman menghasilkan rekaan dan membuat apresiasi berpandukan Bahasa Seni Visual di hadapan kelas.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 6.4.1 Mempamerkan hasil karya seni.
- 6.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual.
- 6.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya reka bentuk hiasan dalaman.



Nota


Sesi apresiasi seni perlu menumpukan kriteria berikut:

- Kesesuaian tajuk dan konsep
- Keaslian hasil rekaan
- Perkaitan tema subjek pilihan dengan aspek Pemikiran Seni Visual
- Kelancaran penyampaian dengan mengaplikasikan Bahasa Seni Visual



Gambar foto 6.1 Sesi apresiasi seni

IMBAS KEMBALI



Info Kerjaya

Kerjaya yang sesuai diceburi dalam bidang ini ialah:

- Pereka hiasan dalaman serta perunding reka bentuk hiasan dalaman.
- Pereka kios, pereka pentas dan pereka ruang pameran.
- Tenaga pengajar sama ada di sekolah, Institut Kemahiran dan Institut Pengajian Tinggi (IPT).



Pereka hiasan dalaman



Pereka kios



Tenaga pengajar



LATIHAN SUMATIF

Soalan Objektif

- Hiasan dalaman bermaksud ...
 - aktiviti mereka bentuk ruang taman
 - peranan seorang pereka bentuk membina idea
 - seni dalam menghias dan menyusun bahagian dalaman sesebuah ruang
 - sesuatu yang dihasilkan untuk melihat kesesuaian sebelum reka bentuk
- Bagaimanakah elemen cahaya dapat mempengaruhi sesebuah ruang?
 - Memberi keselesaan
 - Meningkatkan suhu ruang
 - Menimbulkan rasa kesan pertalian dengan prinsip lain
 - Memberi kesan terhadap unsur-unsur warna, tekstur dan corak
- Bagaimanakah prinsip perincian berfungsi?
 - Membesarkan ruang
 - Memberi kesan emosi
 - Penambah seri pada ruang
 - Memudahkan pergerakan penghuni
- Berikut merupakan elemen dalam hiasan dalaman kecuali ...
 - ruang
 - corak
 - jalinan
 - skala dan kadar banding

- Antara berikut, yang manakah peranan seorang pereka hiasan dalaman?
 - Merancang perpindahan
 - Menentukan objektif rekaan
 - Mencipta dan menghasilkan kemasan pada ruang
 - Menghasilkan perabot yang dapat dijual kepada pengguna
 - I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

Soalan KBAT



Gambar foto 1

- Berdasarkan gambar foto 1, bagaimanakah rekaan yang baik dapat memberi keselesaan di dalam bilik? Huraikan jawapan anda.
- Penggunaan warna pada ruang dalaman mampu menjadikan individu lebih tenang. Bagaimanakah prinsip tersebut membantu dalam penghasilan reka bentuk hiasan dalaman? Terangkan.
- Pada pendapat anda, adakah prinsip reka bentuk hiasan dalaman dapat membantu meningkatkan kualiti ruang? Huraikan alasan anda.

BAB 7 | REKA BENTUK INDUSTRI

Perkembangan bidang Reka Bentuk Industri di Malaysia berlaku dengan pesat pada masa ini. Salah satu cabang dalam bidang reka bentuk industri yang sangat ketara membangun ialah reka bentuk perabot. Industri reka bentuk perabot menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara melalui hasil rekaan yang berkualiti. Reka bentuk perabot boleh didefinisikan sebagai satu penghasilan idea kreatif dalam menghasilkan barangan yang bertujuan menyokong anggota badan manusia dan juga boleh dikaitkan sebagai barangan yang membantu manusia dan haiwan dalam aktiviti harian.



Objektif Pembelajaran

Selepas mempelajari tajuk ini, murid boleh:

- Menjelaskan peranan pereka reka bentuk industri.
- Membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan dan bahan dalam reka bentuk industri.
- Mengaplikasi elemen dan konsep rekaan dalam reka bentuk industri.
- Menghasilkan reka bentuk perabot dengan menggunakan konsep mudah alih.
- Mempamerkan, menghayati dan menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan produk seni reka bentuk industri.



Kata Kunci

- Futuristik
- Lukisan unjuran
- Lukisan perincian



Persepsi Seni

Peranan Pereka dalam Reka Bentuk Industri



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 7.1.1 Memerihalkan peranan pereka reka bentuk industri.
- 7.1.2 Menjelaskan konsep rekaan perabot.

Peranan pereka bentuk industri:

- Mengenal pasti sesebuah produk yang akan dihasilkan berdasarkan fungsi yang dikehendaki oleh pengguna.
- Memastikan produk yang dihasilkan mendapat tempat di pasaran dan diterima oleh pengguna.
- Memastikan penghasilan produk menitikberatkan aspek keselamatan terhadap pengguna.
- Menganalisis keperluan fungsi dan mengkaji reka bentuk produk dengan lebih efektif dan baik.
- Menentukan objektif reka bentuk produk melalui rundingan bersama.
- Memastikan rupa reka bentuk produk yang dihasilkan dapat meningkatkan kualiti produk dan menarik perhatian pengguna.



Ciri-ciri Pereka Bentuk Industri

- Kreativiti, imaginasi dan bakat seni.
- Kemahiran komunikasi dan pendengar yang baik.
- Cita rasa warna yang baik dan teliti.
- Kebolehan untuk menghasilkan ilustrasi dan lukisan teknikal.
- Fleksibiliti dalam mereka bentuk.
- Kemahiran menyelesaikan masalah.



Seorang pereka bentuk industri seharusnya memiliki kemahiran:



Kebolehan Berkomunikasi

Pereka bentuk industri mempersembahkan idea, hasil rekaan dan menjelaskan kepada pengguna tentang produk yang dihasilkan menggunakan pendekatan yang berkesan.



Menyelesaikan Masalah

Pereka bentuk industri mampu menjalankan tugas mengenal pasti masalah, menyelesaikan masalah yang wujud dan membuat analisis terhadap masalah tersebut.


Kemahiran Pereka

Pengetahuan Teknikal

Merupakan amalan dan pengetahuan tentang cara sesebuah produk berfungsi. Melalui kemahiran ini, pereka bentuk industri akan mampu menghasilkan produk yang lebih bersesuaian dengan kehendak pengguna.

Mengetengahkan Idea

Berasaskan masalah yang telah dikenal pasti, pereka bentuk industri mampu menjelmakan idea baharu kepada imej visual yang memiliki nilai estetik.



Rajah 7.1 Kemahiran pereka bentuk industri

Konsep Rekaan Perabot

Semasa mula menghasilkan idea bagi mereka bentuk sebuah perabot, pereka bentuk perlu mempertimbangkan konsep yang akan dijadikan rujukan pada rekaan perabot yang hendak dihasilkan. Konsep rekaan perabot meliputi:

1. Antik
2. Klasik
3. Retro
4. Kontemporari
5. Ultramoden

1 Konsep Antik

Konsep ini berasaskan gaya reka bentuk zaman terdahulu dan reka bentuknya tidak terbatas pada sesebuah negara. Ia dapat dikenali melalui gaya, reka bentuk dan juga bahan binaan. Konsep ini lebih dipengaruhi oleh reka bentuk perabot yang berusia lebih 100 tahun.



Ukiran tumbuhan dan burung bertepatan dengan gaya Rococo

Kaki perabot jenis bun foot

2 Konsep Klasik

Konsep ini merujuk kepada gaya reka bentuk yang terhad usia penghasilannya. Reka bentuknya agak ringkas dan menggunakan warna yang gelap sebagai identiti. Konsep ini dipengaruhi oleh gaya negara penghasilan perabot tersebut.



Penggunaan ukiran yang ringkas



3 Konsep Retro

Konsep ini direka bentuk berlandaskan reka bentuk perabot tahun 1920-an sehingga 1970-an. Walaupun konsep ini kelihatan seperti perabot berkonsepkan klasik, namun reka bentuknya dipengaruhi oleh gaya reka bentuk moden.



Reka bentuk yang moden

Kaki berkonsepkan klasik

4 Konsep Kontemporari

Konsep ini memiliki pelbagai gaya iaitu gaya Art Deco, moden, Scandinavia, Itali dan reka bentuk perabot pada abad ke-90. Konsep ini memiliki ciri-ciri reka bentuk yang ringkas dan senang dipadankan dengan susun atur dan persekitaran.



Rekaan yang ringkas

Kayu sebagai bahan utama

5 Konsep Ultramoden

Konsep ini lebih kelihatan abstrak dengan penggunaan bahan dan warna yang pelbagai diterapkan dalam reka bentuknya. Konsep ini juga banyak dipengaruhi oleh gaya futuristik dan moden. Pereka bentuk perabot banyak menekankan idea-idea yang luar biasa dan fungsi yang canggih.



Memiliki tiga warna dan fungsi yang canggih

Gaya futuristik

Rajah 7.2 Konsep rekaan perabot



Senaraikan dan jelaskan secara terperinci peranan seorang pereka reka bentuk industri.



Kelestarian Global

Murid didedahkan dengan konsep-konsep reka bentuk perabot yang dapat meningkatkan pengetahuan terhadap faktor persekitaran, kehidupan seharian dan nilai terhadap elemen kelestarian.

Eksplorasi Seni

Murid dikehendaki membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan dan proses dalam penghasilan lakaran reka bentuk perabot. Murid juga perlu membuat penerokaan berdasarkan penghasilan model 3D reka bentuk industri serta proses menghasilkan reka bentuk perabot.

Sudut Peraka Muda Aktiviti

Tujuan:


Eksplorasi dan aplikasi pengetahuan dalam penghasilan lakaran model 3D reka bentuk industri.

Alat dan Bahan:

Pensel, pensel warna, pembaris dan keluk Perancis (*French curve*).

Langkah:

- 1 Aktiviti ini dilakukan secara individu.
- 2 Murid mengenal pasti alat dan bahan bagi menghasilkan lakaran model 3D.
- 3 Murid mengenal pasti lakaran yang dihasilkan sama ada bentuk mengikut fungsi atau fungsi mengikut bentuk.
- 4 Persembahkan hasil lakaran proses reka bentuk perabot kepada guru untuk dinilai.



Rajah 7.3 Penghasilan lakaran model 3D



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 7.2.1 Membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan dan proses dalam penghasilan lakaran reka bentuk perabot.
- 7.2.2 Menjustifikasikan reka bentuk perabot berdasarkan:
 - i. Bentuk mengikut fungsi
 - ii. Fungsi mengikut bentuk
- 7.2.3 Mengklasifikasikan alatan dan bahan dalam penghasilan model 3D reka bentuk industri.
- 7.2.4 Mengaplikasikan proses menghasilkan reka bentuk perabot.



Jom Imbas



Reka Bentuk Industri
<https://www.youtube.com/watch?v=xpE8qy8IOXI>

EKSPRESI SENI

Murid dikehendaki menterjemahkan idea dan konsep reka bentuk industri dalam penghasilan lakaran, **lukisan unjuran** dan **lukisan perincian**. Murid juga perlu menghasilkan lukisan model 3D berskala.

AKTIVITI SUDUT PEREKA MUDA

Tujuan:


- 1 Menganalisis dan memanipulasi hasil eksperimentasi idea dan konsep reka bentuk industri melalui pelbagai sumber dalam penjaanaan tugasan.
- 2 Menghasilkan idea secara kreatif dan inovatif daripada eksperimentasi dalam penghasilan model reka bentuk.

Alat dan Bahan:

Pensel, pensel warna, pembaris dan keluk Perancis (*French curve*).

Langkah:

- 1 Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
- 2 Murid menghasilkan lakaran, lukisan unjuran dan lukisan perincian.
- 3 Hasilkan lukisan perincian model 3D reka bentuk perabot berdasarkan idea lakaran yang telah dihasilkan dengan menggunakan media yang disediakan.




Rajah 7.4 Proses penghasilan lukisan perincian model 3D



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 7.3.1 Menterjemahkan idea dan konsep reka bentuk industri dalam penghasilan lakaran, lukisan unjuran dan lukisan perincian.



Imbas Kod Zappar

Apresiasi Seni

Pada bahagian Apresiasi Seni, murid akan menghayati dan menjelaskan hasil lukisan perincian model 3D yang dihasilkan. Pengalaman semasa menghasilkan lukisan perincian model 3D juga dikongsi bersama rakan dan guru.



Standard Pembelajaran

- Murid boleh:
- 7.4.1 Mempamerkan hasil model 3D.
 - 7.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil model 3D sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual.
 - 7.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan model 3D dalam reka bentuk industri.

Aktiviti Sudut Pereka Muda

Tujuan: Melakukan aktiviti tumpu galeri, iaitu penghayatan terhadap hasil folio reka bentuk industri melalui pameran seni.

Alat dan Bahan: Panel lukisan dan hasil lukisan perincian model 3D murid.

- Langkah:**
- 1 Hasil lukisan perincian model 3D murid dipamerkan di sudut pameran yang telah disediakan di dalam kelas.
 - 2 Ketua kumpulan akan menerangkan mengenai lukisan produk yang dihasilkan dari aspek Bahasa Seni Visual.
 - 3 Murid membuat apresiasi berpandukan pengalaman sendiri dalam penghasilan reka bentuk perabot.
 - 4 Murid lain memerhatikan hasil karya tersebut dan membuat catatan.
 - 5 Hasil pemerhatian dicatatkan dalam buku nota murid.




Nota

- Sesi apresiasi seni perlu menumpukan kriteria berikut:
- Kesesuaian tajuk dan konsep
 - Keaslian hasil rekaan
 - Perkaitan tema subjek pilihan dengan aspek Pemikiran Seni Visual
 - Kelancaran penyampaian dengan mengaplikasikan Bahasa Seni Visual



Gambar foto 7.1 Sesi apresiasi seni

IMBAS KEMBALI



Info Kerjaya

- Kerjaya yang sesuai diceburi dalam bidang ini ialah:
- Pereka bentuk bagi syarikat penghasilan dan pembuatan produk industri.
 - Pereka bentuk atau konsultan bagi syarikat pembuatan perabot.
 - Tenaga pengajar sama ada di sekolah, Institut Kemahiran atau Institut Pengajian Tinggi (IPT).
 - Usahawan dengan mereka cipta, menghasilkan produk dan memasarkan sendiri produk yang telah dihasilkan.



LATIHAN SUMATIF

Soalan Objektif

1. Dalam seni reka bentuk industri, prototaip bermaksud ...
 - A Model baharu
 - B Satu siri awal pengeluaran produk yang dihasilkan
 - C Hasil akhir yang diperoleh untuk diperbanyakkan
 - D Bentuk benda sebenar yang dihasilkan untuk melihat kesesuaian sebelum reka bentuk sebenar dikeluarkan
2. Perabot konsep retro berlandaskan reka bentuk perabot tahun ...
 - A 1920-an sehingga 1990-an
 - B 2000-an sehingga 2010-an
 - C 1920-an sehingga 1970-an
 - D 1910-an sehingga 1970-an

Konsep ini lebih kelihatan abstrak dengan penggunaan bahan dan warna yang pelbagai diterapkan dalam reka bentuknya.

3. Merujuk kenyataan di atas, ia menjelaskan konsep ...
 - A Retro
 - B Klasik
 - C Moden
 - D Ultramoden

4. Reka bentuk industri ialah satu aktiviti atau proses kerja untuk menyelesaikan masalah, mengembangkan idea secara kreatif dan ...
 - A Inovatif
 - B Kemasan
 - C Membina objek
 - D Mencantumkan barangan
5. Apakah kepentingan kemahiran teknikal bagi peranan pereka bentuk industri?
 - A Melakar idea
 - B Membina idea baru
 - C Memastikan produk berfungsi
 - D Mampu menyelesaikan masalah

Soalan KBAT

1. Pada pendapat anda, adakah penggunaan konsep kontemporari sesuai dalam mereka bentuk perabot sekolah? Bincangkan.
2. Jelaskan kepentingan lukisan perincian dalam proses reka bentuk perabot.



Gambar foto 1

3. Berdasarkan gambar foto 1, nyatakan maksud fungsi mengikut bentuk dengan jelas.

BIDANG SENI KRAF

Seni Kraf memfokuskan pada dua tajuk utama iaitu Seni Tekat dan Seni Anyaman. Bidang Seni Kraf ini menjelaskan tentang prinsip asas, jenis, alatan dan bahan serta teknik dalam penghasilan produk seni tekat dan seni anyaman.

Selagi Hayat
ndung
Badan
Perjuange

BAB 8 | SENI TEKAT



Hajah Azizah Mohamad Yusof,
Adiguru Seni Tekat,
Kuala Kangsar, Perak.

Seni tekat merupakan kemahiran hasil kerja tangan warisan. Seni tekak juga dikenali sebagai tekak bersuji yang merupakan hiasan sulaman benang emas atau perak yang dijahit di atas kain dasar, iaitu kain baldu mengikut motif atau corak tertentu. Penghasilan produk seni tekak mengambil masa yang lama disebabkan setiap penekak memementingkan kehalusan dan ketelitian yang tinggi dalam proses penghasilan seni tekak yang berkualiti.

Jom Imbas



Wawancara Adiguru
Seni Tekak Benang Emas
[http://tb-bukuteks.
s3.amazonaws.com/
psv2018/ist.mp4](http://tb-bukuteks.s3.amazonaws.com/psv2018/ist.mp4)

Objektif Pembelajaran

Selepas mempelajari tajuk ini, murid boleh:

- Menjelaskan sejarah, prinsip asas, jenis, motif, alatan, bahan dan proses seni tekak.
- Membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan dan proses berdasarkan kefahaman terhadap prinsip penghasilan seni tekak.
- Menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan dan proses dalam penghasilan seni tekak dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif.
- Mempamerkan, menghayati dan menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan produk seni tekak.



Kata Kunci


- Kain linen
- Kain irasan
- Kontekstual
- Kain samarinda
- Konstruktivisme

Sumber: Hajah Azizah Mohamad Yusof

Persepsi Seni

Prinsip Asas Seni Tekat

Prinsip asas dalam seni tekat merupakan satu proses bersuji, iaitu menjahit dengan menggunakan benang putih bagi menetapkan kedudukan benang emas atau benang perak secara berulang-ulang sehingga menutupi mempulur.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 8.1.1 Menjelaskan prinsip asas seni tekat.
- 8.1.2 Menyatakan jenis, motif, alatan dan bahan seni tekat.
- 8.1.3 Menerangkan proses seni tekat.

Jenis Seni Tekat

Tekatek Timbul Benang Emas



Tekatek timbul benang emas dikenali sebagai tekat bersuji yang merupakan proses sulaman benang emas atau perak yang ditekat di atas kain baldu mengikut motif atau corak.

Tekatek Gubah




Tekatek gubah pula menggunakan acuan yang diperbuat daripada kertas nipis yang ditebuk dengan motif atau reka corak. Benang sutera merah yang dikenali sebagai benang untina digunakan untuk menjahit benang ijuk mengikut reka corak yang dipilih.

Rajah 8.1 Jenis seni tekat

Motif Seni Tekat

Motif Bunga Kekwa




Motif Bunga Lawang



Motif Bunga Raya



Motif Bunga Anggerik



Motif Bunga Padi




Motif Daun Asam Batu



Rajah 8.2 Motif seni tekat

Sumber: Hajah Azizah Mohamad Yusof

Alatan Seni Tekat



Rajah 8.3 Alatan seni tekat

Bahan Seni Tekat



Rajah 8.4 Bahan seni tekat


Info Seni

Benang ijuk
Benang ijuk (serat yang berwarna hitam pada pangkal pelepah enau) yang dililit dengan benang sutera merah. Ia digunakan sebagai bahan membentuk motif dalam tekat gubah.

Proses Penyediaan Cuban

Langkah 1

Menyediakan lima kotak lilit untuk menggulung benang emas ke cuban.



Langkah 2

Melilit benang emas ke cuban secara bersilang.



Rajah 8.5 Proses penyediaan cuban

Proses Penyediaan Mempulur



Melakar motif pada kemaga.



Melakar dan menyurih motif pada kemaga.



Proses memotong motif yang telah dilakar pada kemaga.



Lilin digunakan untuk melicinkan bahagian tepi mempulur.


Info Seni

Cuban
Alat daripada kayu atau buluh berbentuk palang atau kayu bercabang tiga yang digunakan untuk menggulung benang emas atau perak.

Kemaga
Tiga keping kad manila yang telah dilapis dan dimampatkan untuk membuat mempulur. Perkataan ini ialah akronim daripada rangkaian kata kad manila yang digamkan.

Sangga
Pemegang bunga tekat supaya kedudukannya tetap dan tidak berganjak apabila disulam dengan benang emas dan sangga dipotong apabila mempulur dijahit pada pidang.

a = Sangga



Mempulur yang telah siap.

Rajah 8.6 Proses penyediaan mempulur

Proses Menekat

Langkah 1 | Persiapan Pemingang Kayu Berkaki



1

Kain kapas bertelinga diregang pada pemingang.



2

Kain kapas diikat pada pemingang berkaki menggunakan tali.



3

Pemingang kayu yang siap diregang.



4

Gam atau jahit kain irasan di atas permukaan kain putih (kain lapis).



TAHUKAH ANDA?

Kain putih dijahit menjadi empat sudut bertelinga untuk memudahkan kayu peregang diikat pada kayu pemingang berkaki.

Langkah 2 | Menjahit Mempulur



1

Mempulur diletakkan di atas permukaan kain irasan.



2

Mempulur dijahit untuk meletakkan kedudukannya supaya mudah ditekat.



3


Proses menjahit diulang sehingga selesai.



4


Mempulur yang sudah siap dijahit.

Langkah 3 | Menekat




1

Benang emas direntaskan di atas mempulur dan dijahit dengan benang putih.




2

Proses menekat diulang sambil memastikan benang emas rata dan kemas.



3

Jahitan benang putih disisipkan ke bawah mempulur bagi memastikan kemas.



4

Proses menekat diulang sehingga selesai.



5

Pastikan benang pemegang mempulur digunting sebelum meneruskan tekatan.



6

Hasil tekatan yang telah siap.


Rajah 8.7 Proses menekat



UJI MINDA

Lengkapkan teka silang kata di bawah.

1 2



Melintang

1. Bunga _____ merupakan satu daripada motif seni tekat yang berunsur flora.
2. Pemingang kayu _____ digunakan untuk tujuan meregang kain dan memudahkan tekatan.
3. Benang daripada _____ merupakan serat yang berwarna hitam pada pangkal pelepah enau.

Menegak

1. Tiga keping kad manila yang telah dilapis dan dimampatkan untuk membuat mempulur.
2. Benang _____ digunakan untuk mengetatkan kedudukan tekat benang emas pada mempulur.
3. Tekat _____ menggunakan acuan yang diperbuat daripada kertas nipis yang ditebuk dengan motif atau reka corak.
4. Tekat timbul benang emas juga dikenali sebagai tekat _____.



Jom Imbas



Proses Menekat Tekat Timbul Benang Emas

<http://tb-bukuteks.s3.amazonaws.com/psv2018/mnkt.mp4>

Eksplorasi Seni

Murid telah memahami prinsip asas seni tekat, jenis, alatan dan bahan serta proses seni tekat. Merujuk kepada pengetahuan tersebut, murid dikehendaki menggunakan pelbagai sumber alam semula jadi atau bahan terbuka untuk menghasilkan produk seni tekat.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 8.2.1 Membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan dan proses berdasarkan kefahaman terhadap prinsip penghasilan seni tekat.

Sudut Pereka Muda Aktiviti

Tujuan:


Mengeksplorasi dan mengaplikasi proses seni tekat dengan menggunakan pelbagai bahan gentian.

Alat dan Bahan:

Pemidang kayu berkaki, cuban, jarum *Chenille*, gunting, pisau pemotong, papan tebuk, lilin, mempulur, benang sulam, benang bulu kambing, kain putih, **kain linen** dan **kain samarinda** (kain tenun bercorak petak).

Langkah:

- 1 Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- 2 Setiap kumpulan diminta menggunakan strategi **kontekstual** dalam meneroka bahan dan proses menekat.
- 3 Murid menerapkan prinsip asas seni tekat menggunakan pelbagai sumber alam semula jadi atau bahan terbuka.



Alat dan bahan.

Cetak motif bunga lawang.

Potong mempulur mengikut motif.

Regangkan kain pada ram kayu pemidang berkaki.

Jahitkan mempulur pada kain irasan.

Gulungkan benang bulu pada cuban.

Mulakan proses menekat.

Pastikan jahitan benang emas memegang benang bulu.

Pastikan sangga dipotong apabila tekatan melaluinya.

EKSPRESI SENI

Dalam aktiviti Ekspresi Seni ini, murid dapat merujuk hasil pemerhatian dan percubaan dalam eksplorasi yang lalu bagi menghasilkan produk seni tekat dengan kreatif di samping menerapkan aspek pemikiran seni visual.

AKTIVITI SUDUT PEREKA MUDA

Tujuan:

Menzahirkan idea dan konsep melalui pelbagai bahan dalam penghasilan produk seni tekat.

Alat dan Bahan:

Pemidang kayu berkaki, cuban, jarum *Chenille*, gunting, pisau pemotong, *cutting mat*, benang emas, kain baldu, kertas manila, mempulur, lilin dan gam kanji.

Langkah:

- 1 Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- 2 Setiap kumpulan diminta menggunakan strategi **konstruktivisme** dalam meneroka bahan dan proses menekat.
- 3 Murid menghasilkan produk seni tekat menggunakan pelbagai bahan.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 8.3.1 Menghasilkan produk seni tekat dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan alat, bahan dan proses.



Keusahawanan

Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Jelajah Kraf anjuran Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia di Mukim Sayong, Kuala Kangsar, Perak memberi peluang untuk mempelajari proses menekat bersama Adiguru Seni Tekat, Hajah Azizah Mohamad Yusof. Hasil seni kraf mampu menjana ekonomi dan menjulang pendapatan masyarakat.

Aktiviti A: Bekas Aksesori - Tekat Timbul Benang Emas



Memotong mempulur di atas kemaga.

Jahitkan kain irasan (kain baldu) di atas kain lapik.

Sediakan cuban dan jahitkan mempulur pada kain irasan.

Mulakan proses menekat sehingga selesai.

Balut hasil seni tekat yang telah siap pada penutup kotak yang dialas fiber.

Bekas aksesori yang telah siap.


Rajah 8.8 Langkah-langkah menghasilkan tekat timbul benang emas

Aktiviti B: Kipas Tangan - Tekat Gubah


Alat dan Bahan:

Kain baldu, kain putih, tali emas, benang sutera (untina), jarum, gunting dan pemedang kayu berkaki.

Langkah:



Motif Bunga Tanjung dilakar dan digunting untuk dijadikan acuan.




Motif dilakar di atas permukaan kain irasan.



Motif Bunga Tanjung yang sudah siap dilakar.



Benang untina dijahit merentasi tali emas mengikut rupa motif Bunga Tanjung.



Pastikan tali emas dipusing pada hujung motif untuk meneruskan jahitan.



Tekat gubah yang telah siap dijahit.



Hasil produk seni tekat gubah.

Rajah 8.9 Langkah-langkah menghasilkan tekat gubah

Info Seni

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) dengan usaha sama Persatuan Pakar Pembuatan Kraf dan Sulam Tangan Kuala Lumpur dan Selangor (SCHEME) telah menghasilkan Tekat Gubah Bunga Tanjung yang diiktiraf terpanjang dalam *Malaysia Book Of Records* berukuran 9 meter (panjang) x 0.91 meter (lebar).

Sumber: hmetroshahalam@hmetro.com.my

Apresiasi Seni

Dalam aktiviti Apresiasi Seni ini, produk seni tekat akan dipamerkan di hadapan kelas. Hasil produk ini akan dinilai secara kolaboratif (situasi dua atau lebih murid belajar bersama-sama) melalui aktiviti yang dijalankan. Murid akan menilai hasil produk seni tekat dari aspek Bahasa Seni Visual dan berkongsi pengalaman semasa menjalani proses penghasilan karya seni tekat tersebut.

Aktiviti Sudut Pereka Muda

Tujuan:

Membuat penghayatan dan menjelaskan hasil produk seni tekat dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual.

Bahan:

Hasil produk seni tekat murid dalam aktiviti Ekspresi Seni.

Langkah:

- 1 Setiap kumpulan mempersembahkan hasil terbaik untuk sesi apresiasi.
- 2 Semua hasil produk dipamerkan di stesen kumpulan masing-masing.
- 3 Murid mendapatkan maklumat dari satu stesen ke satu stesen dengan mencatatkannya ke dalam buku nota masing-masing.
- 4 Murid membuat apresiasi berpandukan pengalaman sendiri dalam penghasilan produk seni tekat.
- 5 Guru membuat penilaian dan memberi maklum balas.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 8.4.1 Mempamerkan hasil produk seni.
- 8.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil produk seni sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual.
- 8.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan produk seni tekat.



Keusahawanan

Syarikat Sakura Malaysia telah berjaya membawa beg tangan keluarannya yang bertemakan tradisional sebagai elemen utama ke *London Modest Fashion Week (LMFW)* untuk membuka ruang lebih luas kepada produk seni tekat bagi menembusi pasaran antarabangsa.



Nota

Sesi apresiasi seni perlu menumpukan kriteria berikut:

- Keaslian hasil produk seni
- Penerangan motif seni tekat pilihan dengan aspek Pemikiran Seni Visual
- Kelancaran penyampaian dengan mengaplikasikan Bahasa Seni Visual



Info Kerjaya

Kerjaya yang sesuai diceburi dalam bidang ini ialah:

- Pakar rujuk dalam bidang kraf khususnya seni tekat.
- Anugerah Tokoh Kraf Negara dan Adiguru Kraf seni tekat yang berperanan menyuburkan kemahiran seni tekat agar kekal sebagai warisan kebangsaan.
- Tenaga pengajar mahir atau jurulatih dalam bidang seni kraf di Pusat Latihan Kemahiran Mara, Institut Kraf Negara dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Pengusaha atau usahawan barangan seni tekat dalam *Showcase* Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang mempromosikan produk industri kreatif seni budaya tempatan sehingga ke peringkat antarabangsa.



LATIHAN SUMATIF

Soalan Objektif

Maklumat di bawah menerangkan tentang seni tekat.

Tekatek benang emas juga dikenali sebagai tekat bersuji.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan bersuji?
 - A Berulang-ulang
 - B Bersulam-sulam
 - C Berbunga-bunga
 - D Berbenang-benang



Gambar foto 1

2. Apakah nama proses tekatan berdasarkan gambar foto 1?
 - A Melukis motif
 - B Melakar corak
 - C Menjahit mempulur
 - D Memotong mempulur
3. Apakah tujuan penggunaan kain baldu berwarna gelap?
 - A Supaya hasil tekatan benang emas tahan lama
 - B Memudahkan kerja-kerja menekat dengan benang emas
 - C Supaya mempulur mudah dikenakan pada kain dasar
 - D Supaya hasil tekatan benang emas atau perak nampak jelas dan bercahaya



Gambar foto 2

4. Apakah kegunaan alat tekat berdasarkan gambar foto 2?
 - A Untuk dasar sulaman
 - B Untuk meregang kain
 - C Untuk melekatkan motif
 - D Untuk melilit benang emas
5. Susun mengikut tertib yang betul untuk proses seni tekat.
 - I Menjahit mempulur
 - II Meregang kain dasar
 - III Menyediakan pemicang
 - IV Proses menekat
 - A I, II, III, IV
 - B II, III, I, IV
 - C III, I, II, IV
 - D III, II, I, IV

Soalan KBAT



Gambar foto 3

1. Bincangkan aspek *designomic* yang terdapat pada hasil produk seni tekat dalam gambar foto 3.
2. Banding bezakan antara seni sulaman dengan seni tekat menggunakan peta buih berganda.
3. Anda diiktiraf sebagai usahawan muda seni tekat tempatan. Apakah jenis produk seni tekat bernilai komersial yang difikirkan berupaya bersaing di peringkat global?

BAB 9 | SENI ANYAMAN



Tahukah anda bahawa seni anyaman di negara kita berkait rapat dengan cara hidup tradisional dan kebudayaan masyarakat Melayu? Seni anyaman merupakan satu seni warisan yang mempunyai nilai seninya yang tersendiri. Ia digunakan secara meluas sebagai produk gunaannya harian masyarakat setempat. Kegiatan menganyam tidak dilakukan pada waktu tengah hari kerana daun mengkuang lebih mudah dianyam pada waktu pagi, petang dan malam.



Anyaman daun pandan, mengkuang, buluh dan rotan



Objektif Pembelajaran

Selepas mempelajari tajuk ini, murid boleh:

- ➔ Menjelaskan sejarah, prinsip asas, jenis, motif, alatan, bahan dan proses seni anyaman.
- ➔ Membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan dan proses berdasarkan kefahaman terhadap prinsip penghasilan seni anyaman.
- ➔ Menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan dan proses dalam penghasilan produk seni anyaman dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif.
- ➔ Mempamerkan, menghayati dan menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan produk seni anyaman.



Kata Kunci

- Gadas
- Pepeh
- Lagang

Persepsi Seni

Prinsip Asas Seni Anyaman

Prinsip asas dalam seni anyaman merupakan satu proses menjalin secara silang-menyilang helaian demi helaian daun mengkuang, pandan, rotan, buluh dan beberapa bahan lain. Sesebuah hasil seni anyaman dianggap sempurna apabila penganyam mementingkan ketegangan semasa menganyam agar anyaman rapat dan tidak longgar. Pemilihan bahan asas seni anyaman menentukan hasil kekemasan sesebuah hasil seni anyaman.

Jenis-jenis Seni Anyaman



Rajah 9.1 Jenis seni anyaman



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 9.1.1 Menjelaskan prinsip asas seni anyaman.
- 9.1.2 Menyatakan jenis, motif, alatan, bahan dan fungsi seni anyaman.
- 9.1.3 Menerangkan proses seni anyaman.



TAHUKAH ANDA?

Rombong: Bakul kandung daripada mengkuang yang berbuca. Mempunyai pelbagai saiz, berpenutup sarung yang sama bentuk dengan badan dan digunakan untuk menyimpan padi dan peralatan jahitan.

Motif Seni Anyaman Kelarai



Rajah 9.2 Motif seni anyaman kelarai

Sumber: Anyaman Pandan dan Mengkuang, 1989.

Alatan Seni Anyaman

Jenis Alatan Seni Anyaman

Parang

Digunakan untuk memotong dan menetak daun pokok mengkuang.



Belantan

Alat pemukul semasa proses menitik daun.




Pelurut

Alat daripada buluh leper yang dinipiskan sedikit pada kedua-dua tepinya supaya mudah untuk melurut daun mengkuang.



Penyisip

Alat daripada buluh yang ditajamkan menyerong di salah satu hujung supaya helaian mengkuang boleh diselitkan untuk disisip.



Jangka

Alat untuk membelah daun mengkuang menjadi helaian yang lebih kecil mengikut lebar yang dikehendaki. Alat ini mempunyai mata pisau yang tajam.



Pisau

Alat untuk membelah daun daripada mempulur (tulang belakang daun) dan bahagian tepi daun yang berduri.



Rajah 9.3 Alatan seni anyaman

Bahan-bahan Anyaman




Rajah 9.4 Bahan-bahan anyaman

Fungsi Seni Anyaman

Tudung saji

Digunakan untuk menutup sajian, berbentuk kerucut dan diperbuat daripada daun mengkuang.



Bidai

Sejenis tirai yang diperbuat daripada bilah rotan atau buluh.



Nyiru

Bekas daripada buluh berbentuk bujur atau bulat yang digunakan untuk menampi padi atau beras, hiasan dinding dan menjemur ikan.



Tikar parudan

Tikar bersaiz kecil yang digunakan sebagai alas ketika memarut kelapa bagi tujuan menadah isi kelapa yang telah diparut.



Lekar

Bakul alas yang dianyam daripada rotan, lidi atau bemban yang digunakan sebagai alas periuk, kualiti atau pasu.



Beg

Beg serba guna daripada anyaman mengkuang.



Bakul berkaki

Bakul kandung berkaki daripada buluh yang digunakan untuk mengisi beras atau padi.



Kipas anyam

Hasil anyaman daripada mengkuang yang digunakan untuk mengipas.



Bakul berkat

Bakul kandung daripada rotan yang digunakan untuk mengisi makanan.



Raga

Bakul kandung daripada bilah buluh atau rotan yang digunakan untuk mengisi ikan, buah-buahan dan lain-lain.



Rajah 9.5 Fungsi seni anyaman

Info Seni

Kelarai ialah corak yang terbentuk daripada proses menganyam.

Rotan pulur ialah isi atau bahagian dalam sebilah rotan.

Tudung duang ialah tudung saji daripada daun serdang palma berbentuk kubah dan berwarna-warni.

Proses Penyediaan Daun Mengkuang

Jom Imbas



Proses Penyediaan Daun Mengkuang
<http://tb-bukuteks.s3.amazonaws.com/psv2018/ppdm.mp4>

1 Menetak daun

- Dilakukan pada waktu pagi atau petang untuk mengelakkan daun mengkuang daripada layu.
- Daun mengkuang yang berusia 1 sehingga 2 tahun dipotong sama panjang.
- Disusun mengikut rangkap (merepang).



2 Melayur

- Daun mengkuang dilayur di atas bara api sehingga daun berwarna kekuningan. Tujuannya untuk melembutkan daun agar lebih mudah dibelah dan dijangka.
- Kemudian dibelah untuk membuang duri dan tulang belakang menggunakan pisau.



3 Menjangka

- Daun mengkuang dibelah menjadi helaian kecil dengan menggunakan jangka bersaiz antara 5 mm sehingga 10 mm.
- Alat jangka bermata tajam digunakan dengan mencucuk pada daun yang diletakkan di atas kain tebal dan daun ditarik perlahan-lahan.
- Bahagian tepi daun mengkuang dan durinya dibuang.



4 Menitik

- Proses menitik atau membantul menggunakan belantan kecil yang dilapik dengan sebatang kayu untuk melembutkan daun mengkuang.
- Ikatan daun mengkuang dititik sambil memulanya berulang kali.



5 Merendam

- Daun mengkuang diikat dan direndam selama tiga hari tiga malam di dalam tempayan yang berisi air. Tujuannya adalah untuk melunturkan warna hijau asli daun (penyahwarna).



6 Menjemur

- Daun mengkuang yang telah direndam dibilas dengan air bersih.
- Daun mengkuang dijemur di bawah cahaya matahari.



7 Melurut

- Proses melurut dilakukan dengan menekan daun mengkuang menggunakan jari dan pelurut dari pangkal sehingga hujung daun untuk melembutkannya.
- Daun dilipat supaya sama panjang sebelum memulakan proses melangang.



8 Mewarna

- Air dimasak di dalam periuk bersama dengan pewarna yang dikenali sebagai inci.
- Daun mengkuang yang telah dilonggarkan ikatannya dimasukkan ke dalam periuk selama 10 minit.
- Masukkan tiga sehingga empat asam keping untuk mematkan warna.
- Cuci dan bilas ikatan daun mengkuang yang telah diwarnakan.
- Jemur ikatan daun mengkuang di ampai yang teduh atau jauh daripada cahaya matahari supaya warnanya tidak pudar.



Rajah 9.6 Proses penyediaan daun mengkuang

Proses Menganyam Tikar

1 Lagang

Helaian dilipat dua bahagian sama panjang dengan helaian mengkuang dibentuk seperti "V". Kaedah ini dikenali sebagai melagang atau menaja.

2 Anyam

Proses menganyam dimulakan dari bahagian tengah helaian yang dilipat. Bahagian permulaan helaian mengkuang dijalin secara berselang-seli.

3 Pepeh



Pepeh juga dikenali sebagai lepih ialah teknik melipat dan menganyam bahagian tepi anyaman untuk memamatkannya. Pelepihan ialah proses menyisip helaian yang berlebihan ke dalam badan anyaman.

4 Sisip

Teknik menyambung helaian yang pendek dengan menyisip helaian tersebut pada celah mata anyam supaya anyaman tidak terburai.

5 Kerat

Baki bilah anyaman dipotong menggunakan pisau supaya anyaman nampak kemas.



Rajah 9.7 Proses menganyam tikar

Jom Imbas

Proses Menganyam Tikar Mengkuang
<http://tb-bukuteks.s3.amazonaws.com/psv2018/pmym.mp4>

Rupa Bentuk Tikar

Bucu tikar

Empat sudut penjuru tikar

Tepi Tikar

Tepi tikar yang terdiri daripada bahagian keseluruhan tepi atau keliling tikar termasuk kepala dan panjang tikar.



Kepala Tikar

Bahagian di antara dua bahagian tepi tikar yang menentukan panjang tikar.

Badan Tikar

Bahagian keseluruhan tikar yang meliputi panjang dan lebar tikar.

Rajah 9.8 Rupa bentuk tikar


Info Seni

Sambung

Teknik mencantum untuk menambah panjang helaian. Ia digunakan untuk helaian yang putus atau pendek menggunakan teknik sisip.

UJI MINDA

1 Lengkapkan peta alir berikut dengan proses penyediaan daun mengkuang.



Eksplorasi Seni

Murid telah memahami prinsip asas seni anyaman, jenis, alatan, bahan dan fungsi serta proses seni anyaman. Berdasarkan pengetahuan tersebut, murid dikehendaki melakukan aktiviti di bawah untuk mengukuhkan pemahaman terhadap prinsip asas seni anyaman.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 9.2.1 Membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan, jenis dan proses berdasarkan kefahaman terhadap prinsip penghasilan seni anyaman.

Sudut Pereka Muda Aktiviti

Tujuan:


Mengeksplorasi dan mengaplikasi proses seni anyaman dengan menggunakan pelbagai bahan gantian.

Alat dan Bahan:

Lidi, gunting, botol kaca, getah, surat khabar, gam, cawan kertas, reben dan rotan pulur berwarna.

Langkah:

- 1 Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- 2 Setiap kumpulan diminta menggunakan strategi kontekstual dalam meneroka bahan dan proses menganyam.
- 3 Murid menghasilkan produk seni anyaman menggunakan bahan alam semula jadi atau pelbagai bahan gantian seperti lidi, gunting, botol kaca, getah, surat khabar, gam, cawan kertas, reben dan rotan pulur berwarna.
- 4 Murid mempersembahkan hasil produk seni anyaman setiap kumpulan di hadapan kelas.



EKSPRESI SENI

Dalam aktiviti Ekspresi Seni ini, murid dapat menggunakan dapatan eksplorasi bagi menghasilkan produk seni anyaman yang kreatif di samping menerapkan aspek *designomic*.

AKTIVITI SUDUT PEREKA MUDA

Tujuan:

Penzahiran idea dan konsep melalui pelbagai bahan dalam penghasilan produk seni anyaman.

Arahan:

- 1 Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- 2 Setiap kumpulan diminta menggunakan strategi konstruktivisme dalam meneroka bahan dan proses menganyam.
- 3 Murid boleh memilih satu daripada aktiviti di bawah untuk menghasilkan produk seni anyaman.
- 4 Produk seni anyaman yang akan dihasilkan boleh menggunakan bahan alam semula jadi seperti mengkuang, pandan, buluh, rotan dan sebagainya.

Aktiviti A: Pelapik Pinggan (Anyaman Gadas)

Alat dan Bahan:

Pelurut, penyisip, pisau dan daun mengkuang.

Langkah:



Rajah 9.10 Langkah-langkah menganyam pelapik pinggan

Aktiviti B: Bakul Telur

Alat dan Bahan:

Penyembur air, gunting, playar, pisau *NT-cutter*, pemecah ais, pembaris, pita ukur dan rotan pulur.

Langkah:




Keusahawanan

Program Satu Produk Satu Daerah (SDSI) merupakan satu program untuk membangunkan sosioekonomi masyarakat setempat melalui penglibatan aktiviti seni anyaman yang telah diusahakan secara tradisional supaya dapat dikomersialkan.




Alat dan bahan.




Potongkan 7 bilah rotan yang bersaiz 1.5 mm sepanjang 8 inci setiap satu.



Rendamkan bilah rotan supaya mudah dilentur semasa menganyam.




Tindihkan 3 bilah rotan di atas 4 bilah rotan untuk memulakan anyaman tapak bakul.




Ambil sebilah rotan yang panjang dan mulakan anyaman tapak bakul secara berselang-seli.



Tegakkan semua bilah rotan untuk menganyam badan bakul. Gunakan penyembur air sekiranya rotan kering.




Anyam badan bakul dengan menggunakan sebilah rotan yang lain secara menaik ke atas. Anyam sehingga bentuk bakul terhasil.



Selitkan setiap bilah rotan yang menegak untuk membentuk bingkai bakul.



Kemaskan bingkai bakul dengan melitkan lebihan rotan ke bahagian dalam agar lebih kukuh.



Potong lebihan rotan tadi. Pastikan hujung rotan tidak dipotong terlalu pendek.



Ambil sebilah rotan bersaiz 3.0 mm untuk dijadikan tangkai bakul.



Hasil produk bakul telur.

Rajah 9.11 Langkah-langkah menganyam bakul telur

Apresiasi Seni

Dalam aktiviti Apresiasi Seni, produk seni anyaman akan dipamerkan di hadapan kelas. Hasil produk ini akan dinilai secara kolaboratif. Melalui aktiviti ini, murid akan menyatakan pendapat dan menilai hasil produk seni anyaman dari aspek Bahasa Seni Visual serta berkongsi pendapat semasa menjalani proses penghasilan produk seni anyaman tersebut.

Aktiviti Sudut Peraka Muda

Tujuan:

Membuat penghayatan dan menjelaskan hasil produk seni anyaman dengan menumpukan kepada aspek Bahasa Seni Visual.

Alat dan Bahan:

Hasil produk seni anyaman murid dalam aktiviti ekspresi seni.

Langkah:

- 1 Setiap kumpulan mempersembahkan hasil terbaik untuk sesi apresiasi.
- 2 Semua hasil produk dipamerkan di stesen kumpulan masing-masing.
- 3 Murid mendapatkan maklumat dari stesen ke stesen dengan mencatatkannya ke dalam buku nota.
- 4 Murid membuat apresiasi berpandukan pengalaman sendiri dalam penghasilan produk seni anyaman.
- 5 Guru membuat penilaian dan memberi maklum balas.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 9.4.1 Mempamerkan hasil produk seni.
- 9.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil produk seni sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual.
- 9.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan produk seni anyaman.



Nota

Sesi apresiasi seni perlu menumpukan kriteria berikut:

- Keaslian hasil produk seni
- Penerangan fungsi seni anyaman dengan aspek Pemikiran Seni Visual
- Kelancaran penyampaian dengan mengaplikasikan Bahasa Seni Visual



Gambar foto 9.2 Produk hasil seni anyaman



Gambar foto 9.3 Sesi apresiasi seni



IMBAS KEMBALI

Seni Anyaman

Satu proses menjalin secara silang-menyilang bahan yang telah diproses mengikut aturan.

Proses

- Lagang
Helaian mengkuang dibentuk seperti "V".
- Anyam
Daun mengkuang dijalin secara berselang-seli.
- Pepeh
Teknik melipat tepi anyaman untuk mematikannya.
- Sisip
Teknik menyambung helaian yang pendek supaya anyaman tidak terburai.
- Kerat
Baki bilah anyaman dipotong menggunakan pisau.

Jenis

- Anyaman Gadas
Anyaman yang tidak mempunyai kelarai.
- Anyaman Kelarai
Anyaman yang mempunyai motif berbentuk dam yang terhasil daripada proses menganyam.
- Anyaman Sulam
Anyaman untuk membuat bunga sulam pada rombongan.

Motif

- Kelarai Bunga Cengkih
- Kelarai Bunga Api
- Kelarai Tapak Harimau
- Kelarai Buntut Siput
- Kelarai Mak Mek
- Kelarai Cik Kedah Berakar

Alatan

- Parang
- Belantan
- Penyisip
- Pisau
- Jangka
- Pelurut

Bahan

- Rotan
- Mengkuang
- Pandan
- Buluh
- Ribu-ribu
- Reben
- Kercut
- Straw
- Jut
- Strap plastik
- Gulungan surat khabar



Info Kerjaya

Kerjaya yang sesuai diceburi dalam bidang ini ialah:

- Pakar rujuk dalam bidang seni kraf khususnya seni tekat.
- Penganugerahan Tokoh Kraf Negara dan Adiguru Kraf oleh pihak kerajaan adalah bertujuan mengekalkan dan menyuburkan kemahiran menganyam supaya tidak pupus begitu sahaja.
- Ikon penganyam bagi mewakili negara ke persada dunia sekiranya menyertai pameran di peringkat antarabangsa.
- Tenaga pengajar dalam bidang seni kraf di Pusat Latihan Kemahiran Mara, Institut Kraf Negara dan Kompleks Kraftangan Malaysia.
- Pengusaha atau usahawan berjaya barangan seni tekat dalam Program Satu Daerah Satu Industri.



LATIHAN SUMATIF

Soalan Objektif

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kelarai?
 - A Corak bunga pada seni ukiran.
 - B Corak atau motif flora pada seni batik.
 - C Corak atau motif fauna pada seni tekat.
 - D Corak yang terbentuk daripada proses menganyam.
2. Lagang dalam proses menganyam bermaksud ...
 - A membentuk kelarai
 - B menyediakan tulang anyaman
 - C mematkan tepi anyaman tikar
 - D mengukur panjang daun anyaman
3. Melayur daun mengkuang di atas bara api bertujuan untuk ...
 - A melicinkan daun
 - B mewarnakan daun
 - C melembutkan daun
 - D mengeringkan daun
4. Apakah fungsi pelurut dalam proses seni anyaman?
 - A Untuk melembutkan helaian daun mengkuang.
 - B Untuk menyisip lebihan helaian daun mengkuang.
 - C Untuk memotong daun mengkuang dari pokoknya.
 - D Untuk membuang mempulur dan duri daun mengkuang.

5. Susun mengikut tertib yang betul untuk proses seni anyaman.

- I Pepeh
 - II Lagang
 - III Anyam
 - IV Sisip dan kerat
- A I, II, III, IV
 - B I, III, II, IV
 - C II, III, I, IV
 - D II, III, IV, I

Soalan KBAT



Gambar foto 1

1. Berdasarkan gambar foto 1 di atas, banding bezakan antara dua produk seni anyaman tersebut dengan menggunakan peta pemikiran yang bersesuaian.
2. Huraikan kelebihan penggunaan bahan terbuka seperti *strap* plastik atau gulungan surat khabar dalam penghasilan seni anyaman.
3. Sekiranya anda seorang pengusaha bengkel seni anyaman, nyatakan peranan anda bagi menarik minat golongan belia mengikuti latihan kemahiran dalam bidang seni anyaman.

BIDANG KOMUNIKASI VISUAL

Komunikasi visual merupakan bidang yang menggabungkan seni dan reka bentuk bagi menghasilkan objek atau karya visual yang memfokuskan kepada penyampaian mesej tertentu melalui pelbagai media. Pereka dalam bidang komunikasi visual menginterpretasi, mengurus dan mempersembahkan mesej yang ingin disampaikan secara visual.

Kemajuan dalam teknologi digital khususnya peranti dan perisian komputer, percetakan serta media massa telah membuka lebih banyak peluang kepada pereka untuk menghasilkan karya komunikasi visual dengan lebih efisien.

Bidang kerjaya yang berkaitan dengan komunikasi visual ialah pengarah seni, pereka grafik dan pengiklanan, jurufoto, ilustrator, animator, pereka laman sesawang dan pereka permainan digital. Dalam buku ini, murid akan didedahkan dengan topik tipografi bagi seni reka grafik manakala topik kamera dan peranti pengimejan bagi seni foto.



BAB 10 | SENI REKA GRAFIK (TIPOGRAFI)

Sejak zaman dahulu, manusia telah mencipta pelbagai kaedah untuk berkomunikasi dan pemangkin kepada ketamadunan manusia, iaitu dengan terhasilnya tulisan. Kini, dengan kemajuan teknologi perkomputeran dan perisian yang sangat pesat, rekaan taip dapat dihasilkan dengan begitu meluas. Terdapat pelbagai jenis muka taip (*typeface*) pada komputer mahupun peranti digital untuk digunakan bagi tujuan berkomunikasi.

Bagi pereka grafik, tipografi bukan sahaja berfungsi menghasilkan tulisan yang sempurna untuk berkomunikasi tetapi juga sebagai satu bentuk ekspresi seni. Tipografi merupakan satu daripada elemen penting dalam komunikasi visual.



Objektif Pembelajaran

Selepas mempelajari tajuk ini, murid boleh:

- Menjelaskan definisi, jenis dan fungsi tipografi.
- Membuat eksperimentasi dan penerokaan pelbagai media dan teknik dalam proses penghasilan karya tipografi.
- Menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan rekaan tipografi dalam penghasilan karya dengan menggunakan imaginasi dan idea dengan kreatif.
- Mempamerkan, menghayati dan menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya Seni Reka Grafik.



Muhammad Syamil Sadle

Kata Kunci

- Serif
- Stroke
- Ornementasi

Persepsi Seni

Definisi Tipografi

Tipografi merupakan kemahiran seni dan teknik dalam menghasil dan menyusun jenis taip dalam bentuk tulisan agar ia jelas, mudah dibaca dan menarik untuk dipaparkan. Istilah-istilah yang terdapat dalam tipografi mempunyai banyak perkaitan dengan istilah yang diguna pakai dalam kaligrafi (satu proses kesenian bagi menghasilkan huruf secara manual) dan proses susunan taip (*typesetting*) dalam teknologi percetakan yang diperkenalkan sejak abad ke-15 lagi.



Gambar foto 10.1 Komputer dan perisian, desktop publishing



Gambar foto 10.2 Mesin cetak yang diperkenalkan oleh Gutenberg

Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 10.1.1 Menjelaskan definisi tipografi.
- 10.1.2 Memerihalkan tentang tipografi dari aspek:
 - i. Aplikasi Tipografi
 - ii. Jenis Taip
 - iii. Klasifikasi Taip
 - iv. Teknik Tipografi Ekspresi

Jom Imbas

Sejarah Tipografi

<https://www.youtube.com/watch?v=wOgIkxAfJsk>

Info Seni

Perkataan tipografi (*typography*) berasal daripada bahasa Greek, iaitu *typos* yang bermaksud tanda atau huruf manakala *graphikos* bermaksud melukis.

Cuba perhatikan di sekeliling anda dan kenal pasti objek yang mempunyai aspek tipografi. Bolehkah anda menyenaraikan objek-objek tersebut?

Aplikasi Tipografi

Penggunaan tipografi saling berkait dengan keperluan berkomunikasi. Pemahaman terhadap kaedah tipografi yang betul membolehkan komunikasi dilakukan secara efisien. Tipografi bukan sahaja merangkumi rekaan huruf tetapi juga termasuk nombor, simbol dan **ornamentasi**.




Contoh kepelbagaian aplikasi tipografi termasuklah pada:



Papan tanda

Umumnya tipografi bagi papan tanda digunakan untuk menunjuk arah atau amaran sama ada menggunakan huruf, tanda baca ataupun simbol.



Emoticons

Merupakan visual yang menggambarkan perasaan atau emosi melalui representasi ekspresi muka yang menggunakan jenis taip misalnya huruf, tanda baca dan simbol.



Grafiti

Grafiti dikaitkan dengan tulisan ataupun lukisan yang dihasilkan dalam pelbagai teknik menggunakan medium cat (khususnya cat semburan) pada dinding atau sebarang permukaan yang kebiasaannya boleh dilihat oleh orang ramai.



Poster

Poster ialah bahan bercetak pada kertas dalam saiz dan format yang tertentu. Ia berfungsi untuk menyampaikan maklumat atau promosi dengan menggunakan gabungan atau salah satu elemen grafik seperti tipografi, ilustrasi, fotografi dan sebagainya.

Rajah 10.1 Kepelbagaian aplikasi tipografi

Jenis dan Klasifikasi Taip

Sebagai pendedahan awal kepada tipografi, murid perlu mengetahui jenis dan klasifikasi taip agar dapat menggunakan istilah dengan tepat serta membuat perbandingan.

EMK Teknologi Maklumat & Komunikasi


Murid didedahkan dengan tipografi dalam penggunaan teks yang merupakan satu elemen bagi multimedia selain gambar, video, audio dan animasi.

Istilah-istilah yang biasa digunakan oleh pereka misalnya taip (*type*), muka taip (*typeface*) dan fon (*font*) adalah penting untuk difahami. Istilah taip biasanya digunakan secara umum dan sering dipadankan dengan istilah lain misalnya jenis taip, klasifikasi taip dan anatomi taip. Manakala penggunaan istilah muka taip dan fon merujuk kepada istilah yang lebih khusus.

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan pereka bagi penggunaan istilah muka taip dan fon yang sering kali disalahertikan. Dalam konteks digital, Garamond atau Times New Roman merujuk kepada muka taip (juga dikenali sebagai keluarga fon). Manakala Garamond Bold atau Times New Roman Regular pula merujuk kepada fon. Hal ini bermakna muka taip seperti Garamond boleh mempunyai beberapa set fon seperti Garamond Regular, Garamond Italic, Garamond Bold dan sebagainya.

Contoh anatomi taip

Merupakan struktur asas kepada setiap karakter huruf. Pengetahuan terhadap anatomi taip membolehkan pereka, khususnya pereka taip (*typographer*) mereka bentuk atau mengaplikasi taip dengan lebih baik. Contoh istilah yang biasa digunakan dalam anatomi taip:



Rajah 10.2 Antara istilah yang digunakan pada anatomi taip

Contoh jenis taip

Contoh dan perbandingan jenis taip boleh dilihat melalui Rajah 10.3. Jenis taip merangkumi:


Jenis Taip	Contoh Jenis Taip
Huruf besar (<i>capitals</i>)	ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ
Huruf kecil (<i>lower case</i>)	abcdefghijklmnopqrstuvwxyz
<i>Small caps</i>	ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ
Nombor	1234567890 i ii iii iv v vi vii viii ix x
Simbol matematik	+ - x = < > % √ ≤ β ÷ Ω ∑ ½ ¼ ¾
Simbol-simbol lain	\$ £ @ ® © ™ ≈ * # ♠ ♣

Rajah 10.3 Jenis-jenis taip

Contoh klasifikasi taip

Terdapat enam contoh klasifikasi taip, iaitu:

- Old Style
- Slab Serif
- Transitional
- Sans Serif
- Modern
- Script (*Italic*)



Rajah 10.4 Enam contoh klasifikasi taip yang terdapat dalam tipografi

Walaupun terdapat pelbagai muka taip yang boleh didapati pada masa ini, secara umumnya ia boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori iaitu *old style*, *transitional*, *modern*, *slab serif*, *sans serif* dan *script*. Perbezaan yang ketara antara setiap klasifikasi taip dapat dilihat melalui bentuk dan ketebalan garisan kecil pada hujung **stroke** (kualiti ketebalan pada satu garisan) dalam huruf (**serif**) serta *stroke* pada paksi menegak dalam keadaan yang serong atau lurus.

Info Seni

Perkataan “Sans” dalam bahasa Perancis bermaksud tanpa, maka istilah “Sans Serif” membawa maksud tanpa serif.

Old Style

- Ciri rekaan yang mengekalkan reka bentuk daripada lukisan teknikal secara manual.
- Mempunyai bentuk serif yang bersudut dan tumpul, *stroke* tidak terlalu nipis dan kurang kontras.
- Contoh muka taip: Garamond dan Caslon.

Garamond Caslon

Transitional

- Terhasil daripada modifikasi taip *old style*.
- Mengabungkan ciri-ciri yang terdapat pada kedua-dua *old style* dan *modern*.
- Contoh muka taip: Baskerville dan Century Schoolbook.

Baskerville Century Schoolbook

Modern

- Mempunyai ciri yang agak radikal berbanding *old style* dan *transitional* kerana mempunyai *stroke* tebal dan nipis yang sangat kontras, serif yang lurus serta paksi menegak.
- Contoh muka taip: Bodoni dan Tiffany.

Bodoni Tiffany

Slab Serif

- Mempunyai ciri *stroke* serif yang ketara dan tebal.
- Biasanya digunakan bagi tujuan hiasan dan mempunyai ciri kebolehbacaan yang rendah.
- Contoh muka taip: Rockwell dan Egyptian.

Rockwell EGYPTIAN

Sans Serif

- Taip ini tidak mempunyai serif.
- Umumnya mempunyai saiz rekaan *stroke* yang sama dan berbentuk geometrik.
- Contoh muka taip: Arial dan Helvetica.

Arial Helvetica

Script

- Diilhamkan daripada *stroke* yang dihasilkan menggunakan berus ataupun pena.
- Secara umumnya, taip ini mempunyai dua ciri rekaan iaitu kasual ataupun formal.
- Contoh muka taip: Great Vibes dan Edwardian Script.

Great Vibes Edwardian Script

Tipografi Ekspresi

Kita bukan sahaja membaca perkataan tetapi juga mampu membaca ekspresi pada reka bentuk tipografi itu sendiri. Hal ini demikian kerana tipografi ekspresi memberi penekanan secara visual (tersurat) terhadap maksud (tersirat) daripada sesuatu perkataan yang ingin disampaikan. Selain itu, ciri-ciri unik reka bentuk yang terdapat pada setiap taip boleh digunakan sebagai asas kepada rekaan baharu dengan menggunakan daya imaginasi dan kreativiti.

Jom Imbas



Cara Menghasilkan
Tipografi Ekspresi
<https://www.youtube.com/watch?v=gB1IrjFQArk>

Contoh tipografi ekspresi:

- 1 Onomatopoeia
- 2 Konotasi taip
- 3 Personifikasi taip
- 4 Figura taip

1 Onomatopoeia

Merupakan pembentukan atau penggunaan kata-kata yang meniru bunyi semula jadi bersama aksi yang dikaitkan. Contohnya, “bang”, “boom”, “snap” dan lain-lain. Onomatopoeia sering digunakan dalam seni komik.



2 Konotasi Taip

Konotasi sering digambarkan sebagai positif atau negatif yang berkaitan dengan hubungan emosi yang menyenangkan atau tidak menyenangkan. Cuba anda bandingkan kedua-dua rekaan taip yang digunakan di sebelah. Kedua-duanya mempunyai ayat yang sama, namun membawa maksud yang berbeza berdasarkan konotasi taip.

Tiada yang dapat memisahkan kita

TIADA YANG DAPAT MEMISAHKAN KITA


SPOOKY
Bounce

3 Personifikasi Taip

Memberikan sifat dan kualiti yang terdapat pada manusia kepada sesuatu perkataan melalui metafora. Personifikasi taip banyak digunakan oleh artis dalam karya seni visual bagi menyampaikan mesej dengan lebih menarik dan berkesan.

4 Figura Taip

Menghasilkan bentuk figura menggunakan reka bentuk taip serta komposisi sejumlah muka taip. Figura taip menguji kemampuan untuk melihat bentuk dan rupa yang terdapat pada setiap rekaan taip daripada perspektif yang berbeza.



Gambar foto 10.3 Contoh figura taip yang membentuk imej monyet



UJI MINDA

- 1 Suaikan pernyataan dengan istilah yang tepat.

Memberi sifat dan kualiti yang terdapat pada manusia kepada sesuatu perkataan melalui metafora.

Emoticons

Menggabungkan ciri-ciri yang terdapat pada kedua-dua klasifikasi taip, iaitu *old style* dan *modern*.

Transitional

Merupakan visual yang menggambarkan perasaan atau emosi melalui representasi ekspresi muka yang menggunakan jenis taip.

Personifikasi Taip

Eksplorasi Seni

Melalui aktiviti Eksplorasi Seni, murid boleh mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman untuk membuat eksperimentasi serta penerokaan terhadap jenis dan klasifikasi taip dengan menggunakan teknik kolaj, guntingan dan tampalan daripada bahan yang terdapat dalam media cetak.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:
10.2.1 Membuat eksperimentasi dan penerokaan tipografi dengan pelbagai media dan teknik.

Sudut Pereka Muda Aktiviti

Tujuan:

Mengaplikasi pengetahuan dan kefahaman untuk membuat eksperimentasi dan penerokaan terhadap tipografi.

Alat dan Bahan:


Bahan daripada media cetak (seperti poster, risalah, majalah dan surat khabar), kertas lukisan, gunting dan gam.

Teknik:

Kolaj, guntingan dan tampalan.

Langkah:

- 1 Murid diberi pendedahan terhadap alat dan bahan.
- 2 Murid melakukan aktiviti perbincangan dalam kumpulan kecil.
- 3 Murid diminta mengenal pasti jenis dan klasifikasi taip yang terdapat pada media cetak.
- 4 Aplikasikan teknik kolaj, guntingan dan tampalan. Kesemua jenis dan klasifikasi taip tersebut dipersembahkan kepada guru untuk dinilai.



1. Alat dan bahan yang digunakan.
2. Gunting klasifikasi taip yang telah dipilih.
3. Gamkan pada kertas lukisan.
4. Hasil eksplorasi klasifikasi taip yang dilabelkan.

Rajah 10.5 Mengeksplorasi teknik kolaj, guntingan dan tampalan

EKSPRESI SENI

Berdasarkan kefahaman terhadap tipografi ekspresi, murid perlu memilih satu daripada jenis tipografi ekspresi untuk menghasilkan karya melalui pelbagai sumber dan teknologi.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 10.3.1 Menghasilkan karya dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan rekaan tipografi berikut:
- Reka bentuk tipografi untuk menggambarkan ekspresi visual atau simbol kepada bunyi.
 - Reka bentuk tipografi dengan menggunakan teknik figura taip.

AKTIVITI SUDUT PEREKA MUDA

Tujuan:


- Menghasilkan karya menggunakan satu daripada jenis tipografi kreatif.
- Penyahiran idea dan konsep melalui pelbagai sumber dan teknologi dalam penjanaan tugasan.

Alat dan Bahan:

Pensel, pensel warna, kertas lukisan, gunting, gam, bahan bercetak dan komputer.

Langkah:

- Pilihan bagi menjalankan aktiviti projek ini adalah secara individu atau kolaboratif.
- Murid diminta menggunakan teknik figura taip bagi menghasilkan rekaan tipografi ekspresi.
- Murid boleh menggunakan media digital melalui perisian komputer atau secara manual dengan menggunakan teknik lakaran atau kolaj.



Rajah 10.6 Menghasilkan karya tipografi ekspresi



Apresiasi Seni

Pada sesi Apresiasi Seni ini, karya rekaan tipografi ekspresi yang dihasilkan oleh murid akan dipersembahkan di hadapan kelas. Murid perlu menjelaskan karya tersebut kepada guru dan rakan-rakan berdasarkan panduan berikut:

- Apakah yang dimaksudkan dengan tipografi ekspresi?
- Bagaimanakah murid menghasilkan tipografi ekspresi tersebut?
- Apakah kelebihan media dan teknik yang digunakan bagi menghasilkan karya tersebut?

Aktiviti Sudut Pereka Muda

Tujuan:

Menggunakan Bahasa Seni Visual bagi menerangkan karya seni yang dihasilkan.

Alat dan Bahan:

Hasil karya tipografi murid.

Langkah:

- Hasil karya dipamerkan di hadapan kelas.
- Pemilik karya dikehendaki menerangkan karya yang dihasilkan dan berkongsi pengalamannya semasa menghasilkan karya tersebut.
- Murid lain boleh bertanyakan soalan mengenai karya yang dipersembahkan.



Gambar foto 10.4 Murid menerangkan mengenai karya yang telah dihasilkan



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 10.4.1 Mempamerkan hasil karya seni.
- 10.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual.
- 10.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan tipografi dalam karya seni reka grafik.



Nota

Sesi apresiasi seni perlu menumpukan kriteria berikut:

- Keaslian hasil karya
- Perkaitan tema subjek pilihan dengan aspek Pemikiran Seni Visual
- Kelancaran penyampaian dengan mengaplikasikan Bahasa Seni Visual

IMBAS KEMBALI

Seni Reka Grafik (Tipografi)

Jenis

Jenis taip meliputi satu rekaan lengkap bagi sesuatu muka taip (*typeface*), iaitu:

- Small Caps
- Huruf Kecil
- Huruf Besar
- Tanda Baca
- Simbol Matematik
- Simbol-simbol Lain

Klasifikasi

Kepelbagaian muka taip (*typeface*) boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori, iaitu:

- Transitional
- Modern
- San Serif
- Script
- Old Style

Aplikasi

Tipografi boleh diaplikasikan dalam pelbagai kaedah untuk berkomunikasi, antaranya:

- Buku
- Papan Tanda
- Poster
- Grafiti
- Emoticons

Ekspresi

Tipografi ekspresi boleh memberikan penekanan secara visual (tersurat) terhadap maksud (tersirat) daripada sesuatu perkataan yang disampaikan. Ciri-ciri unik reka bentuk muka taip (*typeface*) juga boleh digunakan sebagai asas kepada rekaan baharu dengan menggunakan daya imaginasi dan kreativiti, misalnya:

- Onomatopoeia
- Konotasi Taip
- Personifikasi Taip
- Figura Taip

Info Kerjaya

Kerjaya yang sesuai diceburi dalam bidang ini ialah:

- Pereka grafik: Pengetahuan dan kemahiran reka bentuk tipografi khususnya dalam bidang *desktop publishing* (DTP) akan memberi keyakinan bagi menghasilkan reka letak (*layout*) dan susunan taip (*typesetting*) pada bahan penerbitan yang dihasilkan.
- Pereka dalam bidang pengiklanan: Memanfaatkan penggunaan tipografi ekspresi untuk menyampaikan mesej yang kreatif dan menarik kepada pengguna.
- Pelukis komik: Mengaplikasikan onomatopoeia bagi memberi penekanan terhadap kesan bunyi pada aksi dalam karya ilustrasi komik yang dihasilkan.

LATIHAN SUMATIF

Soalan Objektif

- Manakah antara berikut merupakan definisi dan fungsi tipografi yang benar?
A Istilah-istilah yang terdapat dalam tipografi mempunyai banyak perkaitan dengan istilah yang diguna pakai dalam komputer.
B Berasal daripada bahasa Latin, iaitu "typos" bermaksud tanda atau huruf manakala "graphikos" ialah melukis.
C Teknik dalam menghasil dan menyusun jenis taip dalam ayat untuk dibaca.
D Berfungsi menghasilkan tulisan yang sempurna untuk berkomunikasi serta sebagai satu bentuk ekspresi seni.
- Antara berikut, yang manakah jenis taip yang telah dipelajari?
I Khat
II Huruf besar
III Konotasi taip
IV Simbol matematik
A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D II dan IV
- Onomatopoeia, konotasi taip, personifikasi taip dan figura taip digunakan bagi menghasilkan ...
A Seni kolaj
B Ekspresi diri
C Klasifikasi taip
D Tipografi ekspresi

Mempunyai ciri *stroke* serif yang ketara dan tebal. Biasanya digunakan bagi tujuan hiasan dan mempunyai ciri kebolehbacaan yang rendah. Contoh muka taip ialah Egyptian.

- Penjelasan di atas merujuk kepada klasifikasi taip ...
A *Old Style*
B *San Serif*
C *Slab Serif*
D *Transitional*
- Onomatopoeia sering digunakan dalam ...
A Poster
B Komik
C Grafiti
D Papan tanda

Soalan KBAT

- Bagaimanakah reka bentuk tipografi dapat membantu komunikasi sesama manusia dengan lebih efisien? Bincangkan.



Rajah 1

- Bagaimanakah karya dalam Rajah 1 dapat memberi penekanan secara visual (tersurat) terhadap maksud (tersirat) daripada satu perkataan yang ingin disampaikan? Huraikan.


BAB 11 | SENI FOTO (KAMERA DAN PERANTI PENGIMEJAN)

Seni foto dan kamera adalah saling berkait rapat, bagi irama dan lagu, tidak dapat dipisahkan. Penghasilan karya seni foto memerlukan kemahiran pengkarya menggunakan 'alat' kamera sepertimana seorang tukang kayu dengan kemahiran menggunakan alatan seperti tukul, pahat, gergaji dan sebagainya bagi menghasilkan sebuah kerusi.

Penguasaan terhadap 'alat' kamera yang digunakan akan memberi kelebihan kepada pengkarya seni untuk menghasilkan karya yang bermutu. Dengan kemajuan teknologi digital dan kepelbagaian jenis kamera serta peranti pengimejan yang terdapat pada masa ini, sudah pasti akan memberi ruang dan peluang yang besar untuk menghasilkan karya melalui seni foto.



Rahmat Hidayat Abdul Rahman,
Kudrat, 2017



Rahmat Hidayat Abdul Rahman
Bangunan Sultan Abd. Samad, 2017



Objektif Pembelajaran

Selepas mempelajari tajuk ini, murid boleh:

- ➔ Menjelaskan definisi, jenis serta fungsi kamera dan peranti pengimejan.
- ➔ Membuat eksperimentasi dan penerokaan seni foto dengan pelbagai media dan teknik.
- ➔ Menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan seni foto dalam penghasilan karya dengan menggunakan imaginasi dan idea dengan kreatif.
- ➔ Mempamerkan, menghayati dan menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni foto.



Kata Kunci

- Resolusi
- Komposisi
- Digital SLR
- Saiz sensor



Persepsi Seni

Definisi Kamera dan Peranti Pengimejan

Definisi kamera merangkumi instrumen atau alat optik yang digunakan bagi merakam dan merekod gambar sama ada untuk tujuan menyimpan, menghantar kepada peranti lain mahupun mencetak terus gambar tersebut. Peranti pengimejan pula ialah alatan elektronik yang mempunyai pelbagai fungsi termasuk fungsi kamera, misalnya telefon pintar.

Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 11.1.1 Menjelaskan definisi serta jenis kamera dan peranti pengimejan.
- 11.1.2 Menjelaskan format serta kualiti imej yang terhasil daripada kamera dan peranti pengimejan.
- 11.1.3 Memerihalkan teknik komposisi kreatif dalam fotografi.




Rajah 11.1 Definisi kamera

TAHUKAH ANDA?

Perkataan kamera dipercayai berasal daripada bahasa Latin, iaitu *camera obscura* yang bermaksud bilik atau ruang gelap. Nama tersebut menerangkan bagaimana paparan imej yang terpancar pada satu ruang yang gelap melalui lubang cahaya, iaitu proses yang menjadi konsep asas kepada penghasilan kamera moden.

Info Seni

Pada abad ke-11 Masihi, seorang ilmuwan berbangsa Arab, iaitu Ibn al-Haytham telah berjaya membuat eksperimen dan menulis tentang ilmu optik yang membuka kepada penemuan kamera obskura iaitu konsep asas kepada kamera moden masa ini.



Jenis Kamera dan Peranti Pengimejan

Perkembangan teknologi kamera dan pengimejan bermula dengan penghasilan kamera obskura kepada penggunaan filem pada abad ke-19. Sehingga kini, teknologi digital dan peranti pintar telah menghasilkan kepelbagaian jenis kamera serta format dan kualiti resolusi imej untuk kegunaan umum mahupun secara profesional. Jenis kamera dan peranti pengimejan adalah merujuk kepada perbezaan bentuk, spesifikasi dan kegunaannya. Contoh kepelbagaian jenis kamera dan peranti pengimejan ialah:

Sains dan Teknologi

Murid didedahkan dengan fungsi kamera yang mempunyai banyak persamaan dengan fungsi mata manusia. Imej terbalik yang terhasil daripada kanta mata kita dihantar melalui saraf optik ke otak lalu, diterjemah menjadi imej yang betul. Manakala jumlah cahaya yang masuk melalui lensa dikawal melalui pengatup (*shutter*) pada kamera adalah hampir sama seperti fungsi iris atau anak mata kita.



Rajah 11.2 Kamera dan peranti pengimejan

Format Kamera

Format kamera merujuk kepada saiz (contoh: 35 mm, medium) dan kualiti **resolusi** (contoh: 25 megapiksel, bingkai penuh) imej yang dihasilkan sama ada dalam bentuk analog ataupun digital. Kualiti resolusi bagi kamera digital dan peranti pengimejan juga dipengaruhi oleh **saiz sensor**. Kamera digital dan peranti pengimejan yang mempunyai saiz sensor yang besar akan menghasilkan kualiti resolusi imej yang lebih tinggi.


TAHUKAH ANDA?

Format bingkai penuh (*full frame*) atau merujuk kepada saiz 35 mm x 24 mm pada filem gulung yang digunakan bagi kamera SLR dan kini format tersebut digunakan juga pada kamera **Digital SLR (DSLR)** yang merujuk kepada saiz sensor imej.



Contoh Perbandingan Format dan Saiz Sensor pada Kamera dan Peranti Pengimejan

Bingkai penuh



Sensor Bingkai Penuh 35 mm


Petunjuk:

- Sensor bingkai penuh
- Sensor APS-C
- Sensor 4/3"
- Sensor telefon pintar

Format medium





Format medium
bersaiz 6 x 5 inci.



Format bingkai penuh

Format medium
bersaiz 6 x 6 inci.



Format medium
bersaiz 6 x 7 inci.



Rajah 11.3 Perbandingan format bingkai penuh dengan format medium

Teknik Komposisi Kreatif dalam Fotografi

Jom Imbas



Anatomi Kamera

<https://www.youtube.com/watch?v=gB1IrjFQArk>

Fotografi ialah bidang yang menggabungkan sains dan seni. Pengetahuan terhadap ilmu optik, pencahayaan serta bagaimana mekanisme kamera berfungsi adalah antara sumbangan terhadap ilmu sains. Manakala bagi pereka dan pengkarya seni, fotografi merupakan salah satu medium untuk menghasilkan karya seni.

Mempelajari teknik **komposisi** kreatif dalam seni foto akan membantu murid untuk melihat dan menghayati objek serta persekitaran dalam perspektif yang berbeza. Seterusnya, dapat menghasilkan karya seni dengan merakam imej yang menarik melalui kamera ataupun peranti pengimejan. Terdapat banyak contoh teknik komposisi yang boleh dipelajari:

- Peraturan ketiga (*rule of thirds*)
- Sudut pandangan (*point of view*)
- Imbangan (*balance*)
- Kedalaman (*depth*)
- Garisan membawa (*leading lines*)
- Pemangkasan dan pembingkai (*cropping and framing*)

Peraturan ketiga

Teknik ini menggunakan garisan grid untuk membahagikan gambar kepada tiga bahagian secara menegak dan melintang. Objek akan diletakkan pada grid di hujung bahagian kanan ataupun kiri untuk mendapatkan komposisi yang harmoni.



Imbangan

Gambar di sebelah menggunakan teknik komposisi imbangan simetri, iaitu bahagian kiri dan kanan mempunyai imbangan yang sama.



Garisan membawa

Perhatikan bagaimana komposisi gambar ini menggunakan garisan pada struktur jeti kayu tersebut membawa kepada objek manusia yang sedang melompat.



Sudut pandangan

Gambar akan menjadi lebih menarik sekiranya menggunakan sudut pandangan yang pelbagai. Gambar di sebelah menggunakan sudut pandangan dari bawah untuk mendapatkan kesan yang lebih dramatik. Anda boleh mencuba dengan meminjam sudut pandangan burung, iaitu dari atas untuk mendapatkan komposisi imej yang berbeza.



Kedalaman

Dengan menggunakan kamera dan lensa yang mempunyai saiz bukaan (*aperture*) yang besar, anda boleh menghasilkan *depth-of-field* yang rendah pada gambar yang dirakam. Ia bertujuan memberi fokus kepada subjek yang ingin ditonjolkan dengan mengaburkan imej di sekelilingnya.



Pembingkai

Elemen yang terdapat di sekeliling anda boleh dijadikan pembingkai kepada objek atau tempat yang menjadi tumpuan mata. Sebagai contoh, anda boleh menggunakan pintu, tingkap, dahan, daun dan sebagainya untuk dijadikan pembingkai.




Rajah 11.4 Teknik komposisi kreatif dalam fotografi



UJI MINDA

Lengkapkan peta pemikiran di bawah.



Eksplorasi Seni

Pada bahagian ini, murid akan melakukan aktiviti bagi mengenali komponen yang terdapat pada kamera serta fungsinya. Murid juga akan meneroka teknik-teknik komposisi kreatif dalam seni foto.

Sudut Peraka Muda Aktiviti

Tujuan:

Mengenal pasti komponen utama yang terdapat pada kamera serta fungsinya.

Alat dan Bahan:

Kamera atau peranti pengimejan (secara maujud mahupun ilustrasi bergambar) dan nota pelekat.

Arahan:

Murid membuat kajian mengenai jenis kamera dan peranti pengimejan dengan membawa contoh yang maujud atau ilustrasi bergambar melalui aktiviti berikut:

- Membuat perbandingan kepelbagaian jenis kamera dan peranti pengimejan.
- Melabelkan bahagian pada kamera.

Langkah:

- 1 Murid diberi pendedahan terhadap alat dan bahan.
- 2 Murid melakukan aktiviti perbincangan dalam kumpulan kecil.
- 3 Murid diminta untuk mengenal pasti jenis kamera atau peranti pengimejan yang dibawa.
- 4 Aplikasi teknik guntingan dan tampalan atau menggunakan nota pelekat bagi melabel bahagian pada kamera atau peranti pengimejan tersebut dan dipersembahkan kepada guru untuk dinilai.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 11.2.1 Membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan kamera dan peranti pengimejan.
- 11.2.2 Membuat eksperimentasi bagi penghasilan komposisi foto.

EKSPRESI SENI

Murid diminta menghasilkan karya seni foto berdasarkan cadangan tema yang diberi dengan menggunakan satu atau beberapa teknik komposisi kreatif seni foto. Murid boleh menggunakan apa-apa jua jenis kamera atau peranti pengimejan.

AKTIVITI SUDUT PEREKA MUDA

Tujuan:

Mengaplikasi teknik komposisi kreatif.

Alat dan Bahan

Kamera atau peranti pengimejan, LCD dan mesin pencetak.

Arahan:

Murid diminta menghasilkan imej foto dengan menggunakan pelbagai teknik komposisi kreatif fotografi berdasarkan satu daripada contoh tema berikut:

- Sekolahku.
- Objek berdasarkan tema warna. Contoh: Merah – pili bomba, cili merah, lampu trafik, kumbang (*ladybird*) dan lain-lain.
- Suasana perayaan di Malaysia.
- Haiwan peliharaan.

Langkah:

- 1 Pilihan tema bagi menjalankan aktiviti projek ini adalah secara kolaboratif dalam beberapa kumpulan kecil.
- 2 Murid boleh memilih untuk menggunakan apa-apa jenis atau format kamera dan peranti pengimejan untuk menjalankan tugas.
- 3 Murid boleh menggunakan media digital bagi mempersembahkan hasil karya mereka atau secara manual dengan mencetak foto-foto tersebut.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 11.3.1 Menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan komposisi foto.



Jom Imbas



Cara Merakam Gambar

<https://www.youtube.com/watch?v=gB1IrfQArk>



Rajah 11.5 Contoh label komponen utama kamera



Gambar foto 11.1 Tema haiwan peliharaan menggunakan teknik sudut pandangan dan pembingkai



Gambar foto 11.2 Tema haiwan peliharaan menggunakan teknik peraturan ketiga dan kedalaman

Apresiasi Seni

Pada sesi Apresiasi Seni ini, karya seni foto yang dihasilkan akan dipersembahkan di hadapan kelas. Murid boleh menjelaskan karya tersebut kepada guru dan rakan-rakan dengan menggunakan panduan berikut:

- Apakah jenis kamera atau peranti pengimejan yang digunakan?
- Apakah teknik komposisi kreatif dalam karya seni foto yang dirakamkan?
- Apakah kelebihan teknik yang digunakan bagi menghasilkan karya tersebut?

Aktiviti Sudut Pereka Muda

Tujuan:

Menggunakan Bahasa Seni Visual bagi menerangkan karya seni.

Alat dan Bahan:

Hasil karya teknik komposisi kreatif murid.

Langkah:

- 1 Hasil karya murid dipamerkan di dalam kelas.
- 2 Setiap kumpulan diberi masa tiga sehingga lima minit untuk menjelaskan mengenai hasil karya yang telah dihasilkan.
- 3 Wakil kumpulan perlu membentangkan hasil karya dan menceritakan pengalaman semasa menyiapkan hasil karya tersebut.
- 4 Hasil pemerhatian dicatat dalam buku nota.



Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 11.4.1 Mempamerkan hasil karya seni.
- 11.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni foto sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual.
- 11.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni.



Nota

Sesi apresiasi seni perlu menumpukan kriteria berikut:

- Keaslian hasil karya
- Perkaitan tema subjek pilihan dengan aspek Pemikiran Seni Visual
- Kelancaran penyampaian dengan mengaplikasikan Bahasa Seni Visual



IMBAS KEMBALI

Seni Foto

Kamera dan Peranti Pengimejan

Format

Format kamera merujuk kepada saiz dan kualiti resolusi imej yang dihasilkan dalam bentuk analog (filem) ataupun digital. Kualiti resolusi digital juga dipengaruhi oleh saiz sensor. Contoh format adalah seperti berikut:

- 35 mm (bingkai penuh)
- APS-C
- Format medium
- Format besar
- Resolusi digital (piksel)

Jenis

Kepelbagaian jenis kamera dan peranti pengimejan merujuk kepada perbezaan bentuk, spesifikasi dan kegunaannya. Antaranya ialah:

- SLR (*Single-lens Reflex*)
- TLR (*Twin-lens Reflex*)
- Kompak (*compact*)
- Kamera aksi
- Kamera gambar segera
- Kamera panorama atau 360°
- Telefon pintar

Komposisi Kreatif

Teknik komposisi kreatif dalam seni foto boleh membantu murid melihat dan menghayati objek serta persekitaran dalam perspektif yang berbeza agar dapat merakam gambar yang menarik.

- Peraturan ketiga (*rule of thirds*)
- Imbangan (*balance*)
- Garisan membawa (*leading lines*)
- Sudut pandangan (*point of view*)
- Kedalaman (*depth*)
- Pemangkasan dan pbingkaiian (*cropping and framing*)



Info Kerjaya

Kerjaya yang sesuai diceburi dalam bidang ini ialah:

- Bidang fotografi mempunyai prospek kerjaya yang sangat luas, khususnya dalam industri kreatif negara.
- Artis seni halus menggunakan fotografi sebagai salah satu medium dalam penghasilan karya mereka.
- Jurufoto diperlukan dalam sidang redaksi penerbitan, misalnya majalah, surat khabar dan buku.
- Terdapat ramai jurufoto muda yang belajar untuk berdikari dengan menawarkan kerja *freelance*, iaitu bayaran bagi kerja mengikut tempoh sesuatu projek yang dijalankan.



Gambar foto 11.3 Sesi apresiasi seni



LATIHAN SUMATIF

Soalan Objektif

1. Siapakah ilmuwan berbangsa Arab yang telah berjaya menjalankan eksperimen dan menulis tentang ilmu optik yang membawa kepada penemuan kamera obskura?
A Ibn Sina
B Ibn Khaldun
C Ibn al-Haytham
D Abu Nasr al-Farabi
2. Manakah antara berikut merupakan jenis kamera?
A DSLR
B Teleskop
C Teropong
D Telefon pintar
3. Antara berikut, yang manakah menerangkan ciri-ciri kamera format bingkai penuh?
I Format medium
II Terdapat dalam medium digital dan filem
III Bersaiz 34 mm x 26 mm pada filem gulung
IV Lebih besar daripada sensor telefon pintar
A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D III dan IV
4. Berikut merupakan contoh teknik komposisi kreatif fotografi yang boleh anda gunakan.
A Kolaj
B Warna
C Menegak
D Sudut pandangan

Elemen yang terdapat di sekeliling anda boleh dijadikan sebagai _____ kepada objek atau tempat yang menjadi tumpuan mata. Misalnya, anda boleh menggunakan pintu, tingkap, dahan dan daun atau sebagainya untuk dijadikan _____.

5. Tempat kosong pada ayat penjelasan di atas merujuk kepada teknik komposisi ...
A Imbangan
B Pembingkai
C Peraturan ketiga
D Sudut pandangan

Soalan KBAT

1. Bincangkan ciri-ciri kesamaan yang terdapat pada fungsi kamera dengan mata manusia.
2. Adakah dengan menggunakan model kamera yang mahal (spesifikasi profesional), teknik komposisi foto akan lebih baik berbanding kamera biasa? Bincangkan.



Gambar foto 1

3. Berdasarkan gambar foto 1, bincangkan teknik komposisi yang digunakan oleh jurufoto tersebut.

Arcawan – pengarca.

Budaya benda – peralatan dan kelengkapan hidup seperti rumah, pakaian, senjata, kenderaan dan sebagainya.

Digital SLR – teknologi digital dengan sensor menggantikan fungsi filem pada kamera *single-lens reflex* (SLR) untuk merakam imej.

Fleksibiliti – bersifat fleksibel.

Futuristik – berkenaan idea yang mengarah (menuju) ke masa depan.

Gadas – anyaman yang tidak mempunyai kelarai.

Hibrid – terbentuk daripada gabungan beberapa teknologi yang berlainan.

Identiti budaya – aspek-aspek tertentu yang menunjukkan sesuatu budaya.

Kain irasan – kain yang dijadikan dasar tekatan, iaitu kain baldu. Dikenali juga sebagai kain dasar.

Kain linen – kain yang diperbuat daripada serat pokok flaks.

Kain samarinda – kain tenun bercorak petak.

Keluk Perancis – alat yang digunakan untuk melukis keluk.

Kertas surih – kertas nipis yang digunakan untuk meniru peta dan lain-lain yang diletakkan di bawahnya.

Komposisi – kaedah peletakan sesuatu objek atau elemen rekaan pada sesuatu karya seni termasuk seni foto.

Konstruktivisme – proses mengasimilasi dan mengaitkan pengalaman yang dipelajari dengan pengertian yang sudah dimiliki sehingga pengetahuannya dapat dikembangkan dalam membuat penerokaan bahan dan proses.

Kontekstual – murid memproses maklumat atau ilmu pengetahuan baharu dengan cara tertentu sehingga ia membawa maksud kepada mereka

dalam kerangka rujukan mereka sendiri dalam membuat penerokaan bahan dan proses.

Lagang – helaian dilipat dua bahagian sama panjang dengan helaian mengkuang dibentuk seperti “V”.

Legap – tidak dapat dilintasi oleh cahaya (berkenaan batu, kayu dan lain-lain).

Lukisan perincian – teknik membesarkan bahagian tertentu dalam lukisan lengkap.

Lukisan perspektif – kaedah untuk melihat objek dalam bentuk tiga dimensi.

Lukisan unjuran – lakaran bentuk sesuatu objek yang dilukis dari arah tertentu.

Lut sinar – dapat melihat melaluinya (kaca dan lain-lain), hening.

Ornamentasi – elemen dekoratif yang dimasukkan bagi menambah nilai estetika.

Paradigma – asas disiplin intelektual.

Pepeh – teknik melipat dan menganyam bahagian tepi anyaman untuk memamatkannya.

Pluralis – lebih daripada satu, jamak.

Rendering – pengolahan warna.

Resolusi – perincian data yang terdapat dalam sesuatu imej. Semakin tinggi resolusi bermakna semakin terperinci imej yang dihasilkan.

Saiz sensor – kualiti imej yang dihasilkan dari aspek saiz imej, resolusi, sensitiviti pada cahaya dan sebagainya ditentukan dengan saiz sensor.

Seni zen – seni aliran Budha Mahayana yang berasal dari China sejak Dinasti Tang.

Serif – penambahan *stroke* kepada struktur asas rekaan sesuatu fon sebagai hiasan atau pelengkap.

Stroke – kualiti yang menentukan saiz ketebalan pada garisan yang terdapat pada huruf.

Taman tropika – landskap yang merujuk kawasan sekitar Khatulistiwa.

- Abdul Aziz Zalay. (2013). *The Bersila Workstation: A New Work-Furniture Concept*. Tesis.
- Alain Weill. (2004). *Graphic: A Century of Poster and Advertising Design*. London: Thames & Hudson.
- Azah Aziz. (2009). *Rupa & Gaya Busana Melayu*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bill Buxton. (2010). *Sketching User Experiences: Getting the Design Right and the Right Design*. USA: Morgan Kaufmann.
- Brian Clouston, (Ed.). (2013). *Landscape Design with Plants*. Australia: Newnes.
- Brian Dilg, (Ed.). (2014). *30-Second Photography*. Great Britain: Ivy Press.
- Craul, P. J. (1992). *Urban Soil in Landscape Design*. New York: John Wiley & Sons.
- Daniel Delis Hill. (2011). *An Abridged History of World Costume and Fashion*. New Jersey: Prentice Hall.
- Elizabeth Boults & Sullivan Chip. (2010). *Illustrated History of Landscape Design*. New York: John Wiley & Sons.
- Francis DK Ching & Corky Binggeli. (2018). *Interior Design Illustrated*. New York: John Wiley & Sons.
- Galen Cranz. (2013). *The Chair: Rethinking Culture, Body, and Design*. W. W. Norton & Company.
- Galeri Petronas. (2014). *Lakaran Kerja dan Lukisan daripada Adikarya Pelbagai Artis Malaysia*. Kuala Lumpur: Galeri Petronas.
- Glosari Seni Lukis*. (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Graeme Brooker & Sally Stone. (2010). *What is Interior Design?* United Kingdom: RotoVision.
- Harrison, A. & Hutton, L. (2013). *Design for the Changing Educational Landscape: Space, Place and the Future of Learning*. London: Routledge.
- Hassan & Sufian. (2015). *Reka Bentuk Perindustrian Perabot*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hood Salleh. (2006). *The Encyclopedia of Malaysia (Volume 12): People and Traditions*. Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Imbasan Bakat Muda Sezaman 1974–1997 Young Contemporaries in Review*. (1997). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Inventori Himpunan Tetap Warisan Seni Tampak Negara*. (1958–2003). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Inventori Himpunan Tetap Warisan Seni Visual Negara*. (2004–2009). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Inventori Koleksi Seni Visual Negara 2010*. (2010). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Ismail Ibrahim. (2011). *Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah*. Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Jamil Abu Bakar & Azilah Mohamed Akil. (2012). *Landskap Keselesaan Termal*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Jamil Abu Bakar. (2012). *Taman Malaysia ke Arah Identiti Nasional*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Jorge Frascara. (2004). *Communication Design: Principles, Methods and Practice*. Now York: Allworth Press.
- Julius Panero & Martin Zelnik. (2014). *Human Dimension and Interior Space: A Source Book of Design Reference Standards*. New York City: Watson-Guptill.
- Louise Jones. (2012). *Environmentally Responsible Design: Green and Sustainable Design for Interior Designers*. New York: John Wiley & Sons.
- Lynne Mesher. (2010). *Basics Interior Design 01: Retail Design (Vol. 1)*. T.T: Ava Publishing.
- Maureen Mitton & Courtney Nystuen. (2016). *Residential Interior Design: A Guide to Planning Spaces*. New York: John Wiley & Sons.
- Maureen Mitton. (2012). *Interior Design Visual Presentation: A Guide to Graphics, Models and Presentation Techniques*. New York: John Wiley & Sons.
- Muliyadi Mahamood. (2001). *Seni Lukis Moden Malaysia: Era Perintis Hingga Era Pluralis (1930–1990)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Peter Opsvik. (2009). *Rethinking Sitting*. New York: WW Norton & Co.
- Rita Lasimbang & Stella Moo-Tan. (1997). *An Introduction to the Traditional Costumes of Sabah*. Kota Kinabalu: Natural History Publication.
- Robin Landa. (2013). *Graphic Design Solutions*. 5th Edition. Boston: Wadsworth Publishing
- Robin Landa & Rose Gonnella. (2001). *Visual Workout: Creativity Workbook*. New York: OnWord Press.
- Sim Van der Ryn & Stuart Cowan. (2013). *Ecological Design*. USA: Island Press.
- Siti Zainon Ismail. (2009). *Pakaian Cara Melayu*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tom Ang. (2012). *Digital Photography: An Introduction*. 4th. Edition. London: Dorling Kindersley Limited.
- Traviz Beck. (2013). *Principles of Ecological Landscape Design*. USA: Island press.
- Unit Dokumentasi dan Penerbitan. (2005). *Koleksi Terpilih Siri III: Emas dan Perhiasan*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti, Malaysia.
- Zev Naveh & Arthur S. Lieberman. (2013). *Landscape Ecology: Theory and Application*. Jerman: Springer Science & Business Media.
- Zubaidah Shawal. (1994). *Busana Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti, Malaysia.
- Zulkifli Hanafi. (2014). *Tokoh-tokoh Seni Bina Moden*. Pulau Pinang: Penerbit USM.

A

Abdullah Arif 52
animator 121
Artist Book 16
asemblaj 47
Azah Aziz 12

B

belantan 107, 110
binaan 46–48

C

cat akrilik 32–33, 37, 40
cat gouache 32–33, 40
cuban 94–95, 102

D

dokoh 6, 18

F

figura 26, 132, 134–35
fotografi 138, 141, 148
fresko 32
futuristik 83

G

gadas 106, 115
garisan membawa 141–42
gendik 7, 17

I

ilustrator 121
instalasi 47

K

kamera obskura 139, 148
kelarai 107, 109, 119–20
kesumba 110
kolaboratif 27, 50, 132
kemaga 90, 95

L

lagang 111–12, 120
landskap 55–58, 60–62, 66
luakan 47, 51

M

manipulasi 46, 48, 51
melayur 110, 120
melurut 107, 111
mempulur 107, 120
mobail 47, 51–52

O

onomatopoeia 129, 132,
134

P

pandan 108, 125
pending 3, 6, 17, 18,
personifikasi 129, 132, 134

R

Ramlan Abdullah 44–45, 51
retro 78, 82–83, 87–88
rotan 108–09, 119

S

samping 4–6, 17
sculpture 45
stabail 42, 47, 51
sulam 95, 98, 100, 102

T

tipografi 121–22, 124–25,
129, 133–34
titik lenyap 73
transitional 127

U

ultramoden 78, 82–83, 87–
88
untina 92, 100